


Jilid II  
Bil. 20



Hari Khamis  
6hb Disember, 1984

**MALAYSIA**

**PENYATA RASMI PARLIMEN**  
PARLIAMENTARY DEBATES

**DEWAN NEGARA**  
*SENATE*

**PARLIMEN KEENAM**  
*Sixth Parliament*

**PENGGAL KEDUA**  
*Second Session*

**KANDUNGANNYA**

**JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**  
**[Ruangan 2617]**

**RANG UNDANG-UNDANG:**

**Rang Undang-undang Perbekalan, 1985 [Ruangan 2664]**

MALAYSIA

**PARLIMEN KEENAM — DEWAN NEGARA**

*Penyata Rasmi Parlimen*

**PENGGAL YANG KEDUA**

**AHLI-AHLI DEWAN NEGARA**

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI ISMAIL KHAN, P.M.N., P.S.M., P.N.B.S., B.K.T., P.P.T. (Dilantik)
- ” Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DR. MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMAD NOOR, J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Dilantik)
- ” Timbalan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO SULAIMAN BIN NINAM SHAH, P.S.M., S.P.M.J., S.S.I.J., J.M.N., B.S.I., P.I.S., J.P. (Dilantik)
- ” TUAN ABDUL GHANI BIN HAJI OTHMAN (Dilantik)
- ” LT. KOL. (B) ABDUL HAMID BIN IBRAHIM, S.M.S., K.M.N., P.I.S. (Dilantik)
- ” TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI LATIF (Dilantik)
- ” TUAN HAJI ABDUL JALIL BIN ABDUL RAHMAN, A.M.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- ” TUAN HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI ABU SAMAH, A.M.N., P.J.K. (Dilantik)
- ” TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN HAJI ABU BAKAR, A.M.N. (Dilantik)
- ” TOH MUDA DR. ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, P.C.M. (Dilantik)
- ” TUAN HAJI ABU BAKAR BIN LAJIM (Dilantik)
- ” TUAN AHMAD BIN OTHMAN, B.M.S., A.M.K., A.M.N., P.J.K. (Kedah)
- ” DATUK ABANG HAJI AHMAD URAI BIN DATU HAKIM ABANG HAJI MOHIDEEN (Sarawak)
- ” TUAN ALEXANDER Y. L. LEE (Dilantik)
- ” TUAN HAJI ARIFFIN BIN HAJI SALLEH, K.M.N., S.M.K. (Dilantik)
- ” TUAN FADZIL BIN MAHMOOD, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Perlis)
- ” DATO S. GOVINDARAJ, D.P.M.S., K.M.N., P.P.N., P.P.T., J.P. (Dilantik)
- ” PUAN HAJJAH HABIBAH BINTI ABDUL GHANI, K.M.N., A.M.P., A.M.N., P.J.K. (Pahang)
- ” PUAN HAFSAH BINTI OTHMAN (Dilantik)
- ” PUAN HASANAH BINTI HAJI MOHD. KASSIM @ HASANAH FATIMAH BINTI HAJI MOHD. KASSIM, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Terengganu)
- ” TUAN HASSAN BIN NAM (Dilantik)
- ” TUAN HAJI HUSSEIN BIN AHMAD (Dilantik)
- ” TUAN HAJI IBRAHIM BIN HAJI UJANG (Negeri Sembilan)
- ” TUAN IBRAHIM BIN SALLEH, A.M.N., P.J.K. (Dilantik)
- ” DATUK ISHAK BIN ABDUL RAHMAN, D.S.P.N., A.M.N., P.J.K. (Pulau Pinang)

- Yang Berhormat **TUAN JAAFAR BIN HARUN (Dilantik)**
- ” **DATUK JAMES BERNARD WILLIE, P.G.D.K. (Sabah)**
  - ” **PUAN SRI JANAKI ATHI NAHAPPAN, A.M.N., P.J.K. (Dilantik)**
  - ” **TUAN R. M. JASNI, B.K. (Dilantik)**
  - ” **DATO KAMARUZAMAN BIN AHMAD (Dilantik)**
  - ” **TUAN KEE YONG WEE (Wilayah Persekutuan)**
  - ” **TUAN KENNETH KENYAN ANAK TEMENGGONG KOH, K.M.N., J.B.S. (Sarawak)**
  - ” **DATO KHOO KAY POR, D.M.P.N., J.M.N., J.P. (Pulau Pinang)**
  - ” **TUAN KUAN PENG SOON @ KUAN PENG CHING (Perak)**
  - ” **TUAN K. KUMARAN, K.M.N., P.M.P., P.P.T., J.P. (Dilantik)**
  - ” **TUAN HAJI LATIP BIN HAJI DRIS, P.B.S. (Dilantik)**
  - ” **TUAN LIM KEAN SIEW (Dilantik)**
  - ” **CIK LIM SEAN LEAN @ LIM HIANG NAI, K.M.N. (Dilantik)**
  - ” **DATUK LOH FOOK YEN, D.S.I.J., P.P.N., P.I.S. (Dilantik)**
  - ” **TUAN LOO SWEE MOK, A.M.N., P.P.N. (Pahang)**
  - ” **TUAN HAJI MOHAMED BIN YAHYA, P.I.S., B.S.I., A.M.N. (Johor)**
  - ” **DATUK HAJI MOHD. DIN BIN JAAFAR, P.G.D.K., A.D.K., B.K. (Dilantik)**
  - ” **TUAN HAJI MOHD. NOOR BIN HAJI ABDULLAH (Kelantan)**
  - ” **TUAN MOHD. NOOR BIN BEDAH, P.J.K., P.J.B. (Perlis)**
  - ” **TUAN MOHD. YUSOFF BIN KASSIM (Perak)**
  - ” **TUAN MOHD. YUSOFF @ YUSOF HAJI MD. NOR (Kelantan)**
  - ” **TUAN NASIR BIN HAJI MANAP, A.M.N., P.J.K. (Melaka)**
  - ” **PUAN NEN ABIDAH BINTI ABDULLAH, A.M.N., P.P.N., P.J.K. (Dilantik)**
  - ” **TUAN NG AH POI, P.P.N., J.P. (Melaka)**
  - ” **TUAN NYANAPANDITHAN (Selangor)**
  - ” **TUAN PARAMJIT SINGH (Dilantik)**
  - ” **DATO G. PASAMANICKAM, S.P.M.J., D.P.M.J., D.S.I.J., P.I.S., B.S.I., J.S.M., A.M.N., J.P. (Dilantik)**
  - ” **PUAN ROKIAH @ MAIMUN BINTI ZAINUDDIN, A.M.N., P.J.K. (Dilantik)**
  - ” **TUAN SALLEH BIN KASSIM, A.M.T., A.M.N., P.J.K. (Terengganu)**
  - ” **TAN SRI C. SELVARAJAH, P.S.M. (Dilantik)**
  - ” **TUAN HAJI SHAHAROM BIN HAJI MAASOM, A.M.N., P.J.K. (Dilantik)**
  - ” **TUAN STEPHEN TIMOTHY WAN ULLOK (Dilantik)**
  - ” **TUAN TAN CHANG SOONG, A.M.N. (Dilantik)**
  - ” **TUAN TAY CHEE KING, K.M.N., B.S.I., P.I.S., A.M.N., J.P. (Johor)**
  - ” **TUAN D. P. VIJANDRAN (Dilantik)**
  - ” **TUAN WONG YAU KET (Sabah)**
  - ” **DATO' HAJI ZAKARIA BIN HAJI YAHYA (Selangor)**

## DEWAN NEGARA

### PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara: Haji Ahmad Hasmuni bin Haji Hussein

Penolong Setiausaha: Ghazali bin Haji Abdul Hamid

Penolong Setiausaha: Abdullah bin Abdul Wahab

### BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penyunting Kanan: Yahya Manap

Penyunting: P. B. Menon

Penyunting: Haji Osman bin Sidik

*Pemberita-pemberita:*

N. Ramaswamy

Louis Yeoh Sim Ngoh

Haji Abdul Rahman bin Haji Abu Samah

Suher bin Husin

Amran bin Ahmad

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusof

Juliah binti Awam

Supiah binti Dewak

Ismail bin Hassan

Shamsiah binti Mohd. Yusof

Hajjah Kalsom binti Ghazali

Mohamed bin Osman

Norishah binti Mohd. Thani

### BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Haji Ahmad bin Buntu

MALAYSIA  
DEWAN NEGARA

Khamis, 6hb Disember, 1984

*Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang*

DOA

(Tuan Yang Dipertua *mempengerusikan Mesyuarat*)

JAWAPAN-JAWAPAN  
MULUT BAGI  
PERTANYAAN-  
PERTANYAAN

**Tuan Yang Dipertua:** Yang Berhormat Tuan Ahmad bin Othman.

**Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom:** Tuan Yang Dipertua, dengan izin, soalan yang pertama.

**FAMA — PRESTASI DAN FUNGSI**

1. Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Pertanian menyatakan sama ada Kerajaan sedar bahawa prestasi dan fungsi FAMA adalah tidak memuaskan dan oleh itu nyatakan sama ada Kerajaan berhasrat untuk menyusun semula peranan FAMA mewujudkan satu sistem betul-betul berfungsi terhadap kemajuan petani dan nelayan di negara ini.

**Timbalan Menteri Pertanian (Dr. Goh Cheng Teik):** Tuan Yang Dipertua, Kementerian saya berpendapat bahawa tidaklah begitu tepat menganggap prestasi dan fungsi FAMA sebagai tidak memuaskan. Seperti yang kita sedia maklum, FAMA telah ditubuhkan untuk memperbaiki sistem pemasaran bagi hasil-hasil pertanian tertentu terutama yang dikeluarkan oleh pekebun-pekebun kecil.

Dalam hal ini saya sukalah memaklumkan bahawa sebahagian besar dari objektif ini telahpun dicapai melalui strategi-strategi dan program-program yang telah dilaksanakan oleh FAMA. Strategi ini termasuklah menambahkan maklumat pemasaran kepada petani-petani supaya mereka lebih mengetahui kehendak dan keadaan pasaran, meluaskan saiz pasaran di dalam dan di luar negeri, membantu memasarkan hasil-hasil petani apabila petani-petani menghadapi masalah pemasaran dan akhir sekali melalui usaha-usaha mengawasi dan memperbaiki amalan orang-orang tengah.

Di antara program pemasaran yang boleh dikatakan membawa faedah kepada petani-petani ialah dalam penyediaan infrastruktur pemasaran seperti pusat memproses koko di Sabak Bernam, pusat memproses kopi di Banting, pusat memproses kelapa kering dan pusat pemasaran hasil pertanian yang merupakan luang-luang pasaran tambahan untuk hasil-hasil pekebun kecil. Pusat memproses koko pada masa ini merupakan pembeli koko basah yang terbesar di kawasan Sabak Bernam dan dengan yang demikian menolong petani-petani yang tidak dapat memproses koko mereka sendiri oleh kerana cuaca buruk. Begitu juga bagi tahun 1981 dan 1982, apabila harga kopi telah merosot FAMA melalui kilang kopinya telah membeli hampir kesemua buah kopi di negeri Selangor dan Johor untuk membantu pekebun-pekebun kecil di negeri-negeri tersebut.

Di samping pembelian hasil-hasil ini, FAMA juga menguruskan pemasaran

berbagai hasil pertanian yang lain seperti kacang tanah, sayur-sayuran, buah-buahan, ikan air tawar, susu, ayam, telur itik dan tebu. Dalam tahun 1983, jumlah nilai hasil yang dibantu dipasarkan oleh FAMA ialah sebanyak \$21.2 juta.

Dalam bidang pemasaran pertanian, satu masalah yang dibangkitkan ialah dari segi harga. Dalam hal ini, adakalanya FAMA tidak dapat memberi setinggi-tinggi harga yang dikehendaki oleh petani. Ini adalah disebabkan harga yang ditawarkan oleh FAMA adalah bergantung kepada keadaan pasaran terbuka yang mana tidak dapat dikawal oleh FAMA. Misalnya dalam pemasaran koko dan kelapa, harga yang ditawarkan bergantung kepada perkembangan di pasaran di luar negeri iaitu di atas keadaan penawaran dan permintaan antarabangsa. Keadaan seperti ini tidaklah boleh dipengaruhi oleh FAMA oleh kerana negara ini adalah negara pengeluar yang kecil bagi bahan-bahan tersebut. Sungguhpun di masa-masa yang lalu terdapat cadangan supaya FAMA mengadakan harga sokongan (price support) tetapi ini tidaklah dapat dilaksanakan oleh Kerajaan oleh kerana perbelanjaan yang terlibat.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, FAMA juga telah berusaha menambahkan makluman-makluman pemasaran dan meluaskan pasaran di dalam dan di luar negeri. Dalam hal ini, FAMA telah mengutip, menganalisa dan menyebarkan maklumat mengenai harga di peringkat ladang, borong dan runcit serta perkembangan-perkembangan di pasaran antarabangsa.

Di samping itu petani-petani juga diberi tunjuk ajar atas cara-cara untuk membaiki kegiatan-kegiatan memproses hasil pertanian seperti koko supaya hasil mereka mendapat pasaran yang baik melalui mutu hasil yang tinggi. Pasar-pasar hasil tempatan juga dimajukan dan diluaskan seperti ikan air tawar

supaya lebih ramai pengguna gemar makan hasil ini.

Kementerian saya telah meneliti perkembangan-perkembangan ini dan untuk memesatkan lagi kemajuan dalam bidang bini satu peranan tambahan akan dikendalikan oleh FAMA iaitu dalam bidang mempesatkan perkembangan industri pemerosesan pertanian pendirian infrastruktur pemasaran di luar bandar dan di bandar serta memajukan penglibatan petani-petani sendiri dalam urusan pemerosesan dan pemasaran. Dalam hal ini satu daripada projek yang sedang dikaji oleh FAMA ialah mengadakan pasaran tani atau 'farmers market' untuk memudahkan petani memasarkan hasil-hasil mereka di bandar-bandar.

**Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom:** Tuan Yang Dipertua, dengan izin, soalan No. 2.

#### **LAWATAN PERDANA MENTERI KE AMERIKA SYARIKAT**

2. Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom (di bawah S.O. 23 (2)) minta Perdana Menteri menyatakan hasil lawatan beliau khususnya ke Amerika Syarikat baru-baru ini dan sama ada beliau telah atau akan mengundang Presiden Amerika untuk membuat lawatan ke negara ini.

**Timbalan Menteri Luar Negeri (Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir):** Tuan Yang Dipertua, lawatan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita ke Amerika Syarikat baru-baru ini ialah lawatan tidak rasmi sempena menghadiri Perhimpunan Agung Bangsa-bangsa Bersatu yang Ke 39 di New York. Namun begitu, beliau telah sempat juga melawat Philadelphia, New York dan Chicago dan mengadakan pertemuan dengan pelajar-pelajar kita di kota-kota tersebut. Di Chicago Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga telah diberi kesempatan memberi ucapan berthemakan peluang-peluang pelaburan di Malaysia di bawah anjuran

First Bank of Chicago di dalam satu Majlis Makan Tengahari. Di dalam Majlis tersebut beliau telah sempat memberi penerangan, bertukar-tukar pendapat serta bertukar-tukar pendapat mengenai galakan pelaburan di Malaysia kepada lebih kurang 200 orang usahawan di rantau Mid West Amerika Syarikat.

Soal membuat undangan bagi Presiden Reagan melawat Malaysia di dalam lawatan itu tidak timbul oleh kerana lawatan itu adalah lawatan tidak rasmi dan Perdana Menteri tidak mempunyai sebarang aturcara yang khusus dengan pembesar-pembesar Amerika Syarikat. Namun demikian, jika Presiden Reagan berhasrat untuk membuat lawatan ke Malaysia, kedatangan beliau adalah dialu-alukan.

**Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar:** Soalan tambahan, Tuan Yang Dipertua. Tiap-tiap kali lawatan Perdana Menteri atau rombongan daripada Malaysia ini dibuat ke Amerika dan pihak Amerika pula telah banyak kali mengeluarkan puji-pujian ke atas Malaysia atas peranannya yang dimainkan oleh Malaysia dan rakan-rakannya dalam ASEAN. Dan Amerika juga telah memberikan bermacam-macam jaminan kepada Malaysia. Apakah jaminan-jaminan ini pernah ditepati oleh Amerika.

Satu daripadanya, Tuan Yang Dipertua, saya pernah mengikuti bilamana Perdana Menteri kita berada di Rumah Putih di Amerika di mana Presiden Amerika juga telah memberikan ucapan balas kepada Perdana Menteri, satu daripada jaminan Amerika ialah Amerika tidak akan membiarkan Malaysia dan juga negara-negara ASEAN ini terjerumus ke dalam kuasa-kuasa lain iaitu Amerika bersedia akan memberikan sebarang bantuan. Itu satu daripada segi pertahanan.

Kedua, pula yang sangat menarik hati sekali kepada Malaysia, kononnya

Amerika akan menimbangkan dan tidak akan menjual stok bijih timah yang ada kepada Amerika dan ini sangat mengembirakan rakyat Malaysia bila melihat kenyataan yang dibuat oleh seorang Presiden yang terbesar di dunia. Jadi, mana satukah jaminan-jaminan yang telah dibuat dalam masa rundingan dengan Perdana Menteri kita dan rombongan-rombongan kita di Amerika yang sudah ditepati oleh Amerika selama ini.

**Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang Dipertua, soalan Ahli Yang Berhormat itu agak terlalu luas. Namun demikian, inginalah saya menyatakan bahawa kerjasama antara Malaysia dengan Amerika Syarikat adalah kerjasama di antara dua negara yang berdaulat dan merdeka dan bukan antara sebuah negara kecil dengan sebuah negara yang besar dalam dalam semangat itu kita telahpun mendapat berbagai-bagai persetujuan di Amerika Syarikat untuk bekerjasama dalam berbagai-bagai bidang untuk faedah bersama. Dan sebagaimana biasa segala bidang-bidang kerjasama itu bukanlah satu perkara yang begitu mudah, sudah tentu ada kerumitan-kerumitannya. Daripada keseluruhannya ada berbagai-bagai bidang kerjasama ini kita berasa puas hati. Ada bidang-bidang yang lain pula kita tidak begitu berpuas hati. Yang kita kurang berpuas hati itu kita akan terus berunding supaya segala kerumitan dan kekosotan itu dapat diatasi supaya sesuatu manfaat yang diharap itu dapat kita perolehi.

Mengenai stok penimbal bijih timah itu, sukacita saya menyatakan bahawa kita telahpun mengadakan rundingan yang panjang lebar dengan pihak Amerika Syarikat dan lebih kurang setahun dahulu kita telahpun mencapai satu persetujuan dengan pihak yang berkenaan, the General Services Administration, dengan izin, Amerika Syarikat, mengenai bagaimana Amerika Syarikat dapat menjualkan bijih-

bijihnya daripada stok penimbal itu tanpa menjejaskan harga pasaran bijih iaitu apa yang kita pohon daripada mereka adalah kita hendak tahu bilakah mereka hendak menjual bijih itu dari stok simpanannya dan berapa banyakkah iaitu, dengan izin, kita mahu predictability dari segi penjualan dari stok penimbal. Ini kita sudahpun capai, syukur alhamdulillah.

**Tuan Haji Abdul Wahab bin Haji Abu Bakar:** Tuan Yang Dipertua, sahabat saya Senator dari Sabah tadi membuat soalan yang luas skopnya. Saya ingin membuat soalan yang pendek sahaja.

Di dalam lawatan Perdana Menteri kita ke Amerika Syarikat dan berunding mengenai tarikan pelaburan dan sebagainya adakah Perdana Menteri kita pernah menyuarakan kepada pihak Amerika seperti apa yang pernah disuarakan oleh Perdana Menteri ketika membuka rasmi sebuah kilang Olio Chemical Sawit baru-baru ini di Kuala Langat kalau tidak silap saya, di mana tindakan-tindakan jahat atau hypocrite Amerika ini membusuk dan memfitnah akan pasaran minyak sawit kita di dalam pasaran dunia. Apakah tindakan dan adakah pernah perkara-perkara yang begitu terkilan kepada Perdana Menteri pernah disuarakan secara terus kepada Presiden Amerika.

**Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang Dipertua, saya tidak boleh menyatakan dengan tepat sama ada perkara yang spesifik itu sudahpun dibangkitkan oleh Kerajaan kita terhadap Kerajaan Amerika Syarikat. Namun demikian, apa yang telahpun dinyatakan oleh Perdana Menteri kita dalam ucapan tersebut sudah tentu akan disampaikan kepada pihak yang berkenaan di Amerika Syarikat. Namun demikian, saya rasa patut juga saya menyatakan di sini bahawa masalah kita yang besar dengan pihak Amerika Syarikat adalah apabila kita hendak menyelesaikan satu masalah mereka

menyatakan bahawa mereka mengamalkan Sistem Perdagangan Bebas. Oleh sebab itu, Kerajaan ada hadnya, ada constraintnya untuk hendak memaksa sesuatu terhadap pihak-pihak swasta dan saya rasa dari segi apa yang dikatakan oleh Perdana Menteri kita mengenai minyak kelapa sawit itu, saya rasa bukanlah pihak Kerajaan Amerika berdosa tetapi lebih merupakan syarikat-syarikat gergasi Amerika Syarikat yang lebih menumpukan perhatian tentang mengeluarkan minyak soya bean dan sebagainya. Namun demikian, kita tidaklah boleh menafikan bahawa secara langsung atau tidak langsung Kerajaan Amerika Syarikat bertanggungjawab juga terhadap tindak-tanduk yang akan merugikan negara-negara ketiga.

#### RUNDINGAN MENTERI LUAR NEGERI MALAYSIA/VIETNAM

**3. Puan Nen Abidah binti Haji Abdullah** minta Menteri Luar Negeri menyatakan hasil rundingan yang telah dapat dicapai dengan Menteri Luar Vietnam Nguyen Co Tach dan bila pula persidangan antarabangsa dapat diadakan mengenai Kampuchea supaya dapat menghapuskan penentangan gerila-gerila Kampuchea tersebut.

12.12.84

**17. Dato' S. Govindaraj** minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada rundingan beliau dengan Menteri Luar Vietnam baru-baru ini berhasil bagi mengatasi isu Kampuchea.

**Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang Dipertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan Yang Berhormat Senator Dato S. Govindaraj pada 12hb Disember, 1984 yang mana kedua-dua soalan ini adalah hampir serupa.

Dalam pertemuan Menteri Luar kita dengan Encik Nguyen Co Tach Menteri

Luar Vietnam di New York pada bulan Oktober baru-baru ini kita dapati bahawa pada hakikatnya pendirian Vietnam ke atas penyelesaian masalah Kampuchea masih tidak begitu berganjak daripada yang terdahulunya. Malangnya, pihak Vietnam dan khususnya Menteri Luarnya telah membuat beberapa kenyataan mengenai soal Kampuchea yang mana pada zahirnya nampak menarik lebih-lebih lagi apabila beliau menyatakan kesediaan Vietnam untuk mengadakan suatu persidangan antarabangsa bagi pengunduran tenteranya dari Kampuchea dan juga untuk memberi hak kepada rakyat Kampuchea untuk menentukan masa depan mereka dan lain-lain soal pokok lagi.

Di dalam rundingan tersebut apabila kita meminta penjelasan yang lebih mendalam mengenai soal-soal pokok ini maka adalah didapati bahawa pengertian dan interpretasi Vietnam adalah sangat berlainan dari pengertian ASEAN dan juga masyarakat dunia amnya mengenai soal-soal pokok tersebut.

Pada hakikatnya pengertian dan interpretasi mereka di atas soal-soal pokok ini nampaknya hanya bertujuan untuk mengekalkan regim boneka Heng Samrin yang berada di Phnom Penh sekarang ini dengan hanya memberi sedikit sebanyak tambahan kosmetik sahaja kepada regim tersebut.

Namun demikian, kita sedia sepanjang masa untuk meneruskan rundingan-rundingan dengan pihak Vietnam untuk membincangkan perkara-perkara tersebut dengan lebih mendalam lagi dan akan terus berikhtiar untuk mencari suatu penyelesaian politik dan secara aman damai kepada trajedi Kampuchea ini.

**Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar:** Tuan Yang Dipertua, saya suka bertanya kepada Yang Berhormat Menteri adakah selama-lama kita mengadakan pertemuan dengan Menteri Luar Vietnam

atau sesiapa juga pemimpin-pemimpin di Vietnam bahawa pemimpin negara itu pernah membayangkan selama ini yang mereka itu menghormati kedaulatan negara-negara ASEAN dan tidak ada niat ceroboh mencero bohi antara satu dengan lain ataupun mereka berselindung di sebalik taktik mereka untuk meng"Vietnam"kan keseluruhan negara ASEAN di Asia Tenggara ini.

**Tuan Abdul Kadir bin Haji Sheikh Fadzir:** Tuan Yang Dipertua, sepanjang masa pihak Vietnam memberi jaminan kepada kita bahawa mereka tidak berniat langsung untuk mencero bohi kedaulatan kita malah ingin sangat untuk berbaik-baik dengan semua negara-negara ASEAN. Saya rasa tidak ada jalan bagi Vietnam untuk mencero bohi kita.

#### TARIAN "BREAKDANCE" — PENGHARAMAN

**4. Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar** minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan sama ada tarian Breakdance telah diharamkan; jika ya, nyatakan sama ada arahan telah dikeluarkan kepada negeri-negeri supaya tarian tersebut tidak dibenarkan untuk dipertunjukkan.

17.12.84

**13. Tuan Haji Abdul Wahab bin Abu Bakar** minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan sama ada sesuatu ketentuan muktamad telah dibuat mengenai "tarian breakdance" dalam usaha-usaha kita mengatasi penyerapan kebudayaan liar dalam unsur-unsur kebudayaan nasional kita.

18.12.84

**13. Puan Hasanah binti Mohd. Kassim** minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan sama ada Kementerian akan mengharamkan tarian Breakdance yang sedang menjadi-jadi di kalangan muda-mudi di negara ini; jika tidak, nyatakan sebab-sebabnya.

21.12.84

**9. Tuan Mohd. Yusoff bin Kassim** minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan mengapa muda-mudi kita lebih tertarik dengan tarian liar dari Barat seperti tarian Breakdance dan tarian Wilddance lebih daripada tarian kebudayaan kita dan jika sedar, apakah tindakan Kementerian telah dan akan ambil untuk membetulkan keadaan ini.

**Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Datuk Dr. Sulaiman bin Haji Daud):** Tuan Yang Dipertua, saya mohon keizinan untuk menjawab soalan ini bersama-sama dengan pertanyaan daripada Yang Berhormat Senator Haji Abdul Wahab bin Abu Bakar pada 17hb Disember, Yang Berhormat Senator Puan Hasanah bin Haji Mohd. Kassim pada 18hb Disember dan Yang Berhormat Senator Tuan Mohd. Yusoff bin Kassim pada 21hb Disember sekali gus kerana kesemua pertanyaan tersebut adalah mengenai perkara yang serupa.

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan sedar bahawa tarian Breakdance memanglah dilakukan oleh muda mudi di negara kita. Kementerian juga sedar tentang kemungkinan adanya akibat yang kurang baik yang boleh timbul daripadanya. Tetapi kita berpendapat ianya tidaklah begitu meluas seperti yang dikatakan. Juga Kementerian ini tidaklah dapat memastikan mengapa muda mudi kita menjadi terlampau ghairah dengannya, mungkin ianya timbul dari keadaan yang berkait rapat dengan soal-soal psikologi remaja, pendidikan akhlak, suasana dalam keluarga dan kurang perhatian ibu bapa terhadap anak-anak.

Di samping itu pengaruh alam sekeliling, kemasyarakatan dan kesan negatif daripada perkembangan media massa boleh juga menjadi sebagai fakta penyumbang ataupun, dengan izin, contributing factors.

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan tidaklah dengan secara tegas

dapat menyekat tarian Breakdance ini daripada dilakukan. Namun demikian, Kementerian ini tidaklah sama sekali menggalakkan baik pengamalan mahupun perkembangannya. Dasar kita adalah jelas iaitu untuk menggalak dan mengembangkan segala unsur seni yang sesuai dengan kehendak nilai-nilai masyarakat Malaysia dan aspirasi rakyat kita.

Kementerian ini tidak ada cadangan untuk menggubal undang-undang baru bagi maksud pengharamannya kerana langkah-langkah pengawalan telah ada berdasarkan kepada beberapa tatacara pentadbiran yang sedia wujud. Di antaranya ialah pengawalan ke atas kemasukan artis-artis luar, penapisan terhadap wayang gambar, filem-filem TV, video serta muzik dan lagu-lagu.

Selain dari itu penentuan ke atas sekatan-sekatan tersebut adalah merupakan usaha dan tanggungjawab bersama di antara beberapa agensi Kerajaan termasuklah Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Kementerian Penerangan, Kementerian Dalam Negeri, Jabatan Imigresen dan lain-lain agensi.

Sebagai tambahan kepada langkah-langkah pengawalan yang tersebut tadi Kementerian ini menggalakkan pertubuhan-pertubuhan belia supaya lebih cenderung melibatkan diri dalam kegiatan-kegiatan belia, kebudayaan dan kesenian yang lebih sesuai serta dapat memenuhi masa lapang para muda mudi.

Golongan ibu bapa boleh juga menyumbang dengan memainkan peranan utama bagi menyekat anak-anak muda kita daripada terjebak dalam aktiviti yang tidak sihat dengan cara memberikan perhatian, memberikan kasih sayang dan pengawasan kekeluargaan yang lebih memuaskan.

**Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Soalan saya kepada Yang Berhormat

Menteri ialah apakah tindakan daripada Kementerian oleh kerana tidak ada suatu kuasa undang-undang yang dapat mencegah supaya Breakdance ini ditegahi.

Adakah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa Breakdance ini dikelolakan oleh sekolah-sekolah. Daripada guru-guru itu sendiri mengajar Breakdance dijadikan salah satu daripada tarian yang dipersembahkan dari sekolah itu sendiri. Ini yang amat mendukacitakan sekali sedangkan pernah teguran-teguran daripada Kementerian dan juga Kerajaan cuba mengharamkan Breakdance ini tetapi seolah-olah sekolah-sekolah ini telah menjolokkan mata dan tidak mengindahkan arahan Kerajaan. Dengan sebab itu, Tuan Yang Dipertua, kita ingin tahu apakah tindakan daripada Kementerian jika sekolah-sekolah menganjurkan Breakdance ini.

**Datuk Dr. Sulaiman bin Haji Daud:** Tuan Yang Dipertua, ini telah mencangkumkan dalam Kementerian-kementerian lain. Walau bagaimanapun, kalau diizinkan sebagai bekas Menteri Pelajaran juga boleh memberi penjelasan sedikit.

Sebenarnya, Tuan Yang Dipertua, satu circular telah dikeluarkan oleh Kementerian Pelajaran tentang peraturan-peraturan iaitu tarian-tarian, kesenian yang boleh dipamerkan di dalam functions ataupun upacara-upacara rasmi di sekolah-sekolah dan ianya tidak sama sekali tidak termasuk Breakdance.

Jikalau Yang Berhormat dapat membuktikan dengan jelas sekolah-sekolah mana dan guru-guru mana yang mengajar Breakdance ini, saya rasa kita boleh merujuk perkara ini kepada kementerian Pelajaran supaya tindakan yang sewajarnya akan diambil kerana setakat yang saya ketahui memang ada circular dan peraturan tertentu bahkan circular ini telah dikeluarkan semasa saya menjadi Menteri Pelajaran dahulu yang memberi panduan tertentu tentang

kesenian dan pertunjukan kebudayaan yang boleh dilakukan di sekolah-sekolah dan ianya tidak sama sekali termasuk Breakdance.

**Tuan Haji Abdul Wahab bin Abu Bakar:** Tuan Yang Dipertua, soalan tambahan. Saya tidak menafikan akan kebenaran penjelasan-penjelasan yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan kita. Tetapi adakah pihak Kerajaan setakat ini berpuas hati mengeluarkan arahan-arahan sahaja kepada pihak-pihak sekolah dan sebagainya. Dan saya rasa tidak puas hati di atas jawapan Yang Berhormat Menteri tadi kerana dikatakan kegiatan-kegiatan ini tidak meluas.

Yang kedua Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan tidak berniat untuk menyekat bahkan menjalankan kegiatan-kegiatan lain secara tidak langsung untuk memadamkan kegiatan Breakdance ini.

Tetapi di dalam hal ini jangan kita lupa bahawa pada suatu ketika dahulu sebelum keadaan dadah ini merebak di seluruh negara dengan begitu hebatnya juga Kerajaan menjawab, kalau saya tidak silap dalam 15 tahun yang lalu keadaan terkawal dan tidak membimbangkan. Tetapi sekarang ini dia sudah cukup membahayakan.

Begitu juga Breakdance ini sekiranya tidak diadakan oleh pihak sekolah dan kita pun tidak dapat membuktikan tetapi apa yang saya lihat di Ipoh ada iklan-iklan yang begitu leluasa diatur oleh suatu penganjur pertubuhan dibentang di seluruh bandar Ipoh di mana Pesta Breakdance ini diadakan secara tersusun. Di situ, di dalam pesta itu sudah tentu kita tidak dapat menyekat belia-belie yang keluar sekolah dan belia-belie yang masih di dalam sekolah kerana peringkat umur itu perbezaannya sangat sedikit. Jadi, adakah pihak Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

mengambil sambil lewa sahaja dalam kejadian Breakdance, ataupun hendak mengadakan suatu sekatan yang berkesan supaya Breakdance betul-betul dapat kita matikan dan dengan secara tidak langsung kebudayaan-kebudayaan kita yang lain, seni tari-seni tari yang lain dapat dihidupkan?

**Datuk Dr. Sulaiman bin Haji Daud:** Tuan Yang Dipertua, soal tidak puas hati dan puas hati, itu adalah relative dan bergantung dengan pandangan seseorang. Tetapi yang penting kalau satu-satu tindakan ataupun undang-undang yang kita hendak adakan, ianya mestilah berkesan, dan saya tidak yakin bahawa walaupun ada undang-undang kita seperti ini dapat mencegah merebaknya seperti yang dibimbangkan oleh Yang Berhormat tadi.

Saya sendiri berkeyakinan bahawa ini merupakan satu passing fad, dengan izin, seperti mana dahulu kita ada dengar Rock and Roll, The Twist dan apa lagi saya pun tidak tahu namanya, tetapi sekarang ini telah ditelan zaman juga bahkan mengikut maklumat-maklumat yang ada pada kita bahawa setakat ini Breakdance ini sudah menurun.

**Tuan Yang Dipertua:** Yang Berhormat Dato' G. Pasamanickam.

**Tuan D. P. Vijandran:** Tuan Yang Dipertua, dengan izin, soalan No. 5.

#### **PELABUHAN PASIR GUDANG SEBAGAI PELABUHAN BEBAS**

**5. Tuan D. P. Vijandran** (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Kewangan menyatakan sama ada Kerajaan bercadang mahu menjadikan Pasir Gudang sebagai Pelabuhan Bebas, jika ya, bila ianya akan dilaksanakan.

**Timbalan Kewangan (Dato Dr. Tan Tiong Hong):** Tuan Yang Dipertua, Kerajaan telahpun menjadikan Pelabuhan Pasir Gudang sebagai Pelabuhan Bebas yang berkuatkuasa mulai 1hb Oktober, 1984.

#### **KES KECUAIAN DI HOSPITAL-HOSPITAL**

**6. Tuan Haji Shaharom bin Maasom** minta Menteri Kesihatan menyatakan sebab-sebab mengapa boleh berlakunya kes-kes kecuaiian di hospital-hospital seperti ketinggalan gumpalan kain pelap dalam rahim, pesakit diberikan ubat yang salah, bayi cedera masa dilahirkan dan lain-lain dan nyatakan juga:

- (a) sama ada salah satu daripada sebab-sebabnya ialah oleh kerana ada kelemahan tertentu dalam pentadbiran hospital;
- (b) sama ada kesalahan-kesalahan seperti ini dianggap sebagai kejadian biasa sahaja; dan
- (c) jumlah kakitangan hospital yang telah diambil tindakan ke atas mereka kerana cuai dan jenis hukuman yang telah dikenakan.

**Timbalan Menteri Kesihatan (Dato' K. Pathmanaban):** Tuan Yang Dipertua, soalan seperti ini telah juga dibangkitkan di Dewan Rakyat pada bulan yang lalu dan mungkin Ahli-ahli Yang Berhormat telah juga dapat membaca jawapan terperinci yang diberi di situ.

Saya sedar bahawa terdapat beberapa kejadian kelalaian kakitangan hospital yang mengakibatkan tertinggalan pad atau gauze di dalam vagina, dengan izin, selepas bersalin dan salah memberi ubat kepada pesakit-pesakit dan sebagainya.

Dari jumlah 201,491 kelahiran di hospital-hospital Kerajaan dalam tahun 1983, terdapat 4 kejadian di mana gauze telah tertinggal di dalam vagina pesakit-pesakit selepas bersalin, manakala dari Januari sehingga Oktober tahun ini, dari jumlah anggaran 136,476 kelahiran terdapat 3 kejadian seumpama itu.

Mengenai tersalah memberi ubat dalam tahun 1983 sejumlah 18,397,491 pesakit telah dirawat di Jabatan-jabatan Pesakit Luar di hospital-hospital dan Pusat-pusat Kesihatan Kerajaan di seluruh Malaysia, dan tidak ada

sebarang rayuan mengenai kejadian tersalah memberi ubat kepada pesakit-pesakit pada tahun itu. Walau bagaimanapun, terdapat satu kejadian seumpama ini daripada sejumlah 12,932,672 kes yang dirawat dari Januari sehingga bulan Ogos, 1984. Dari jumlah 948,539 pesakit-pesakit yang dimasukkan di hospital-hospital Kerajaan sebagai 'in patients' dengan izin, pada tahun 1983 terdapat satu kejadian tersalah memberi ubat, dari Januari sehingga bulan Ogos tahun ini, dari jumlah anggaran 660,000 pesakit dimasukkan di hospital-hospital juga terdapat satu kejadian.

Jadi, adalah jelas bahawa sistem pengurusan perubatan di hospital-hospital adalah pada amnya baik dan kelemahan-kelemahan jarang berlaku. Penyiasatan yang lengkap dijalankan ke atas kes-kes kesilapan itu untuk menentukan sebab-sebab kelalaian itu berlaku, tindakan yang sesuai juga diambil apabila diperlukan.

Berhubung dengan kecederaan pada bayi sewaktu dilahirkan, saya suka memberitahu Ahli Yang Berhormat bahawa di dalam beberapa kes kelahiran yang rumit sesuatu manipulasi tertentu dan penggunaan alat-alat adalah diperlukan bagi menyelamatkan nyawa ibu serta bayi dan kecederaan kecil mungkin berlaku semasa menjalankan prosedur seperti itu.

Pada pandangan saya, kejadian seperti ini berlaku kerana prosedur-prosedur yang telah ditetapkan oleh pihak hospital tidak dipatuhi. Walaupun jumlah kes kesilapan dan kelalaian itu tidaklah begitu banyak, Kementerian saya tidak menganggap kesalahan-kesalahan seperti ini sebagai biasa sahaja, kami memandang berat terhadapnya.

Pada tahun 1983 dan 1984 tindakan telah diambil ke atas 13 orang kakitangan hospital yang didapati lalai dalam menjalankan tugas-tugas mereka dengan cara amaran kepada mereka. Di

dalam kes di mana pad atau gause didapati tertinggal di dalam vagina pesakit itu, iaitu dua kes di Hospital Besar Pulau Pinang, tindakan tatatertib telah disyorkan ke atas dua orang pegawai perubatan yang terlibat dalam kes itu. Kes-kes di mana penyiasatan sedang dijalankan, tindakan tatatertib akan diambil ke atas pegawai-pegawai dan kakitangan hospital yang terlibat sekiranya mereka didapati lalai dalam menjalankan tugas-tugas mereka. Tetapi apa yang saya ingin mementingkan di sini, dan apa yang lebih penting juga kepada Kementerian dan kepada rakyat pada amnya adalah tindakan-tindakan yang kita ambil untuk memperketatkan lagi pengurusan dan sistem rawatan dan juga latihan yang lebih lengkap yang diberi untuk mencegah atau mengelakkan dari berlakunya kejadian-kejadian seperti itu.

Kementerian sentiasa berusaha untuk mengambil berat tentang perkara-perkara seperti ini, walaupun kejadian itu tidak begitu kerap berlaku.

**Tuan Haji Abdul Wahab bin Abu Bakar:** Soalan tambahan, Tuan Yang Dipertua. Di dalam beberapa kes yang telah dijelaskan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, adakah pegawai-pegawai dan kakitangan perubatan yang melakukan kelalaian ataupun kelemahan ini, melakukan perkara itu dalam keadaan mereka mabuk ataupun dalam keadaan mereka sedang berkhayal dengan dadah, dan setelah dijumpai adakah diambil tindakan disiplin?

**Dato' K. Pathmanaban:** Tuan Yang Dipertua, saya ingin menjelaskan tidak ada kes dalam keadaan seperti yang disebutkan oleh Ahli Yang Berhormat itu. Pada amnya kes-kes seperti itu berlaku kerana peraturan-peraturan yang jelas tidak dipatuhi.

#### **MURID SEKOLAH TIDAK TAHU MEMBACA**

**7. Tuan Haji Abdul Wahab bin Abu Bakar** minta Menteri Pelajaran

menyatakan jumlah murid sekolah menengah di seluruh negara yang masih tidak tahu membaca dan peratus jumlah itu berbanding dengan jumlah keseluruhan murid yang ada di peringkat yang sama (menengah) dan nyatakan tindakan yang diambil bagi menyelamatkan murid-murid golongan ini supaya penyakit "buta huruf" itu tidak dibawanya bersama apabila tamat persekolahan kelak.

**Timbalan Menteri Pelajaran (Datin Paduka Chow Poh Kheng):** Tuan Yang Dipertua, sehingga ini belum ada satu kajian khusus dibuat untuk menentukan bilangan murid-murid di sekolah menengah yang tidak tahu membaca. Namun begitu, memang ada di antara murid-murid kita yang kurang lancar membaca.

Berbagai langkah seperti mengadakan kelas-kelas bimbingan, kelas-kelas pemulihan dan latihan (2B) dijalankan secara individu dan kumpulan kepada murid-murid berkenaan untuk mengatasi masalah mereka.

#### **HOSPITAL DAERAH KEMAMAN — KENDERAAN AMBULANS**

**8. Tuan Salleh bin Kassim** minta Menteri Kesihatan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa kenderaan-kenderaan yang digunakan di Rumah Sakit Daerah Kemaman terlalu uzur, terutama kereta ambulans Land Rover, jika sedar nyatakan sama ada Kerajaan ada cadangan untuk menggantikannya dengan yang baharu dan jika ya, bila.

**Dato' K. Pathmanaban:** Tuan yang Dipertua, saya ingin memaklumkan kepada Ahli Yang Berhormat bahawa Kementerian dan saya sendiri sedar tentang kedudukan kereta ambulans di Negeri Terengganu pada amnya dan di Hospital Daerah Kemaman khususnya. Bagi memperbaiki perkhidmatan ambulans ini, Kementerian telahpun membeli sebanyak 8 buah ambulans untuk digunakan di Negeri Terengganu pada tahun ini sebagai gantian kepada

kenderaan-kenderaan yang lama dan salah sebuah dari kereta ambulans ini akan dibekalkan untuk Hospital Daerah Kemaman.

#### **GURU-GURU TEMPATAN MENGAJAR BAHASA INGGERIS**

**9. Tuan Jaafar bin Harun** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada negara kita tidak ada guru-guru yang berkelayakan untuk mengajar Bahasa Inggeris memandangkan Kerajaan masih terpaksa mengimport guru-guru ini dari luar negeri atau Kerajaan masih merasakan bahasa guru-guru yang diimport itu lebih bermutu.

**Datin Paduka Chow Poh Kheng:** Tuan Yang Dipertua, untuk makluman Yang Berhormat buat masa ini negara kita memang ada mempunyai guru-guru yang berkelayakan untuk mengajar Bahasa Inggeris, tetapi bilangannya tidak mencukupi untuk menampung tenaga pengajar di sekolah-sekolah, terutamanya di sekolah-sekolah luar bandar. Oleh kerana itu Kerajaan tidak berikhtiar mendapatkan perkhidmatan guru-guru Bahasa Inggeris dari luar negeri.

Walau bagaimanapun, pengambilan guru-guru ini adalah merupakan satu langkah jangka pendek sahaja. Kementerian Pelajaran menghantar guru-guru kita untuk mengikuti kursus-kursus pengajaran Bahasa Inggeris di dalam dan di luar negeri sebagai langkah untuk menambah bilangan guru-guru Bahasa Inggeris.

**Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom:** Soalan tambahan, Tuan Yang Dipertua. Saya ingin penjelasan daripada yang Berhormat Timbalan Menteri Pelajaran sejak daripada tahun berapa Kementerian menyedari bahawa bilangan guru-guru Bahasa Inggeris ini tidak cukup?

Yang keduanya, langkah jangka pendek mengambil guru-guru Bahasa

Inggeris dari negeri luar ini dijangkakan sehingga bila akan ditamatkan?

**Datin Paduka Chow Poh Kheng:** Tuan Yang Dipertua, pengambilan bilangan guru Inggeris pada tahun 1980 adalah 45 orang dan pada tahun 1981 50 orang guru sudah tamat perkhidmatan. Bilangan guru yang diambil pada tahun 1981 adalah 85 orang dan mereka sudah tamat tempoh perkhidmatan pada tahun 1983 dan dalam tahun 1982 pengambilan adalah 27 orang dan mereka sudah tamat perkhidmatan dalam tahun 1984.

Tuan Yang Dipertua, bolehkah Yang Berhormat ulang semula soalan yang kedua?

**Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom:** Soalan yang pertama, Tuan Yang Dipertua, saya ingin tahu sejak daripada tahun berapakah Kementerian Pelajaran menyedari adanya kekurangan guru-guru Bahasa Inggeris ini, daripada kita baru merdekakah atau dua tahun dahulukah? Itu maksud saya.

Soalan yang kedua, jawapan dari Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi langkah mengambil guru-guru daripada luar ini sebagai jangka pendek. Saya ingin tahu, jika langkah jangka pendek ini digunakan sehingga tahun berapakah akan ditamatkan?

**Datin Paduka Chow Poh Kheng:** Tuan Yang Dipertua, untuk soalan yang kedua, guru-guru itu adakah sehingga pelatih kita pulang mengikuti kursus di luar negeri.

**Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom:** Soalan tambahan, Tuan Yang Dipertua. Jika pelatih-pelatih kita yang dihantar belajar di luar negeri balik 6 bulan besok, adakah jangka pendek meminjam atau mengambil guru kontrak ini 6 bulan yang akan datang akan tamat?

**Datin Paduka Chow Poh Kheng:** Tuan Yang Dipertua, yang lebih panjang.

**Tuan Yang Dipertua:** Yang Berhormat Tuan Hassan bin Nam.

**Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom:** Tuan Yang Dipertua, dengan izin, soalan ke 10.

#### UNIVERSITI PERTANIAN MALAYSIA — PELAJAR ORANG ASLI

**10. Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom** (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah pelajar-pelajar Orang Asli yang telah masuk ke Universiti Pertanian Malaysia (UPM) mengikut kursus berbagai bidang dan nyatakan jumlah yang lulus dan yang gagal.

**Datin Paduka Chow Poh Kheng:** Tuan Yang Dipertua, jumlah pelajar-pelajar Orang Asli yang telah masuk ke Universiti Pertanian Malaysia semenjak tahun 1979 ialah 8 orang. Jumlah yang telah lulus ialah 2 orang, seramai 6 orang lagi masih belajar di Tahun I, II dan III. Setakat ini tiada pelajar yang gagal.

Jumlah pelajar-pelajar mengikut kursus dari tahun 1979 hingga 1983, iaitu:

*Tahun/Kursus 1979 hingga 1980*

Perikanan — 1 orang telah lulus

*1981 hingga 1982*

Perniagaan Tani — 1 orang telah lulus

*1980 hingga 1983*

Perniagaan Tani — 2 orang masih belum lulus

Bimbingan dan Kaunseling — 1 orang

Pembangunan Manusia — 1 orang

Sains Komputer — 1 orang

*1983 hingga 1984*

Kesihatan Haiwan dan Penternakan — 1 orang

Perikanan — 1 orang

Perniagaan Tani — 3 orang

Bimbingan dan Kaunseling — 1 orang

Pembangunan Manusia — 1 orang

Sains Komputer — 1 orang  
Kesihatan Haiwan dan Penternakan  
— 1 orang.

**Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar:** Soalan tambahan, Tuan Yang Dipertua. Saya suka bertanya kepada Timbalan Menteri Pelajaran selain daripada pelajar-pelajar Orang Asli menuntut di Universiti Pertanian Malaysia, berapa ramai Orang-orang Asli yang pada ketika ini sedang menuntut di Universiti Kebangsaan, di Universiti Sains Malaysia, di Universiti Malaya dan juga di Universiti Islam Antarabangsa. Jadi, saya minta kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri menjelaskan.

**Datin Paduka Chow Poh Kheng:** Tuan Yang Dipertua, soalan itu adalah soalan lain.

**Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah:** Soalan tambahan, Tuan Yang Dipertua. Saya ingin bertanya, tadi dinyatakan di universiti berjumlah 8 orang sejak tahun 1979, termasuk Universiti Pertanian Malaysia. Di sini saya ingin bertanya, ini hanya universiti di dalam negeri, universiti di luar negeri pula berapa yang dapat keluar?

**Datin Paduka Chow Poh Kheng:** Tuan Yang Dipertua, soalan lain.

**Tuan Yang Dipertua:** Yang Berhormat Tuan Kee Yong Wee.

**Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah:** Tuan Yang Dipertua, dengan izin, soalan ke 11.

#### PERMOHONAN LESEN PERCETAKAN — KELULUSAN

11. **Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah** (*di bawah S.O. 23 (2)*) minta Menteri Dalam Negeri menyatakan sama ada beliau akan mengemaskinikan serta mempercepatkan proses kelulusan permohonan lesen percetakan di bawah Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984.

**Timbalan Menteri Dalam Negeri (Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad):** Tuan

Yang Dipertua, untuk makluman Yang Berhormat, semua permohonan untuk mendapatkan lesen mesin cetak dan permit penerbitan ditimbang oleh Kementerian Dalam Negeri di bawah Akta Mesin Cetak dan Penerbitan, 1984. Setiap permohonan yang diterima akan disemak dengan teliti dan sekiranya didapati layak dan ianya lengkap, maka permohonan itu akan diproses mengikut sistem permohonan lesen setempat. Jabatan yang terlibat dalam prosesan mengikut sistem ini ialah Polis Di-Raja Malaysia, Jabatan Kilang dan Jentera dan Pihak-pihak Berkuasa Tempatan yang berkenaan.

Prosesan mengikut sistem pengeluaran lesen setempat ini dilaksanakan sejak awal tahun 1984 dengan tujuan untuk mempercepatkan pertimbangan ke atas permohonan yang diterima. Pada masa ini semua permohonan untuk mesin cetak dan permit penerbitan dapat diselesaikan dalam tempoh tidak melebihi 3 bulan. Prosesan mengikut sistem pengeluaran lesen setempat ini merupakan satu sistem yang kemaskini dan memuaskan.

**Tuan Fadzil bin Mahmood:** Tuan Yang Dipertua, adakah Kementerian beliau sedar bahawa ada terdapat percetakan yang tidak mempunyai lesen iaitu percetakan haram. Setakat hari ini kalau Kementerian sedar berapa ramai yang telah diambil tindakan?

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang Dipertua, memanglah Kementerian sedar bahawa ada pengusaha-pengusaha yang menjalankan kerja mereka dengan tidak mempunyai lesen cetak daripada Kementerian Dalam Negeri dan untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian bahawa mengikut undang-undang baru iaitu Undang-undang Mesin Cetak dan Penerbitan 1984 yang berkuatkuasa mulai 1hb September, 1984 ini, Kerajaan bercadang untuk mengambil tindakan terhadap mereka yang tidak ada lesen mulai 1hb Januari, 1985.

## PANDANG KE JEPUN

**12. Tuan Haji Shaharom bin Haji Maasom** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau akan memikirkan semula hubungan dagangan dengan Negeri Jepun dan dasar Pandang ke Timur kita memandangkan sikap Jepun yang kurang jujur itu dan nyatakan sikap-sikap Jepun yang tidak dapat kita terima selama ini.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato Mohamed Khalil bin Yaakob):** Tuan Yang Dipertua, Kerajaan tidak bercadang untuk mengkaji semula hubungan antara Malaysia dengan Jepun. Seperti mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum masalah yang ada dalam hubungan dagangan dua hala Malaysia/Jepun, antara lainnya ialah berikutan dengan:

Pertamanya, sikap Jepun sehingga ini yang kurang mengindahkan kepentingan dan aspirasi Malaysia untuk mendapatkan pasaran bagi barangan buatan Malaysia di Jepun.

Kedua, pihak Jepun yang mengenakan tarif yang tinggi kepada barangan-barangan tersebut.

Ketiga, keengganan Jepun untuk membaiki ketidakseimbangan perdagangan.

Keempat, keengganan Jepun untuk memindahkan industri mereka ke negeri ini dan meningkatkan pemindahan teknologi.

Dalam pertemuan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dengan Perdana Menteri Jepun pada bulan Oktober baru-baru ini, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah membangkitkan masalah ketidakseimbangan dalam perdagangan Malaysia/Jepun dan beliau telah berjanji untuk membaiki keadaan yang tersebut tadi. Adalah diharapkan pihak Jepun akan dapat menunaikan janji-janji tersebut.

## PASPORT ANTARABANGSA MALAYSIA

**13. Tuan Jaafar bin Harun** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan jumlah Pasport Antarabangsa yang dikeluarkan dalam tahun 1984 mengikut bilangan kaum yang ada dalam negara kita ini dan jumlah permohonan yang ditolak.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang Dipertua, jumlah Pasport Antarabangsa yang telah dikeluarkan kepada warganegara Malaysia mengikut keturunan mereka dalam tahun 1984 adalah seperti berikut:—

Bumiputera	37,031
China	133,700
India	10,700
Lain-lain	1,399
Jumlah	182,463

Kementerian tidak menyimpan rekod permohonan Pasport Antarabangsa yang ditolak.

**Tuan K. Kumaran:** Soalan tambahan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberi tahu berapa banyak permohonan-permohonan pasport itu boleh dibuat keputusan walaupun permohonan-permohonan dibuat lebih dari satu tahun.

Yang kedua, adakah benar bahawa seseorang rakyat Malaysia yang berada di luar negeri tidak boleh mendapat pembaharuan pasportnya jika pasport yang dipegangnya telah wujud selama 10 tahun.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang Dipertua, untuk makluman Yang Berhormat tiap-tiap warganegara Malaysia yang ingin mendapatkan Pasport Antarabangsa akan diberi layanan dan dalam sistem yang diamalkan sekarang saya difahamkan bahawa proses untuk mengeluarkan Pasport Antarabangsa tidak akan mengambil masa lebih daripada sebulan. Jika butir-butir yang

dikehendaki oleh Jabatan Imigresen begitu lengkap dan jika terdapat kes-kes yang mana lewat permohonannya, silalah kemukakan kepada saya untuk tindakan sewajarnya.

**Datuk Haji Mohd. Din bin Jaafar:**

Tuan Yang Dipertua, saya suka bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri apakah sebab-sebabnya Pejabat Imigresen atau Jabatan Imigresen tidak mahu membaharui sebarang pasport yang seseorang itu sudah kehilangan pasport, jadi mereka tidak mahu membaharui. Adakah Kerajaan berpendapat bahawa orang-orang ini telah menyalahgunakan atau telah menukar atau menjual pasportnya kepada orang lain, padahal seseorang yang kehilangan pasport ini telahpun melaporkan kepada pihak polis pada waktu dan tarikh dan tempatnya sedangkan pihak Imigresen tidak mengindahkan untuk mengeluarkan pasport baru.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:**

Memang saya sedari bahawa proses untuk mengeluarkan pasport baru kepada mereka yang telah hilang akan mengambil masa sedikit kerana memandangkan bahawa terdapat mereka yang menyalahgunakan pasport mereka dan kemudiannya melaporkan kononnya pasport itu hilang. Umpamanya, seorang yang melawat negeri China dengan tidak mendapat permit dan apabila dia melihat dalam pasportnya ada cap menyatakan bahawa dia telah keluar dan masuk ke Hongkong pada tarikh-tarikh yang tertentu dan jika dia balik dia tahu pasportnya akan dirampas dan tindakan akan diambil terhadapnya, maka laporan hilang kononnya pasport itu dibuat di Hongkong dan seterusnya juga kepada mereka yang melawat ke negeri-negeri lain yang tidak mengikut aturcara yang baik. Jadi terpaksa pihak berkuasa iaitu pihak Imigresen mengambil masa sedikit untuk memeriksa, meneliti dan menentukan bahawa mereka yang membuat

permohonan itu benar-benar warganegara yang betul-betul hilang pasport.

**Tuan Haji Abdul Wahab bin Haji Abu Bakar:** Soalan tambahan. Dalam kenyataan Yang Berhormat Timbalan Menteri Dalam Negeri tadi beliau menyatakan pihak Imigresen tidak ada menyimpan rekod permohonan yang ditolak. Kenapa tidak disimpan rekod?

Yang keduanya, kakitangan-kakitangan dan pegawai-pegawai di Jabatan Imigresen ini kalau dibandingkan, dengan izin, work load yang mereka hadapi setiap hari sangat jauh berbeza, tetapi apa yang perlunya pada pandangan saya seseorang yang hendak membaharui pasportnya, katalah, yang sudah dua kali dibaharui iaitu 10 tahun, apabila hendak membuat pasport yang baru, semua dokumen-dokumen asal terpaksa diadakan seolah-olah dia telah mendapat pasport yang pertama dahulu tidak layak. Apa perlunya diadakan semula dokumen-dokumen itu, sedangkan pada satu ketika dahulu dia sudah pun menerima pasport dan sudahpun diakui pasport itu. Apa perlunya redundant, dengan izin, Tuan Yang Dipertua.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Tuan Yang Dipertua, memanglah perkara-perkara yang disebutkan oleh Yang Berhormat tadi merupakan langkah-langkah keselamatan yang diambil oleh pihak Imigresen supaya menentukan mereka yang hendak membaharui pasport itu adalah mereka yang sah memiliki pasport itu.

Dari segi keselamatan saya percaya Yang Berhormat seharusnya mengucapkan tahniah kepada Jabatan Imigresen sebab setakat ini tidak terdapat mana-mana pasport yang dipunyai oleh warganegara kita dipalsukan, tidak ada kes yang dilaporkan kepada pihak Imigresen oleh kerana pihak Imigresen menjalankan penelitian dengan begitu rapi dan haruslah disanjung tinggi.

terhadap orang ramai, jika sedar nyatakan tindakan yang telah dan akan diambil.

### **YAB MENTERI DALAM NEGERI**

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Saya sedar ada laporan diterima, dari orang ramai yang mengatakan bahawa Polis melakukan kekerasan atau penyalahgunaan kuasa.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sejak bulan Januari hingga 1hb. Oktober, 1984, pihak Polis ada menerima 146 laporan berhubung dengan kes berkenaan.

Sejumlah 4 kes telah dihadapkan ke Mahkamah dan disabitkan kesalahan. Manakala 117 kes lagi masih dalam siasatan. 13 kes lagi tidak perlu tindakan kerana tidak berasas.

Dalam tempoh yang sama seramai 2 orang anggota telah diambil tindakan tatatertib di mana seorang anggota yang terlibat telah dibuang kerja dan seorang lagi diberi celaan keras.

Selain daripada tindakan undang-undang dan tatatertib, beberapa usaha telah dijalankan bagi mencegah berlakunya penyalahgunaan kuasa ataupun kekerasan. Di antara usaha-usaha itu ialah:

- (i) Semasa di Pusat-pusat Latihan Polis, pegawai-pegawai dan anggota-anggota diajar serta diperingatkan mengenai 'etika Polis' yang perlu dipraktikkan semasa menjalankan tugas;
- (ii) Ketua-ketua disemua peringkat diarah dan diperingatkan supaya menentukan agar pegawai-pegawai dan anggota-anggota menjalankan tugas serta tanggungjawab mereka dengan jujur mengikut undang-undang dan peraturan yang ada sehingga tidak sampai melampaui batas kuasa yang dibenarkan.

Kerajaan sentiasa mengambil berat atas aduan-aduan dari orang ramai terhadap anggota-anggota Polis. Kerajaan tidak sekali-kali melindungi sesiapa juga anggota Polis yang terlibat dalam mana-mana kes yang menggunakan kekerasan ataupun menyalahgunakan kuasa.

### **INDUSTRI PERIKANAN**

**20. Toh Muda Dr. Abdullah Fadzil Che Wan** minta Menteri Pertanian menyatakan langkah-langkah bagi memaju dan memodenkan industri perikanan yang masih lembab dan merugikan walhal industri ini boleh maju dan menguntungkan seperti di setengah negara-negara lain.

**Dr. Goh Cheng Teik:** Sepertimana Yang Berhormat sedia maklum, sektor perikanan menghadapi masalah keseimbangan di mana jumlah nelayan yang bergantung kepada aktiviti penangkapan ikan adalah terlampau ramai berbanding dengan sumber perikanan yang ada. Maklumat yang ada menunjukkan bahawa sumber perikanan di perairan negara kita adalah semakin merosot disebabkan oleh penerokaan yang berlebihan. Oleh itu langkah utama bagi memajukan industri perikanan ialah memperbetulkan ketidakseimbangan tersebut. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian telah menggubal beberapa strategi penting di bawah Dasar Pertanian Negara demi untuk meningkatkan pendapatan dan memajukan sektor perikanan. Strategi tersebut melibatkan penyusunan semula struktur ekonomi di sektor perikanan supaya tidak hanya tertumpu kepada aktiviti penangkapan ikan semata-mata. Bidang aktiviti ekonomi yang boleh disertai oleh kaum nelayan akan diperluaskan merangkumi penangkapan ikan laut dalam, perusahaan ternakair (akuakultur) dan perusahaan berlandaskan perikanan. Untuk menjamin sumber ikan khususnya di perairan pantai tidak terus merosot,

langkah-langkah kawalan perlindungan sumber telah dipertingkatkan dengan mengenakan syarat-syarat tertentu yang mesti dipatuhi oleh mereka yang menggunakan alat penangkapan tertentu.

## DASAR PEMINDAHAN TEKNOLOGI

21. Tuan R. M. Jasni minta Perdana Menteri menyatakan sejauh mana keberkesannya dasar pemindahan teknologi dengan memberikan kontrak-kontrak kepada pemborong-pemborong antarabangsa.

**Dato' Mohamed Khalil bin Yaacob:** Kerajaan memberikan kontrak kepada pemborong-pemborong antarabangsa berdasarkan tender kompetitif. Pemberian kontrak kepada pemborong berkenaan hanya dibuat setelah Kerajaan berpuashati ianya adalah menguntungkan Kerajaan. Dalam beberapa projek tertentu, Kerajaan meminta pemborong-pemborong berkenaan menjalankan program latihan dan amali untuk orang-orang tempatan mempelajari teknologi-teknologi yang terlibat dalam pembinaan projek-projek berkenaan. Teknologi-teknologi yang terlibat itu meliputi bidang-bidang yang luas seperti teknologi rekabentuk kejuruteraan, teknologi pembinaan dan pengurusan projek, teknologi kawalan mutu dan pemodenan tatacara kerja seperti etika kerja yang baik, disiplin dan orientasi keselamatan.

Saya sukalah mengambil contoh beberapa projek pembinaan yang boleh dijadikan contoh yang berhubung kait dengan teknologi-teknologi binaan yang efisien yang telah didedahkan dan dipelajari oleh kontraktor dan profesyenal tempatan. Diantara projek-projek berkenaan adalah Projek Dayabumi, Projek Jambatan Pulau Pinang, Projek Pembinaan Terowong dari Dayabumi ke Masjid Negara dan Projek Bangunan PNB. Dari segi pengurusan projek,

kontraktor-kontraktor tempatan telah mempelajari akan peri perlunya kawalan mutu kerja, ekonomi pembinaan, keselamatan pekerja ditapak projek dan penjadualan kerja (work scheduling) supaya projek dapat dilaksanakan dengan baik, selamat dan mengikut jadual.

Contoh-contoh yang diberikan itu, menunjukkan kesan-kesan positif dari usaha mempertingkatkan pencapaian kita dalam berbagai bidang teknologi binaan dan pencapaiannya adalah membanggakan.

Sukalah ditegaskan disini bahawa perkara teknologi adalah dinamik dan mengalami perubahan-perubahan yang berterusan. Dengan yang demikian, usaha-usaha ke arah mendapatkan kepakaran dan kemahiran dalam satu-satu bidang teknologi seharusnya diusahakan secara berterusan. Atas hakikat ini, maka pencapaian kita dalam satu-satu bidang teknologi, tidak dapat kita ukur dalam bentuk nisbah atau peratusan.

## BUKU KESUSASTERAAN MELAYU KLASIK

22. Tuan D. P. Vijandran minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) sama ada buku "Kesusasteraan Melayu Klasik" telah diharamkan dan jika tidak, mengapa; dan
- (b) sama ada tindakan jenayah kerana hasutan telah diambil ke atas penerbit dan penulis buku itu, dan jika tidak, mengapa.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Kementerian Dalam Negeri tidak mengharamkan buku Kesusasteraan Melayu Klasik oleh kerana ayat yang menimbulkan perasaan tidak senang hati di kalangan rakyat Malaysia keturunan India telah digugurkan daripada cetakan buku tersebut. Pihak penerbit buku Kesusasteraan Melayu Klasik itu telah mengambil tindakan ini setelah dinasihatkan oleh Kementerian

Dalam Negeri. Pihak penerbit juga dikehendaki menarik balik dari pasaran buku Kesusasteraan Melayu Klasik yang kandungannya tidak sesuai dengan nilai masyarakat majmuk Malaysia.

Tindakan jenayah tidak dapat diambil terhadap buku tersebut oleh kerana buku tersebut tidak mempunyai bahan yang berunsur hasutan.

### **PETRONAS — KILANG PENAPIS MINYAK**

**23. Tuan Haji Abdul Jalil bin Abdul Rahman** minta Perdana Menteri menyatakan Projek Kilang Penapis Minyak PETRONAS yang telah dicadangkan hendak dibina di Melaka yang mana tanah tapaknya seluas hampir 500 ekar telah pun disediakan akan diteruskan pembinaannya mulai tahun 1985; jika tidak mengapa.

*11.12.84*

**Tuan Ng Ah Poi** minta Perdana Menteri menyatakan bila projek 'PETRONAS REFINERY PLANT' yang dicadang didirikan di Tanjung Bruas, Melaka akan dilaksanakan.

**Datuk Dr. James P. Ongkili:** Saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersama-sama dengan soalan No. 21 daripada Yang Berhormat Tuan Ng Ah Poi pada 11hb Disember 1984.

Pembinaan kilang penapis minyak di Melaka buat masa ini telah ditangguhkan. Memandangkan bahawa keadaan keupayaan (capacity) penapis minyak seluruh dunia sekarang berlebihan, adalah lebih wajar dan juga menguntungkan jika kita mengambil kesempatan untuk menapis minyak kita dengan kos yang lebih murah di Singapura. Langkah Kerajaan untuk berjimat cermat serta kedudukanimbangan pembayaran negara yang perlu dikukuhkan juga mengakibatkan penangguhan pelaksanaan projek kilang penapis minyak tersebut. Namun

demikian, projek kilang penapis minyak di Melaka itu akan dipertimbangkan semula sebaik-baik sahaja keadaan ekonomi negara mengizinkan.

### **VISA KE MALAYSIA**

**24. Tuan K. Kumaran** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:—

- (a) sama ada Dasar Imigresen kita diasaskan dasar 'reciprocal' mengenai keperluan VISA bagi masuk ke Malaysia dan adakah Malaysia berkehendakkan VISA bagi semua rakyat negara asing yang mengenakan VISA bagi pelawat dari Malaysia;
- (b) apakah sebabnya pelawat dari India hanya diberi VISA selama satu bulan sahaja jika dipohon di Kedutaan-kedutaan kita di luar negeri; dan
- (c) sama ada Kerajaan India mengenakan had tempoh VISA yang kita kenakan itu.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Peraturan menggunakan visa bagi pelawat-pelawat ke Malaysia ialah satu tindakan timbal balik atau dengan izin 'reciprocal action' yang diambil oleh Kerajaan Malaysia dengan negara-negara yang berkenaan. Kerajaan Malaysia tidak mengenakan peraturan visa kepada semua warganegara negara asing yang ingin melawat negara ini. Sebaliknya, mengikut amalan yang berkuatkuasa sekarang, semua rakyat dari negara-negara anggota Komenwel tidak perlu mendapatkan visa untuk melawat Malaysia sekiranya lawatan mereka untuk lawatan sosial selama tidak melebihi 3 bulan.

Mereka dikehendaki untuk mendapatkan visa sekiranya mereka melawat negara ini lebih dari 3 bulan untuk lawatan selain daripada lawatan sosial. Malaysia juga tidak mengenakan peraturan visa untuk lawatan sosial rakyat dari negara-negara yang mempunyai perjanjian penghapusan

visa. Dalam pada itu, rakyat negara-negara berkenaan perlu mendapatkan visa selain daripada lawatan sosial dan bisnes. Pelawat-pelawat dari India diberikan visa selama sebulan sahaja apabila mereka membuat permohonan di Kedutaan Malaysia di luar negeri oleh kerana kelulusan ini dibuat tanpa rujukan kepada Ibu Pejabat Imigresen untuk semakan teliti.

Tempoh masa 3 bulan untuk lawatan sosial yang diberikan oleh Kerajaan Malaysia kepada pemegang Dokumen Perjalanan India merupakan tindakan timbal balik. Perbezaan terdapat pada cara perlaksanaannya sahaja.

#### **BELIA DILATIH ALA TENTERA KE LUAR NEGERI**

**25. Tuan Fadzil bin Mahmood** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan setakat manakah benarnya ada parti pembangkang yang tertentu menghantar belia-belia dari negara kita keluar negeri untuk dilatih ala tentera bagi menentang Kerajaan Barisan Nasional.

**Tuan Radzi bin Sheikh Ahmad:** Sehingga sekarang Kerajaan belumlah mempunyai bukti-bukti yang menunjukkan bahawa ada parti pembangkang tertentu menghantar belia-belia dari negara ini ke luar negeri untuk dilatih ala tentera bagi menentang kerajaan yang ada sekarang. Sungguhpun begitu pihak kerajaan sedar dan sentiasa mengawasi terhadap kegiatan kumpulan-kumpulan tertentu yang membuat hubungan dengan negara-negara asing seperti menghadiri seminar serta lawatan-lawatan sambil belajar yang dianjurkan oleh negara asing tersebut.

Kerajaan tidak akan teragak-agak untuk mengambil tindakan yang tegas menurut undang-undang yang ada keatas orang-orang yang menjalankan kegiatan-kegiatan yang boleh menimbulkan ancaman dari segi keselamatan dan ketenteraman awam.

#### **MAS — SEWAAN KHAS KEPADA TABUNG HAJI**

**26. Puan Rokiah binti Zainuddin** minta Menteri Pengangkutan menyatakan berapakah harga sebuah kapalterbang MAS yang disewa khas kepada Tabung Haji untuk membawa jemaah haji ke Mekah pada tiap-tiap tahun dan berapa jumlah keuntungan yang diperolehi oleh MAS pada tiap-tiap seorang jemaah haji.

**Menteri Pengangkutan (Tan Sri Chong Hon Nyan):** Pada musim haji yang lalu, Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) telah menyewa 3 buah pesawat, iaitu 2 buah pesawat B747 dan sebuah pesawat DC10 untuk membawa jemaah haji Malaysia ke Mekah dan balik. Harga sewaan sebuah kapalterbang tersebut ialah kira-kira \$6.8 juta. Harga ini tidaklah termasuk kos-kos pengendalian seperti kos minyak, anak-anak kapal dan makanan, bayaran-bayaran mendarat serta caj-caj di lapanganterbang dan jua kos-kos lain yang berkaitan.

Suka saya memaklumkan bahawa di musim haji yang lalu, pihak MAS telah dapat menyempurnakan penerbangan-penerbangan haji sebanyak 51 penerbangan (pergi balik). Saya inginlah menerangkan di sini bahawa perkhidmatan penerbangan haji yang dijalankan oleh MAS itu adalah dirancang dan diselaraskan dengan pihak-pihak tertentu seperti Lembaga Tabung Haji dan pihak berkenaan di Arab Saudi. Dalam menentukan tambang penerbangan pula, pihak MAS perlu mengadakan penyelarasan yang rapat dengan syarikat penerbangan Saudi dan jua dengan pihak Lembaga Tabung Haji.

Oleh yang demikian, dalam mengendalikan penerbangan-penerbangan haji, MAS tidaklah bertujuan untuk mendapatkan keuntungan daripadanya, tetapi perkhidmatan tersebut adalah merupakan satu kemudahan pengangkutan yang membolehkan para

jemaah haji di negara kita ini menunaikan fardhu haji. Tambang penerbangan yang merupakan sebahagian daripada Komponen kos "package" perbelanjaan untuk seorang jemaah haji yang menunaikan fardhu haji melalui Lembaga Urusan Tabung Haji adalah ditetapkan pada paras yang sesuai untuk menampung kos pengendalian penerbangan tersebut sahaja dan pihak MAS tidaklah mengambil apa-apa keuntungan daripadanya.

### **JEMAAH HAJI TIDAK MENERUSI LUTH**

**27. Datuk Ishak bin Abdul Rahman** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau sedar masih terdapat orang perseorangan dari parti pembangkang masih menguruskan dan membawa Jemaah Haji ke Mekah pada Musim Haji 1984 tidak menerusi LUTH, jika sedar nyatakan tindakan yang sedang dan akan diambil.

*11.12.84*

**Y.B. Tuan Fadzil bin Mahmood** minta Perdana Menteri menyatakan sama ada beliau akan membenarkan bakal-bakal Haji memilih mana-mana penerbangan selain daripada MAS asalkan mereka ini pergi menunaikan Fardhu Haji melalui Tabung Haji.

*17.12.84*

**Puan Nen Abidah binti Haji Abdullah** minta Perdana Menteri menyatakan jumlah Jemaah Haji pada tahun ini yang pergi menunaikan Fardhu Haji dengan penerbangan pelancongan dan nyatakan juga sama ada Kerajaan berjaya mengenakan sekatan terhadap mereka yang membuat penerbangan pelancongan.

**Dato' Mohamed Khalil bin Yaakob:** Saya mohon izin untuk menjawab pertanyaan Y.B. Tuan Fadzil bin Mahmood pada 11.12.1984 dan Y.B. Puan Nen Abidah Abdullah pada

17.12.84 bersama-sama pertanyaan ini kerana pertanyaan-pertanyaan tersebut berkait dengan urusan penerbangan Jemaah Haji Malaysia ke Tanah Suci.

Mengatur perjalanan Jemaah Haji dari Malaysia ke Tanah Suci tanpa kebenaran bertulis pihak Tabung Haji adalah bertentangan dengan Akta Lembaga Urusan dan Tabung Haji (Pindaan) 1973. Kerajaan memang sedar mengenai orang perseorangan yang menguruskan pemergian Jemaah Haji ke Tanah Suci tanpa melalui Tabung Haji dan tindakan mengikut Akta Lembaga Urusan dan Tabung Haji (Pindaan 1973) sedang diambil terhadap pihak berkenaan itu.

Penerbangan Jemaah Haji Malaysia adalah diurus dan dikendalikan oleh Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) dan Tabung Haji dan syarikat-syarikat penerbangan lain tidak dibenarkan membawa Jemaah Haji LUTH ke Tanah Suci. Meskipun begitu ini tidaklah bermakna pihak MAS tidak boleh menyewa kapal terbang lain sekiranya kapal terbang MAS tidak mencukupi.

Mengenai Jemaah Haji yang mengikuti penerbangan pelancong bilangan mereka ialah 726 orang iaitu kira-kira 3% daripada Jemaah Haji tahun ini seramai 23,474 orang. Mereka ini mendapat visa haji melalui Kedutaan Arab Saudi di negara lain. Suka saya menyatakan di sini bahawa Kedutaan Besar di Raja Arab Saudi di Kuala Lumpur memberi kerjasama dengan mengeluarkan visa haji hanya kepada Jemaah Haji yang pergi melalui Tabung Haji. Adalah nyata bahawa bilangan Jemaah Haji yang pergi melalui penerbangan pelancongan adalah kecil bilangannya dan dengan adanya kerjasama Kedutaan Besar Di Arab Saudi di Kuala Lumpur itu maka soal berjaya atau tidak berjaya Kerajaan mengenakan sekatan ke atas mereka adalah tidak timbul.

## CUKAI ATAS TRANSAKSI SAHAM

**28. Tuan Tan Chang Soong** minta Menteri Kewangan menyatakan rasional yang digunakan terhadap cadangan untuk mengenakan 10% cukai ke atas transaksi-transaksi saham yang melebihi \$1 juta dalam syarikat-syarikat yang memiliki harta tanah (Land based company), dan sama ada jumlah \$1 juta itu merujuk kepada jumlah besar nilai saham-saham syarikat tersebut ataupun cuma merujuk kepada nilai saham-saham yang telah ditransaksikan.

**Dato Dr. Tan Tiong Hong:** Cukai 10% yang dikenakan ke atas transaksi-transaksi saham yang melebihi \$1 juta oleh syarikat-syarikat yang memiliki harta tanah adalah bertujuan untuk mengenakan cukai ke atas mereka yang mengelak daripada membayar saham-saham syarikat. Cukai ini juga adalah bertujuan untuk menambahkan hasil negara.

Jumlah \$1 juta yang dimaksudkan di sini adalah merujuk kepada nilai saham-saham yang telah ditransaksikan.

## DADAH BAGI MURID-MURID SEKOLAH

**29. Puan Habibah binti Abdul Ghani** minta Menteri Pelajaran menyatakan sama ada benar murid-murid sekolah didapati terlibat dengan penyalahgunaan dadah; jika benar, berapa ramaikah bilangannya dan adakah mereka ini diberi rawatan.

**Datin Paduka Chow Poh Kheng:** Memang benar ada murid-murid sekolah menengah bantuan penuh Kerajaan yang didapati "terlibat" dengan penyalahgunaan dadah. Sungguh pun begitu bilangan murid-murid yang terlibat adalah kecil dan masih terkawal.

"Penglibatan" murid-murid dalam penyalahgunaan dadah adalah seperti berikut:—

Pada tahun 1982 jumlah murid-murid yang diketahui "terlibat dengan penyalahgunaan dadah ialah seramai 168 orang tahun 1983 seramai 124 orang dan hingga Jun 1984 seramai 52 orang.

Pihak sekolah merujukkan pelajar-pelajar yang disyaki menagih dadah kepada Pegawai Rawatan dan Pemulihan yang akan membuat tindakan pemeriksaan air kencing. Apabila disahkan 'positif', pelajar-pelajar berkenaan akan dihantar ke pusat pemulihan untuk mendapat rawatan atau diletakkan di bawah pengawasan.

## TRAGEDI KAPAL KOREK

**30. Tuan Haji Mohamed bin Yahya** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan hasil siasatan mengenai tragedi kapal korek Syarikat Sungai Kelang Dredging Sdn. Bhd. pada 8.8. 1984 sehingga memakan korban nyawa seramai 7 orang pekerjaanya.

**Menteri Perusahaan Utama (Dato' Paul Leong Khee Seong):** Soalan Ahli Yang Berhormat ini telahpun saya jawab semasa menjawab soalan Yang Berhormat Tuan Mohd. Yusoff bin Kassim pada 3.12.1984. Saya tidak bercadang untuk menambah.

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN, 1985

#### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

Aturan urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyampung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan yang kedua sekarang." (4hb Disember, 1984)

*Perbahasan disambung semula.*

3.48 ptg.

**Tuan Haji Abdul Razak bin Haji Abu Samah:** Tuan Yang Dipertua,

terima kasih diucapkan kerana diberi peluang kepada saya menyambung ucapan pada 4hb Disember 1984 yang lalu bagi membincangkan Belanjawan tahun 1985.

Pada 4hb yang lalu saya menyentuh tentang Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan berhubung dengan keadaan perumahan yang didirikan oleh Kerajaan Tempatan di tiap-tiap negeri di negara kita ini yang mana projek-projek itu ada kalanya, rumah-rumah yang telah disiapkan yang tidak memuaskan hati penghuni-penghuni umpamanya bocor, pecah dan sebagainya. Dalam masalah ini kita harap supaya bagi menjimatkan kewangan negara sebagaimana saya katakan supaya pegawai-pegawai yang berkenaan, yang bertanggungjawab oleh pihak Kementerian supaya dapat menjaga projek-projek yang hendak disediakan itu supaya dapat pengawasan yang lebih rapi apabila rumah ataupun bangunan ini siap boleh diduduki oleh penduduk-penduduk dengan selesa tanpa ada sungutan ataupun "complaint" daripada orang ramai dengan keadaan rumah-rumah yang tersebut.

Oleh itu, Tuan Yang Dipertua, sebagaimana saya cadangkan, saya syorkan oleh kerana kita ini manusia bukan semakin sehari berkurangan iaitu semakin hari berkembang, kalau mereka kahwin tahun ini kemungkinan dia suami isteri sahaja, tahun yang kedua kemungkinan akan dapat anak pertama, kedua, ketiga dan seterusnya akan meningkat ramai anak mereka. Dengan keadaan perumahan ini kalau hanya rumah itu begitu sahaja disediakan sebagai pelan yang ada pada hari ini iaitu satu bilik ataupun dua bilik dengan tidak ada perluasan tanah di depan ataupun belakang, halaman ataupun di dapur.

Saya cadangkan supaya di luar-luar bandar kerana tanahnya masih luas supaya dapat diperuntukkan sedikit tanah perluasan supaya apabila mereka

itu telah banyak anak, keluarga mereka telah meningkat, kemungkinan pada masa itu wang telah ada boleh mereka membesarkan rumah-rumah yang dibeli itu tanpa menyusahkan lagi Kerajaan kita, meminta rumah di sana dan meminta di sini. Ini rasa saya satu secara yang boleh kita menghadapi jangka panjang.

Soalan yang lain, Tuan Yang Dipertua, dalam masalah Kementerian Kerajaan Perumahan dan Kerajaan Tempatan ini juga saya melihat apabila keluar, kita melihat keadaan rumah-rumah yang didirikan oleh pihak swasta, jadi kemungkinan jawapan daripada Menteri — ini adalah dikuatkuasa daripada Kerajaan-kerajaan Negeri sendiri yang memberikan kuasa pelan, tata atur dan seterusnya. Dan kadang kala saya lihat projek-projek perumahan yang ada di luar bandar Kuala Lumpur ini, terutama Seremban, Ipoh dan sebagainya, kita lihat projek perumahan itu terlampau dekat kepada lebuhraya ataupun jalan besar. Sedangkan Kerajaan kita bukan setakat itu sahaja jalan yang hendak kita gunakan, kemungkinan satu dua tahun ataupun 5 tahun, umpamanya jalan Lebuhraya Seremban — Kuala Lumpur pada masa dahulu kita fikirkan itulah jalan yang cukup besar tetapi sekarang terpaksa dibesarkan lagi kerana kenderaan begitu banyak. Oleh itu dalam keadaan ini kita lihat keadaan rumah-rumah yang didirikan yang dibenarkan oleh Kerajaan Negeri ataupun Kerajaan Tempatan, mereka ini membiarkan sahaja pemaju-pemaju perumahan sehingga begitu dekat daripada jalan raya untuk mendirikan rumah kerana mereka takut tanahnya hilang, jadi kerugian banyak.

Jadi dalam keadaan ini apabila siap nanti apabila Kerajaan berkehendakkan tanah, terpaksa menjual, ataupun meminta rumah-rumah yang ada itu supaya dipecahkan dan sebagainya. Umpamanya jalan ke Seremban

sekarang ini boleh kita lihat, rasa saya tak begitu jauh sangat daripada jalan besar, rumah banglo yang telah siap sedia, kalaulah sekiranya Kerajaan hendak mengambil jalan esok, bagaimana tanah ini hendak diambil lagi. Oleh itu rasa saya dalam masalah ini Kerajaan Tempatan sepatutnya apabila meluluskan pelan-pelan ini supaya rezab-rezab jalan ini supaya dapat diberikan ataupun diminta kepada pemaju-pemaju perumahan ini supaya diberi lebih luas lagi iaitu untuk jangka panjang. Kalau kita biarkan sahaja kemungkinan Kerajaan akan kesulitan, maka Kerajaan juga akan membelanjakan wang yang banyak apabila dipecahkan rumah-rumah itu. Kita lihat di Kuala Lumpur sahaja, umpamanya Merlin Hotel. Dahulunya hotel yang telah dibeli oleh Koperasi Bersatu di Jalan Kelang lama, pada mulanya dahulu tanah itu jauh halamannya daripada jalan besar, oleh kerana Kerajaan hendak membesarkan jalan raya itu, terpaksa hotel yang ada pada masa itu, terpaksa jalan di bawah, dekat sehinggakan hotel itu tak dapat hendak berjalan lagi.

Ini adalah salah, rasa saya daripada Jabatan Perancang Bandar di Kementerian Wilayah Persekutuan yang bertanggungjawab iaitu Bahagian Pelan dan sebagainya.

Lagi satu dalam masalah Kementerian ini juga yang tidak menyenangkan sekarang ini iaitu tentang penggunaan bahasa. Perkara ini telahpun kita bincangkan di Parlimen, sama ada Dewan Rakyat dan di luar dan seterusnya kita telah merdeka sejak 27 tahun sehingga ke hari ini kedaulatan Bahasa Kebangsaan itu masih juga lagi belum tercapai 100 peratus.

Kita boleh lihat di kedai-kedai, di gedung-gedung perniagaan masih lagi bermaharajalela bahasa-bahasa asing yang bukan Bahasa Kebangsaan. Oleh itu dalam masalah ini kita haraplah pihak Kerajaan kalau benar-benar kita

hendak mendaulatkan Bahasa Kebangsaan ini, supaya tiap-tiap gedung ataupun kedai-kedai perniagaan hendaklah menggunakan Bahasa Kebangsaan yang sebenar-benarnya.

Dan selain daripada itu juga dalam soal bahasa ini juga, kadangkala tidak tahulah saya sama ada ini dikeluarkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka umpamanya terjemahan ataupun huruf ringkas, huruf potong. Umpamanya perkataan "jalan" selalunya kita gunakan "jln." tetapi ada kawasan-kawasan yang lain hanya ditulis "J" sahaja, umpamanya Jalan Barat ditulis "J. Barat", tidak ada huruf yang standard, perkataan yang standard. Begitu juga saya tengok perkataan "bulatan" umpamanya "Bulatan Merdeka" di Kuala Lumpur ini, ditulis huruf pendek "Btn.". Saya rasa tidak ada bunyinya di antara "Bulatan" dengan "Btn." itu. Begitu juga "Lorong" sepatutnya rasa saya "Lrg." mungkin boleh jadi ada bunyinya "Lorong", tetapi kadang kala ditulis huruf "L" sahaja untuk "Lorong Itu" dan "Lorong Ini", ditulis "L" sahaja. Kepada orang kita di Malaysia ini mungkin mengetahui, tetapi kepada orang-orang yang datang daripada luar negeri, kalau huruf-huruf pendek, huruf ringkas atau huruf potong ini kelam kabut di sana lain, di sini ada "Jln" di tempat lain "J" sahaja, di sini "Btn." di sana "Bltn." dan seterusnya, mana satu yang hendak diikuti.

Oleh itu dalam keadaan inilah saya berharap Kerajaan, dan saya rasa ini tanggungjawab Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan juga Kerajaan-kerajaan Negeri harus memikirkan jalan-jalan yang hendak dibuat itu, supaya huruf-huruf ringkas itu jangan sesuka hati sahaja kerana jabatan istilah di Dewan Bahasa dan Pustaka sedia menerima pandangan ataupun kehendak-kehendak daripada jabatan-jabatan yang lain. Begitu juga dengan kenyataan-kenyataan yang kita lihat apabila Kerajaan membuat jalan

umpamanya: AWAS dan sebagainya, itupun tidak standard. Saya rasa eloklah dibuat secara yang benar-benar standard kalau benar kita hendak mendaulatkan Bahasa Kebangsaan kita.

Sekarang saya hendak beralih kepada Jabatan/Kementerian lain iaitu Kementerian Wilayah Persekutuan. Baru sebentar tadi Yang Berhormat Menteri telah menjawab soalan pertanyaan mulut daripada saya. Beliau telahpun menjawab berhubung dengan keadaan perumahan yang akan didirikan di Wilayah Persekutuan ini yang mana perbelanjaan yang telah diperuntukkan oleh Kementerian Wilayah ini berjumlah \$62.714 juta bagi perbelanjaan 1985 yang mana pecahannya telah dinyatakan di dalam Maksud P. 17 iaitu Perumahan Awam Wilayah Persekutuan — Peruntukan 1984: Pinjaman \$10,000 juta. Tentang perumahan di Wilayah Persekutuan ini, kita berterima kasih di atas usaha yang dijalankan oleh Kerajaan, oleh Kementerian Wilayah Persekutuan dan juga Dewan Bandaraya menyediakan rumah-rumah bagi penduduk-penduduk yang berpendapatan kecil. Lebih-lebih lagi untuk menempatkan semula penduduk-penduduk yang duduk di tanah-tanah tanpa izin yang mana mereka ini telah duduk bertahun-tahun, ada yang 50 tahun, ada yang 60 tahun dan ada yang 70 tahun duduk di kawasan tanah tanpa izin, tetapi dengan usaha Kerajaan mereka ini telahpun dipindahkan ke rumah-rumah pangsang.

Kita sedar Kerajaan memang dihadapi dengan kesulitan-kesulitan tetapi telahpun dijawab oleh Yang Berhormat Menteri berhubung dengan Rancangan Pertama 17 tingkat, sekarang pihak Kerajaan memandangkan keadaan kesulitan, umpamanya 17 tingkat yang ada pada hari ini menghadapi bermacam-macam masalah, umpamanya lift rosak, ada kalanya lift tidak berjalan dan ada kalanya terhenti dan begitu juga kadangkala bekalan air

tidak sampai, bermacam-macam masalah memang dialami oleh penduduk-penduduk yang duduk di rumah pangsang. Syukur kalau benar dikatakan 5 tingkat akan didirikan, saya mengalu-alukan dan saya mengucapkan tahniah di atas pandangan daripada Kementerian Wilayah untuk penduduk-penduduk di Wilayah Persekutuan ini. Satu sahaja yang kita harap kerana dalam Kuala Lumpur ini sebagaimana saya katakan tadi manusia akan membiak.

Pada masa dahulu rumah-rumah yang disediakan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan mengadakan satu atau dua bilik sahaja yang mana pada mulanya memanglah penduduk-penduduk kalau 10 tahun yang lalu, satu ataupun dua bilik mencukupi tetapi hingga sekarang ini mereka ini tidak boleh duduk lagi di rumah yang begitu sempit dengan satu ataupun dua bilik kerana keluarga-keluarga mereka pada masa ini telah pun membesar dan ada yang bujang dan ada juga yang telah menjadi anak dara dan kadangkala pula sudah menantu di dalam rumah yang begitu kecil, sedangkan mereka itu minta rumah di tempat lain tidak dapat. Oleh hal yang demikian keadaan sosial inilah yang berlaku pada hari ini dan saya rasa salah satu masalah-masalah yang patut diawasi ataupun dipandang oleh pihak Kementerian Wilayah Persekutuan supaya mereka yang telah lebih keluarga ini dibolehkan mereka ini meminta flat-flat yang lain yang telah didirikan di Wilayah Persekutuan ini. Kerana buat masa ini boleh dikatakan sedikit sangat layanan yang diterima dari Dewan Bandaraya oleh penduduk-penduduk yang lebih ini hendak meminta rumah. Oleh itu, dalam keadaan ini terpaksa mereka berhimpit-himpit macam burung duduk dalam bilik yang begitu kecil.

Dalam keadaan-keadaan inilah yang berlaku umpamanya pergaduhan, pertelingkahan berlaku antara anak dan isteri, ibu dan bapa kerana keadaan

kesempitan duduk di dalam ruang-ruang yang kecil. Begitu juga keadaan-keadaan ini akan berlaku kepada anak-anak bujang yang terpaksa tidak dapat balik ke rumah sehingga pukul 11.00 ataupun 12.00 malam hendak tidur kerana masa siang tidak boleh kerana rumah begitu kecil takkan hendak duduk dengan ibu dan bapa dengan ruangan yang begitu hendak tenguk TV dan sebagainya. Oleh itu anak-anak ini akan berkeliaran di bawah-bawah dan inilah sebab-sebab saya rasa juga berlakunya keadaan-keadaan menghisap dadah, masuk menjadi kumpulan-kumpulan jahat dan sebagainya kerana mereka ini tidak ada tempat hendak duduk. Kalau hendak duduk dalam rumah yang begitu kecil terpaksa mereka ini lari ke bawah dan berjumpa dengan kawan-kawan, budak-budak jahat dan seterusnya menghisap dadah dan sebagainya akan berlaku. Kalau ini kita tidak atasi saya rasa bukanlah salah di mana-mana inipun kesalahan daripada keadaan kedudukan juga yang ada pada hari ini.

Soal yang lain berhubung dengan pengawalan penempatan setinggan-setinggan di Wilayah Persekutuan yang mana peruntukan pada tahun ini — 1985 nampaknya satu sen pun tidak ada. Pada tahun 1984 ada anggaran \$10, tahun ini tidak ada. Oleh itu, dalam masalah setinggan ini, sebagaimana saya ulangi lagi mereka ini juga manusia biasa dan juga mereka ini adalah yang menolong Kerajaan kerana mereka ini juga mendaftar sebagai pengundi. Apabila pilihanraya yang akan diadakan, mereka inilah yang keluar mengundi lebih awal daripada orang-orang yang berkemampuan, orang yang berkelayakan, pegawai Kerajaan, orang-orang dermawan, mereka inilah yang banyak membantu Kerajaan dalam pilihanraya, boleh dikatakan setiap tempat kawasan setinggan saya rasa dalam 100 kemungkinan 98% mereka ini akan keluar mengundi tetapi kalau kita bandingkan dengan pegawai-pegawai Kerajaan yang berpendapatan tinggi,

orang-orang kaya dan sebagainya mereka ini ada yang lari tidak mahu mengundi dan ada kemungkinan mereka ini juga lari keluar negeri dan seterusnya. Orang-orang, ini sepatutnya dalam masalah ini pihak Kerajaan sama ada Kementerian Wilayah Persekutuan ataupun di Kerajaan-kerajaan Tempatan di pekan-pekan yang besar janganlah dianggap mereka ini sebagai anjing, sebagai haiwan kerana mereka ini kadangkala kita lihat kasihan.

Apabila mereka mendirikan rumah tibalah pengusaha-pengusaha Dewan Bandaraya memecah-mecahkan rumah mereka dengan tidak ada perikemanusiaan langsung. Pecah sana, pecah sini sampai menyembah dan sebagainya tidak dipedulikan, dipecahkan juga. Jumlah ahli politik sana, jumpa ahli politik sini kadangkala terimalah sebelum pecah itu ada peluang tidak dapat dipecahkan. Kadangkala tidak jumpa dengan orang-orang politik ini dipecahkan begitu sahaja. Dengan belanja yang didirikan \$500 atau \$1,000, pada mereka \$500 atau \$1,000 terlampau besar.

Untuk mencari \$500 atau \$1,000 itu bertahun-tahun baharu dapat untuk dikumpulkan untuk mendirikan rumah. Oleh itu, dalam keadaan ini patutlah pihak Kerajaan sungguhpun kita untuk mengatasi masalah ini tetapi kalau mereka ini membuat saya rasa bukan mereka itu sengaja untuk membuat mereka ini manusia biasa juga, takkan mereka hendak duduk di tepi longkang, di tepi bukit, di tepi lurah dan seterusnya, mereka juga hendak kesenangan tetapi apa boleh buat kerana nasib mereka telah begitu untuk menampung anak isteri dan keluarga daripada hujan dan panas terpaksa mereka membuat rumah di tanah-tanah tanpa izin untuk sepiit sana, sepiit di sini. Oleh itu, dalam keadaan ini saya rasa dalam masalah ini kadangkala kita menitiskan air mata melihatkan keadaan-keadaan mereka ini.

Bila kita tanya kepada pegawai-pegawai ini, ini arahan daripada atas,

bila kita tanya di atas dijawab pula, saya tidak ada arahan. Inilah perkara-perkara yang terjadi, yang susahnyanya adalah rakyat — marhin yang susah ini menerima akibatnya. Kadangkala, Tuan Yang Dipertua, beras yang dalam mangkok, di dalam pinggan sedang makan pun berselerak jatuh pecah. Kadang-kadang anak di dalam buaian pun dia tidak peduli, kalau Tuan Yang Dipertua melihat kesedihan mereka yang mengalami ini. Oleh itu, dalam masalah ini perikemanusiaan saya rasa patutlah masalah ini dapat pihak sama ada Dewan Bandaraya ataupun lain-lain tempat sama ada Kerajaan Negeri dan seterusnya, kita lihat dalam surat khabar bagaimana mereka ini. Mereka bukannya orang senang; kalau mereka senang, saya ulangi lagi bukanlah mereka hendak buat rumah tanpa izin yang empat batang tiang dengan atap pisang sikat untuk menampung keluarga dan anak mereka.

Soal yang lain dalam Wilayah Persekutuan iaitu jalan-jalan dan jambatan-jambatan yang mana peruntukan ada ini \$8,400,000 yang akan diperuntukkan. Dalam masalah ini juga di kawasan Damansara iaitu kawasan lembah yang begitu selalu dialami oleh bah — banjir, setiap hujan sahaja terpaksalah rumah-rumah yang saya katakan tadi rumah tanpa izin ini dan ada tempat-tempat juga rumah-rumah batu yang masuk air tetapi akibat yang lebih ialah rumah-rumah tanpa izin sehingga 7 kaki, 8 kaki dan ada kalanya sampai ke bumbung rumah mereka di kawasan itu dinaiki oleh air. Sungguhpun kadangkala di kawasan mereka itu tidak hujan, hujan di bahagian ulu, di Ulu Gombak di sana air itu akan datang ke belakang kerana disebabkan parit-parit dan sungai-sungai yang ada pada hari ini sungguhpun sudah dibetulkan tetapi tidak mencukupi, air tersekat sehinggakan rumah-rumah mereka ini ditenggelami, habis barang-barang dan ternakan mati. Dalam masalah ini kita harap juga

pihak-pihak yang berkenaan terutamanya Jabatan Parit dan Taliair apabila membuat sesuatu jambatan ataupun parit-parit terutama sekarang ini iaitu bahagian tentang wujudnya perumahan-perumahan yang begitu banyak dalam kawasan Wilayah Persekutuan ini. Pemaju-pemaju perumahan ini tidak menghiraukan keadaan orang susah, umpamanya mereka mendirikan ataupun membuka kawasan untuk membuat rumah, umpamanya di Segambut pada masa ini.

Di Kampung Segambut pada masa dahulu tidak pernah kena banjir tetapi sekarang kawasan itu telah dibanjiri oleh air apabila hari hujan. Sebabnya tidak ada perparitan yang dibuat oleh pihak pemaju dan juga tidak diawasi oleh JPT ataupun pihak-pihak yang berkenaan. Mereka ini membuat kawasan perumahan hanya dibuatkan longkang dalam kawasan perumahan mereka sahaja, tidak ada sambungan ke sungai-sungai. Oleh itu dalam masalah ini tanah-tanah dan air-air daripada hakisan itu, air daripada atas bukit itu tidak boleh lagi menggenang air itu akan terus melimpah ke kampung-kampung sehinggakan jalan-jalan dipenuhi air, sungai yang begitu elok yang bersih airnya dahulupun telah keruh dan cetek kerana tanah-tanah liat daripada kawasan-kawasan perumahan itu jatuh ke bawah. Begitu jugalah keadaan-keadaan ini bila ada parit-parit yang lama dahulu tersumbat, ini juga mendatangkan air menyenak di kawasan-kawasan yang ada di kawasan Damansara pada masa ini.

Oleh itu dalam masalah ini kita harap sungguhpun Jabatan Parit dan Taliair ada saya tengok sudah membuatkan pembetong-pembetong, tetapi pembetong-pembetong itu kadangkala kita lihat tidak masuk di akal, air begitu besar yang datang daripada bukit, pembetongnya hanyalah lebih kurang 3 kaki besar, dibuatnya dua. Pada mula air masuk itu eloklah, tetapi selepas hari hujan tengoklah air itu akan menyenak.

Baru-baru ini saya telah bawa Menteri Wilayah Persekutuan sendiri melihat keadaan ini di Kampung Pantai umpamanya yang selalu senak oleh air di situ oleh kerana inilah keadaan yang saya katakan tadi, pegawai-pegawai yang ada pada hari ini melepaskan batuk di tangga sahaja. Ada rayuan, ada desakan daripada orang ramai barulah sebagai paku dengan pengetuk yang saya katakan. Mereka ini tidak membuat dengan betul, hanya buat longkang, buat sahaja, tidak ada rancangan apakah air ini besar ataupun kecil, tidakkah akan melibatkan rumah orang sebelah menyebelah, banjir ataupun tidak, hanya buat sahaja. Kalau hendak buat, buat sahaja, selepas itu akibatnya terpaksa dipecah. Bila dipecah, ini akan melibatkan wang yang banyak lagi, siapa yang berbelanja? Kerajaan juga yang berbelanja.

Oleh itu dalam masalah ini saya berharap dan saya menyeru sekali lagi pegawai-pegawai Kerajaan yang berkenaan cubalah cekap dan amanah yang dikatakan itu supaya menjalankan kerja-kerja yang baik supaya dapat menyelesaikan masalah-masalah. Jangan ini sahaja yang kita bincangkan, air bah dan seterusnya sampai bila?

Begitu juga kita lihat di Kuala Lumpur. Kelmarin saya ada sentuh sedikit pembesaran Sungai Kelang yang ada di Kuala Lumpur ini. Saya rasa pembesaran ini telahpun siap iaitu di jambatan Jalan Kuching telahpun siap, tidak ada lagi enjin-enjin korek untuk mengorek tanah itu, tetapi saya lihat kiri kanan telah siap, masih ada lagi tanah-tanah yang terbungkal tingginya di tengah-tengah sungai itu. Ini juga akan menjadikan air bah menyenangkan. Apa sebabnya ini? Ini juga rasa saya tidak ada pengawasan dari pegawai-pegawai yang berkenaan. Kontraktor kata telah siap, siaplah, ambil duit terima, tidak tengok apa yang telah dibuat. Dalam keadaan ini apabila perkara ini telah terjadi panggil lagi kontraktor, buat lagi keluarkan duit lagi. Duit siapa — ialah duit Kerajaan.

Oleh itu, dalam masalah ini berbalik-balik kita, bukanlah kita hendak marahkan, bukanlah saya hendak menuduh pegawai-pegawai ini tetapi hendaklah bekerja dengan tekun dan melihat keadaan-keadaan yang telah sedia ada.

Tuan Yang Dipertua, berhubung dengan Kementerian Pertanian, dalam dua tiga hari ini dalam Soal Jawab, kita lihat Kementerian Pertanian pihak-pihak Menteri telahpun menjawab, boleh dikatakan tiap-tiap hari soalan ada soalan pertanian ini. Peruntukan pada tahun hadapan pun banyak — 1,092 juta diperuntukkan kepada Jabatan ini.

Saya ingin juga menyentuh dalam masalah pertanian yang mana sungguhpun Menteri telah menjawab itu dan ini untuk kebaikan para petani tetapi sehingga hari ini juga para petani boleh dikatakan mereka ini kais pagi makan pagi, kais petang makan petang. Keadaan mereka boleh dikatakan tidak juga seimbang, tidak juga berubah sebagaimana keadaan-keadaan yang lalu. Dengan keadaan-keadaan ini, seumpamanya sawah-sawah yang dijadikan di kawasan-kawasan yang ada yang mana kawasan-kawasan terbiar begitu banyak di seluruh negara kita pada hari ini. Pihak Kerajaan tidak ada cara untuk memperbaiki tanah-tanah mereka ini untuk mendatangkan hasil pertanian ataupun padi daripada sawah-sawah mereka. Sungguhpun Kerajaan ada mencadangkan untuk dijadikan swasta tanah-tanah sawah di Kelantan tetapi bagaimana pula keadaan di kawasan-kawasan lain pada masa ini. Ini adalah disebabkan salah satunya rasa saya bukan malas daripada penduduk-penduduk di situ, tetapi adalah keadaan-keadaan negara kita ini dengan pesatnya pembangunan-pembangunan pada hari ini sehinggakan hutan-hutan telah habis ditebas dijadikan FELDA dan seterusnya, kadangkala ditanam pokok, sehinggakan air-air takungan daripada atas tidak ada, sehinggakan sawah-sawah yang ada di

bawahnya di bahagian hilir kering kontang tidak ada air.

Jadi dalam keadaan ini pihak Kerajaan memandang sahaja sedangkan pihak penduduk-penduduk, para petani mengharap untuk mendapatkan air supaya dapat mereka ini menyediakan ataupun memulakan tanaman padi di sawah-sawah mereka. Oleh itu dalam masalah ini kita harap supaya Kementerian dapat berusaha mencari jalan supaya sawah-sawah yang terbiar begitu banyak di negara kita ini dapat dimajukan semula oleh pihak-pihak yang tertentu di kawasan-kawasan kampung masing-masing.

Soal Kementerian Kesihatan, ini juga kita lihat banyak rungutan-rungutan daripada pihak-pihak orang awam yang sehingga pada hari ini masih ada lagi rungutan-rungutan terhadap tingkahlaku dan kelakuan para doktor, para jururawat, pegawai-pegawai yang begitu angkuh kepada orang ramai, ini berlaku. Umpamanya, baru-baru ini saya melihat keluarga saya bersalin di hospital, kasihan melihatkan keadaan ibu-ibu yang bersalin ditempi, dimarahi, dimaki oleh nurses yang ada di situ. Di samping itu juga kita lihat, ini tidak bolehlah kita hendak katakan, katil-katil tidak cukup di hospital-hospital. Begitu juga di Hospital Universiti ada salah seorang saya lihat anaknya telah 3 bulan duduk di hospital itu, tetapi oleh kerana kemungkinan tidak ada tempat terpaksa ibunya duduk membawakan kain selimut, duduk dan tidur di atas simen. Apa salahnya pihak Kerajaan memandangkan ibu yang begitu susah melahirkan anak, kemungkinan dengan keadaan yang sejuak akan mengakibatkan kesakitan ataupun mudarat kepada diri, supaya dapat diatasi masalah-masalah ini oleh Kementerian, jangan dibiarkan begitu sahaja ibu-ibu yang duduk ataupun terlentang di atas simen di bilik-bilik dalam Hospital-hospital Bersalin.

Begitu juga dalam keadaan-keadaan yang lain, saya rasa sebagaimana banyak yang telah pun disentuh soal-soal

kelakuan dan tata-tertib ini, supaya jururawat dan seterusnya dapat mengikuti apa yang diarahkan oleh pihak Kerajaan.

Soal Kementerian Penerangan, ini juga telah kita bincangkan bagi persoalan berkenaan dengan TV3 yang dapat dilihat di Lembah Kelang ini. Sungguhpun TV3 itu baiknya ada, tidak baiknya pun ada sehingga pada hari ini saya lihat ada masa-masa yang saya dapat lihat keadaan TV3 ini, boleh dikatakan macam TV yang berada di Amerika Syarikat. Tetapi TV di Amerika Syarikat cara-cara inilah boleh dikatakan sudah dekatlah rasa saya, tidak ditapis langsung gambar yang dikeluarkan di TV3 ini. Tiap-tiap gambar yang dikeluarkan itu memanglah elok-elok semuanya tetapi kucup bibir, kucup itu, tidur dan sebagainya nampaknya begitu sangat terang. Kita malu di dalam negara Islam yang kita mengamalkan, kebudayaan kita ini kebudayaan yang begitu baik tetapi kerana keadaan inilah kadang-kadang kita malu hendak duduk dengan anak-anak hingga melihat sama terpaksa kita lari, kalau hendak halau anak pula, dia pun hendak lihat, dia pun belum tengok lagi, dia hendak tengok.

Dalam keadaan ini kita haraplah TV3 ini janganlah mengharap sangat keuntungan yang begitu lebih, jagalah moral untuk kita semua. Bagaimana macam malam tadi, cerita "Sex and the Single Parent" macam itulah, yang dikatakan seks, bagaimana ibu mencuri-curi bertiduran di dalam bilik yang dilihat oleh anak apabila bangun pagi. Bukankah ini menunjukkan, rasa saya tidak enak di samping kucup-kucupan memang lumrah di dalam TV3 ini, dan cara bogel dan separuh bogel pun sudah ditunjuk, tiada tapisan yang diadakan di dalam TV3 ini. Nampaknya pihak Kerajaan pun tidak dapatkah hendak mengawasi dalam masalah yang dijalankan oleh TV3 ini. Kita berasa malu kepada anak-anak yang baru berumur 10-12 tahun. Ini rasa saya

patutlah pihak TV3 ini sebagaimana saya katakan tadi supaya jangan mengharapkan keuntungan yang lebih tetapi hendaklah kita menjaga keadaan masa depan. Dengan keadaan inilah anak-anak muda kita dapat meniru cara-cara 'break-dance' dan sebagainya, ada lagu ada yang pondan menyanyi, cara pakaian perempuan dalam rancangan ini, yang mana orang kita terikut-ikut, ada yang seluar panjang dipotong berumbai-rumbai berjalan, ini juga telah diikuti, mengikut rancangan-rancangan yang ada. Saya mengakui dengan adanya rancangan TV3 ini kemungkinan banyak anak-anak muda kita tidak berjalan keluar kalau berada di rumahnya yang luas dan besar, dia lihat TV3, tidak keluar. Tetapi kita takut dia tidak keluar pada masa TV3 tetapi apabila telah habis rancangan ini, dia akan merayap ke tempat lain, dia akan cuba pula cara mana yang dilakukan, adegan-adegan yang ditunjukkan dalam rancangan-rancangan yang telah ada itu. Oleh itu, saya rasa dalam masalah ini saya harap Kementerian janganlah memandang sambil lewa sahaja, mengambil masalah ini indah tak indah sahaja jeritan-jeritan dari alim ulamak dan seterusnya supaya masalah-masalah ini dapat diatasi.

Akhirnya, Tuan Yang Dipertua, saya berbalik sedikit dengan Jabatan Perdana Menteri, berhubung dengan Tabung Haji. Tabung Haji ini iaitu soal 'Muassasah' ataupun 'banyak susah'. Mengikut laporan Lembaga Urusan dan Tabung Haji, tahun 1983 jemaah haji yang pergi dengan Tabung Haji 23,937 orang, yang pergi dengan swasta tahun 1983 1,172 orang. Kita telah dengar Kerajaan, pihak Tabung Haji juga akan mewajibkan sudah dua tiga tahun yang lalu tiap-tiap orang yang hendak naik haji mestilah melalui Tabung Haji. Tetapi sungguhpun begitu 1,000 orang lebih ada juga yang pergi bersendirian pada tahun 1983. Tahun ini tidak tahu. Masalah-masalah yang timbul yang kita lihat ada yang tersadai, ada yang kena tipu, yang tidak dapat menunaikan

fardu Haji. Saya tidak tahu sama ada pihak Tabung Haji telah mengurus ataupun tidak, kerana soal pemergian ke tanah suci ini sama ada hendak naik Haji atau umrah, saya rasa masalah ini mestilah diberi tahu atau dilaporkan, umpamanya, umrah terpaksa mendapat visa daripada Kedutaan Arab Saudi di sini. Dalam masalah ini tidakkah boleh pihak Kerajaan ataupun Tabung Haji ini berunding dengan Kedutaan Saudi Arabia di sini, iaitu kalau kita mahu menjaga orang ini dengan benar, tiap-tiap orang yang hendak pergi naik Haji ini kalau dia datang persendirian, hendaklah pihak pejabat Kedutaan ini memulangkan atau menyuruhkan mereka ini mendapatkan kebenaran dahulu daripada Tabung Haji sendiri, sama ada boleh atau tidak, jangan dilepaskan sahaja begitu orang ini akan pergi bersendirian dan setelah itu Kerajaan kita yang susah dan kita dengar kita kena tipu, yang ada tidak dapat pergi, yang menjual tanah dan sebagainya kerana ditipu oleh kerana dijalankan oleh pihak-pihak swasta ini tadi.

Dalam masalah ini pihak Tabung Haji dan pihak yang berkenaan supaya di tahun-tahun yang akan datang mengawasi mereka ini supaya Tabung Haji sendiri mengambil alih.

Dalam soal yang lain dalam soal Tabung Haji ini, saya tidak tahu apa sebab begitu mahal tambangnya dari sini sedangkan tambang daripada sini ada saya dengar daripada Singapore Airlines (SIA) iaitu tambang pergi balik ke London iaitu \$1,800. London dengan Jeddah saya rasa pertengahan jalan sahaja. Apa sebab tambang dikira ke sana sampai \$5,000 tambangnya. Tambang yang sebenarnya dia kata \$2,785 sedangkan MAS itu adalah penerbangan Kerajaan kita sendiri. Tidakkah boleh pihak Kerajaan mengurangkan sedikit tambang yang diberi sekarang ini supaya orang-orang tidak begitu banyak sangat membayar tambang yang begitu banyak dan kemungkinan duit yang ada lebihnya itu

boleh mereka ini membeli atau membiayai benda-benda yang lain.

Tuan Yang Dipertua, dalam soal Muassasah sebagaimana yang saya terangkan hari itu pada masa soal jawab yang mana pihak LUTH (Lembaga Urusan dan Tabung Haji) mengatakan dalam surat khabar ialah kesilapan-kesilapan yang dibuat oleh jemaah-jemaah Haji sendiri. Tetapi dalam masalah ini saya haraplah pihak LUTH (Lembaga Urusan dan Tabung Haji) ini jangan hanya menyebelahi tanpa menyelidiki benar-benar apakah sebab-sebab masalah yang terjadi Muassasah ini. Sebagaimana saya terangkan tempoh hari, ini berlaku. Sebab-sebabnya isteri, suami yang berpecah apabila jemaah Haji ke sana yang berlaku semasa musim Haji pada tahun ini, apa yang saya dapat tahu adalah kesilapan pegawai-pegawai dari Tabung Haji sendiri.

Dalam masalah ini, kita harap pegawai-pegawai Tabung Haji yang telah pun diberi amanah untuk menjaga jemaah-jemaah kita semasa di Mekah, di Jeddah, di Mina dan seterusnya supaya mereka ini benar-benar menjalankan tugas. Pada tahun dahulu saya pergi menunaikan fardu Haji. Apa yang berlaku dalam penerbangan itu, ada empat orang pegawai daripada Tabung Haji sama-sama terbang. Saya rasa orang-orang ini adalah ditugaskan untuk menjaga jemaah-jemaah Haji, tetapi malangnya pada masa itu, apabila sampai sahaja di Jeddah, pegawai-pegawai ini bukan melihat jemaah-jemaah Haji sebagaimana boleh dapat keretakah, bagaimana dia boleh sampai ke Jeddah atau Madinah, tetapi malangnya mereka ini bukan melihat jemaah-jemaah Haji tetapi mereka ini terus naik kereta terus pergi ke Jeddah separuh, pergi ke Mekah separuh tanpa memikirkan apa-apa masalah-masalah jemaah-jemaah Haji.

Pada masa itu daripada pukul 10.00 pagi saya sampai waktu Jeddah pukul

12.30 malam baru dapat bas hendak pergi ke Mekah. Begitu lamanya. Saya tidak tengok pegawai-pegawai Tabung Haji yang datang bersama-sama itu yang menjengok atau melihat keadaan-keadaan jemaah-jemaah haji. Yang ada ialah budak-budak di sana dengan bahasa yang begitu kasar menyumpah "kalau awak tidak mahu naik haji, jangan naik" dan macam-macam ayat, macam-macam perkataan yang dihamburkan kepada jemaah-jemaah haji pada masa itu.

Jadi, dalam masalah inilah saya rasa Tabung Haji haruslah memikirkan kerana mereka yang naik haji itu adalah menunaikan Rukun Islam yang Kelima yang sepatutnya orang-orang itu pergi untuk membuat amal ibadat dan balik juga mereka akan mendapat kesenangan, mendapat keampunan mudah-mudahan daripada Allah s.w.t. Tetapi apabila sampai di sana masalah-masalah ini timbul. Bermacam-macam masalah timbul. Apabila dilaporkan kepada Tabung Haji, Tabung Haji mengatakan ini semuanya mereka yang salah. Oleh itu dalam masalah ini sama-samalah kita menjaga kepentingan kerana pihak Kerajaan telah pun memberi arahan kepada mereka, memberi gaji dan seterusnya hendaklah menjalankan kerja-kerja dengan baik.

Dan yang lain lagi, saya terlupa tadi saya hendak masuk sedikit berhubung dengan keadaan di Wilayah Persekutuan. Sedikit lagi, kemungkinan dapat jawapan daripada Yang Berhormat Menteri berhubung dengan Kampung Kerinchi. Kampung Kerinchi ini untuk pengetahuan Tuan Yang Dipertua adalah terdiri daripada penduduk-penduduk setinggan yang telah duduk lebih kurang 70-80 tahun dahulu. Tetapi baru-baru ini satu syarikat tiba-tiba muncul yang mana kononnya ianya telah pun mendapat kebenaran daripada Kerajaan Selangor kononnya tanah itu adalah dipunyai oleh PKNS, mereka telah dapat kerja untuk membangunkan

kawasan Kampung Kerinchi itu dengan cara usaha sama iaitu daripada satu syarikat bernama Nikkon & Company Sdn. Bhd. yang dipengerusikan oleh anak seorang Tan Sri di Kuala Lumpur ini.

Apa yang saya rasai dan juga penduduk di situ yang datang ke rumah saya, mereka tidak puas hati cara mereka itu macam mereka ini merompak untuk menghalau penduduk-penduduk di situ. Apa yang dikatakan "saya telah dapat tanah ini, tuan-tuan mesti pindah". Ini caranya rasa saya tidak betul. Saya hendak berunding dengan mereka itu tidak dapat. Oleh itu dalam masalah ini saya harap pihak Kementerian Wilayah Persekutuan supaya dapat menanya atau mendapat kepastian daripada pihak PKNS ataupun Kerajaan Negeri Selangor kerana masalah yang timbul di kampung itu nanti ialah masalah setempat yang mana ini telahpun berlaku. Apabila Kerajaan ataupun Kementerian Wilayah Persekutuan ataupun Dewan Bandaraya yang telah membuat projek perumahan di Pantai Halt dahulu, pada mulanya mereka menganggap sebagaimana saya katakan tidak ada longkang, tidak ada sungai yang disediakan sehingga kawasan-kawasan yang disebelah bawah habis dilanda oleh banjir.

Oleh itu dalam masalah ini jugalah kalau masalah ini juga dijalankan, keadaan kawasan perumahan ini yang mana Nikkon & Company Sdn. Bhd. yang saya katakan tadi menjalankan dengan tidak ada perundingan dengan Dewan Bandaraya ataupun Kementerian Wilayah Persekutuan, saya rasa masalah yang dialami oleh Pantai Halt dahulu akan timbul balik semula dengan keadaan yang dijalankan ini nanti.

Inilah harapan saya supaya pihak Kementerian memberi jawapan ataupun menyasat perkara ini sama ada benar ataupun tidak syarikat ini telah dapat mengadakan projek usaha sama dengan pihak Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor.

Satu masalah lagi sebagaimana saya katakan tadi keadaan pemaju-pemaju perumahan ini..... (*Gangguan pembesar suara*) Apa sebab ini? Dia marahkan saya cakap? Saya beroleh ke sini pula. Inilah silapnya, saya hendak marah juga Parlimen semalam basah kuyup, hari ini suaranya pula tidak betul. Siapa pula hendak disalahkan ini. Ini ada apa-apa juga.

Soal nama pemaju perumahan yang ada di Kuala Lumpur ini kadangkala kita lihat dan saya tahu kadangkala tidak dapat kebenaran ataupun persetujuan daripada Dewan Bandaraya sendiri bagi mereka menamakan satu-satu projek perumahan. Umpamanya Taman Wahyu dan sebagainya itu dan seterusnya tanpa mendapat kebenaran. Setelah dibuat baru minta kebenaran. Oleh itu keadaan ini diluluskan sahaja oleh Dewan Bandaraya tanpa memikirkan salasilah dan sejarah kawasan-kawasan tersebut.

Ini berlaku lagi iaitu di Kampung Haji Abdullah Hukum Bersatu. Kampung Haji Abdullah Hukum ini mempunyai sejarahnya dalam Kuala Lumpur ini. Ianya adalah tanah yang dianugerah oleh Kerajaan Negeri Selangor, Sultan Selangor dahulu kepada Haji Abdullah Hukum sehingga namanya dinamakan Kampung Haji Abdullah Hukum. Tetapi sekarang pihak Kerajaan, pihak Dewan Bandaraya telahpun memberi secara usaha sama pengswastaan, tidak silap saya satu kawasan di hujung kampung Haji Abdullah Hukum itu dengan tidak semena-mena nama Kampung Haji Abdullah Hukum telah ditukar sendiri oleh pemaju perumahan tersebut dengan nama Bandar Mas.

Apabila saya bertanya dengan Dato' Bandar; Dato' Bandar tidak tahu. Oleh itu dalam masa ini juga kita harap pemaju-pemaju perumahan sama ada keturunan Melayu ataupun orang-orang lain seperti China dan seterusnya mestilah mereka ini menghormati nama-

nama kampung yang sedia ada itu, janganlah diubah-ubah dengan senang-senang sahaja.

Dengan itu dalam masalah ini pihak penduduk-penduduk di sana telahpun gelisah dengan nama itu. Dalam masalah ini kita berharap pihak Menteri mengarahkan mereka menarik balik sebab signboard telahpun didirikan di situ menyatakan akan didirikan Bandar Mas tanpa pengetahuan pihak Kementerian Wilayah Persekutuan sendiri. Kita tidak mahu dibubuh nama-nama sesuka hati sahaja apabila sudah siap jadi susah hendak dibaiki.

Tuan Yang Dipertua, saya berucap semalam sehingga hari ini lebih kurang memakan masa satu jam. Kemungkinan kawan-kawan lain hendak bercakap. Oleh itu, saya berharaplah apa yang saya ucapkan pada hari Selasa dan juga pada hari ini adalah pandangan dan pengalaman-pengalaman yang telah saya alami sendiri dan juga sebagai ahli politik yang mana pada setiap masa dan waktu rakyat-rakyat datang mengadu macam-macam masalah sebagaimana saya terangkan. Ini bukanlah dibuat-buat atau pandai daripada saya sahaja tetapi ini adalah berpandu aduan-aduan daripada penduduk-penduduk setempat yang tidak puas hati dengan keadaan-keadaan yang saya terangkan tadi. Oleh itu, saya berharap pihak-pihak yang berkenaan janganlah menganggap perkara-perkara itu hanya saya berucap sahaja tanpa membuat penyelidikan. Dan soal-soal serta masalah-masalah yang lain, saya ingin mengatakan seperti yang terjadi di Jabatan-jabatan, di Kementerian-kementerian yang membazir.

Umpamanya, di Jabatan Kerajaan dan agensi-agensi Kerajaan sama ada Kerajaan Pusat dan Negeri yang mana membelanjakan wang dengan sewenang-wenangnya tanpa persetujuan daripada Kerajaan sehinggakan benda-benda yang dibeli itu membazir sahaja. Misalnya, kereta-kereta yang tidak

boleh dipakai, mesin-mesin, enjin-enjin yang lain tidak boleh dipakai telah dibeli tanpa membuat perhitungan terlebih awal, begitu juga dengan keadaan Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) yang ada sekarang ini.

Saya lihat di Lapanganterbang Antarabangsa Subang kita ini iaitu motokar/bas yang tidak silap saya harganya lebih kurang \$200 juta, bas-bas itu sekarang tidak digunakan lagi dan begitu juga kenderaan-kenderaan yang lain, banyak yang rosak. Inilah juga yang mengakibatkan kerugian-kerugian yang dialami oleh syarikat-syarikat dan juga agensi-agensi Kerajaan. Ini adalah disebabkan kecuaiannya dan tidak bertanggungjawab oleh pihak-pihak yang berkenaan, selepas itu Kerajaanlah menanggung kerugian dan pegawai-pegawai ini kemungkinan dia akan berhenti dan kalau tidak berhenti mereka akan minta untuk ditukar jawatan ke Jabatan yang lain dan kerugian-kerugian yang dialami ini tinggal begitu sahaja, yang mengakibatkan Kerajaan mengeluarkan wang yang begitu banyak sedangkan benda-benda yang dibeli itu tidak berguna. Inilah masalah-masalah yang dihadapi, oleh itu dalam masalah ini kita harapkan konsep "Bersih, Cekap dan Amanah" itu supaya betul-betul dapat diamalkan, diikuti oleh kita semua, bukan pegawai Kerajaan sahaja, tetapi termasuklah ahli-ahli politik dan juga orang-orang perseorangan. Kita tidak mahu masalah ini ditanggung oleh Kerajaan berlarut-larutan dan keadaan-keadaan ini jugalah kita harus berhati-hati di masa yang akan datang.

Tuan Yang Dipertua, setakat itu sahajalah pandangan yang saya dapat berikan di dalam Dewan yang mulia ini bagi membahaskan Belanjawan Persekutuan yang berjumlah \$29,191 juta untuk tahun 1985 yang akan datang, mudah-mudahan dengan perbelanjaan yang begitu banyak, kita harap tahun hadapan tidak ada

supplementary budget yang akan timbul lagi dengan adanya wang yang begitu cukup, tidak ada tambahan-tambahan yang lain. Oleh itu sekian sahaja, saya sudahi dengan ucapan terima kasih.

**Timbalan Yang Dipetua:** Yang Berhormat Tuan Stephen Timothy Wan Ullok.

4.35 ptg.

**Tuan Stephen Timothy Wan Ullok:** Tuan Yang Dipertua: saya bangun menyokong Rang Undang-undang Pembekalan, 1985 yang telah dibentang oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan Malaysia di Dewan yang mulia ini.

Terlebih dahulu saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada Kerajaan Malaysia dan Yang Berhormat Menteri Kewangan, kerana telah dengan kebijanya merangka dasar kewangan kita pada saat merosotnya keadaan ekonomi dunia. Kemerostan ekonomi dunia yang berlarutan telah membawa kesannya kepada semua negara di dunia bebas, walaupun kesan ini telah membawa masalah kepada seluruh dunia, namun Malaysia telah berjaya menunjukkan pertumbuhan ekonomi yang sederhana dalam tahun 1974 berbanding dengan tahun 1983. Pertumbuhan ekonomi dunia yang positif ini menunjukkan bahawa negara kita telah mengharungi ribut taufan yang melanda ekonomi kita, dan ini adalah satu petanda yang baik bagi masa depan.

Strategi Belanjawan untuk tahun 1985 iaitu:

- (i) untuk mengukuhkan imbalan pembayaran;
- (ii) untuk mengukuhkan keadaan kewangan sektor awam supaya menahan pertumbuhan ekonomi yang berterusan dan kedudukan kewangan yang stabil; dan
- (iii) untuk memajukan pertumbuhan sektor swasta adalah langkah-langkah berani

lagi bijak dalam konteks negara kita pada masa ini.

Dasar ini tentu sekali akan mencapai matlamat-matlamat Kerajaan untuk mengekalkan pertumbuhan dalam ekonomi kita dan memelihara rekod cemerlang negara ini dalam kemajuan ekonomi sejak merdeka.

Tuan Yang Dipertua, izinkan saya membuat sedikit komen tentang Strategi Serampang Tiga Mata.

Yang Berhormat Menteri Kewangan telah menyebut bahawa ekonomi kita adalah ekonomi terbuka. Bukanlah menjadi suatu tugas yang mudah untuk mencapai matlamat-matlamat kita, untuk membolehkan kita mencapai sebahagian daripada matlamat ini, kita mestilah menambah eksport dan memberi lebih banyak insentif kepada kegiatan-kegiatan yang berlandaskan eksport. Sebaliknya pula kita mestilah menawarkan kepada rakyat kita barang-barang dan perkhidmatan-perkhidmatan yang mengurangkan keinginan hendak membeli barang-barang yang diimport.

Saya rasa tidaklah berfaedah bagi kita mengamalkan Dasar Perlindungan Perdagangan (Trade Protectionism) dengan izin, untuk kita mencapai matlamat ini. Dasar Perlindungan Perdagangan hanya akan membawa tindak balas dari pihak rakan perdagangan kita dan ini sudah tentu pada akhirnya tidak akan menguntungkan kita. Kita mestilah menentukan bahawa eksport kita lebih bersaing atau lebih competitive dalam pasaran luar melalui kecekapan dan pengeluaran yang lebih baik.

Negara kita kaya dalam sumber-sumber asli. Kita mempunyai petroleum gas cecair asli, kayu-kayan, bijih timah dan bahan-bahan galian lain yang boleh kita gunakan. Kita mempunyai kawasan-kawasan tanah yang amat luas yang dikurniakan pula dengan keadaan tanah serta iklim yang amat menguntungkan. Kita sudahpun menjadi pengeluar

utama bagi minyak kelapa sawit, getah asli, lada hitam dan juga koko.

Saya menggesa Kerajaan pada ketika ini supaya menjalankan lebih banyak penyelidikan tentang kemajuan kegiatan-kegiatan down stream bagi hasil-hasil tersebut. Kita sepatutnya mengadakan suasana yang lebih menarik bagi membolehkan pelabur asing datang ke negara kita supaya perusahaan-perusahaan kita boleh mengambil kesempatan dari modal dan expertise, dengan izin, dari luar ini. Suatu cara untuk menentukan hal ini ialah bagi pegawai-pegawai yang ditugaskan untuk melaksanakan dasar-dasar ini memahami selok-belok amalan perniagaan dan sedar tentang keadaan sebenar masalah-masalah perniagaan. Banyak kawasan negara kita yang luas terbentang terutamanya di kawasan-kawasan dataran tinggi di Sarawak berserta pula dengan iklim kita merupakan tempat-tempat semula jadi bagi pertumbuhan rumput. Ini merupakan tanah-tanah ragut yang asli untuk perusahaan ternakan.

Saya menggesa Kerajaan supaya membelanjakan lebih banyak wang untuk menyelidik projek-projek jenis ini dan merancang pembangunan infrastruktur bagi projek-projek tersebut memandangkan dasar kita hendak menambah bilangan penduduk di masa hadapan.

Saya percaya bahawa untuk bersaing dalam pasaran dunia, kemajuan pertanian kita mestilah lebih saintifik. Kita haruslah mengamalkan sistem jenis perladangan untuk membolehkan kita mendapat faedah-faedah dalam 'economy of scale', dengan izin. Penanaman secara berkecambah kecil mungkin sesuai untuk sesuatu keluarga, tetapi jika eksport bagi hasil-hasil keluaran kita menjadi tujuan utama kita patutlah memajukan lebih banyak penanaman jenis ladang-ladang pusat atau 'nuclear plantation', dengan izin, di mana kita boleh mengumpulkan segala tenaga, bukan sahaja dari

peringkat-peringkat pengeluaran tetapi juga dalam peringkat-peringkat pemasaran.

Saya menggesa Kerajaan supaya menimbang memulakan kegiatan-kegiatan FELDA atau kegiatan-kegiatan jenis FELDA di Sarawak supaya membuka lebih banyak tanah-tanah pertanian. Hakikat yang sedih tentang penghijrahan penduduk dari luar bandar ke bandar-bandar adalah diketahui umum, iaitu tidak terdapat peluang untuk meningkat maju di kawasan-kawasan luar bandar, tidak terdapat peluang-peluang pekerjaan bagi penghuni-penghuni rumah panjang. Di ketika ini dalam kemajuan ekonomi dan pendudukan di Sarawak, saya rasa tidaklah bijak bagi Kerajaan membina lebuhraya-lebuhraya merintang Negeri Sarawak dengan hanya tujuan yang sedemikian. Pembangunan lebuhraya akan melibatkan Kerajaan dengan perbelanjaan wang yang amat besar sekali dari segi pembinaan dan penyelenggaraan jalan-jalan tersebut. Apa yang patut dibuat dengan segera atau dalam jangka masa yang singkat ialah menimbang membuka pusat-pusat bagi projek-projek pembangunan di tanah-tanah di kawasan-kawasan luar bandar dan seterusnya mengadakan pembangunan infrastruktur yang standard, dengan izin, dalam kawasan-kawasan projek itu dan di persekitarannya. Ambillah kesempatan cara-cara pengangkutan tradisional yang berupa tongkang-tongkang besar dan kapal-kapal penunda bagi barang-barangan pukal melalui sungai-sungai besar.

Pengalaman kita tentang kemajuan kelapa sawit di kawasan Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak berhampiran dengan Miri patutlah menjadi suatu yang membawa keinsafan dan kesedaran. Pihak LKTS (Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak) telah hilang peluang mendapatkan berjuta-juta ringgit oleh kerana kita tidak terdaya memungut

kesemua buah kelapa sawit yang telah masak. Jalan-jalan di dalam dan sekeliling rancangan-rancangan itu tidak membenarkan kenderaan-kenderaan lalu dengan mudah, terutamanya semasa musim hujan. Berjuta-juta ringgit buah terpaksa dibiarkan terbengkalai dan tidak dipungut. Rancangan penanaman Lembaga Kemajuan Tanah Sarawak adalah sesuatu yang berjaya, tetapi malangnya ianya tidak mendapat sokongan yang sepenuhnya sepanjang pembangunannya. Penanaman, pengeluaran, pemerosesan dan pemasaran hendaklah dirangka dan diselaraskan serentak jika sekiranya projek keseluruhannya diharap dapat terus hidup.

Tuan Yang Dipertua, saya tidak dapat bercakap tentang masalah pemerosesan jika saya tidak menyebut perkara mengenai kayu-kayan yang saya sendiri tahu sedikit sebanyak. Kayu-kayan yang menjadi sumber asli yang penting di Sarawak mempunyai potensi yang besar dari segi pemerosesan di Sarawak yang dengan sendirinya boleh menghasilkan peluang-peluang pekerjaan dan membawa tukaran wang asing melalui eksport. Hidup matinya industri ini akan tergantung kepada pemasaran yang berkesan bagi hasil-hasil keluarannya. Oleh kerana pasaran tempatan kita amat kecil, kita mestilah memandang kepada peluang-peluang pasaran eksport bagi keluaran kita. Jika kita mahu berjaya dalam pasaran eksport hasil-hasil keluaran kita mestilah boleh bersaing dalam pasaran dunia. Oleh kerana ini, saya menggesa Kerajaan menimbang pentingnya membina kemudahan-kemudahan pelabuhan dan terminal-terminal eksport di tempat seperti Tanjung Mani, Kuala Baram dan lain-lainnya. Kemudahan-kemudahan ini adalah amat penting bagi eksport hasil-hasil keluaran kita.

Tuan Yang Dipertua, saya ingin juga hendak bercakap sedikit sebanyak tentang pelancongan. Potensi pelancongan

di negara kita amatlah besar sekali. Negara kita mempunyai daya penarik yang secukupnya bagi pelawat-pelawat dari Asia Utara, Eropah dan Amerika. Kita mempunyai pantai-pantai yang indah dan iklim yang dicita-citakan. Malaysia menawarkan berbagai ragam keturunan dan kebudayaan. Kita mempunyai pantai-pantai indah di Semenanjung Malaysia, gunung-gunung di Sabah serta sungai-sungai yang besar dan rumah-rumah panjang di Sarawak. Kita patut mempelajari sedikit sebanyak tentang teknik kemajuan pelancongan di negara-negara seperti Switzerland dan negara-negara Eropah Barat yang lain yang bergantung sebegitu banyak kepada pelancongan untuk ekonomi mereka. Dari segi ini, Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) boleh berbuat sesuatu, iaitu dengan menambah bilangan penerbangan demi memperbaiki perkhidmatannya di antara Ibu Negara ke tempat-tempat seperti Sarawak dan Sabah.

Lagi satu rintangan yang besar bagi kemasukan pelancongan beramai-ramai ialah prosedur-prosedur Imigresen. Pihak-pihak Berkuasa Imigresen dan Kastam kita hendaklah bersikap lebih 'liberal', dengan izin, terhadap para pelancong yang sebenar hendak masuk dan keluar dari negara kita. Jika kita menyusahkan mereka, mereka tentu akan pergi ke negara-negara lain.

Tuan Yang Dipertua, sebelum saya mengakhiri ucapan saya, izinkan saya menyebut sedikit tentang usaha-usaha membasmi kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat kita di Sarawak. Sebagaimana Tuan Yang Dipertua sedia maklum, Sarawak pada pendapat saya adalah satu jenerasi di belakang Semenanjung Malaysia dari segi pembangunan infrastruktur dan kemudahan-kemudahan. Ini adalah akibat dari kesan sejarah suatu peninggalan zaman penjajah. Saya ingin meminta Kerajaan menimbang mempercepatkan pemberian perkhidmatan telefon di kawasan-

kawasan pendalaman serta juga di kawasan-kawasan yang tidak sebegitu jauh dari pendalaman seperti di kawasan Long Lama di Daerah Baram untuk memudahkan perhubungan.

Serentak dengan ini, saya juga meminta Kerajaan mengkaji masalah-masalah pengangkutan bagi kawasan-kawasan luar bandar. Satu jenis pengangkutan awam sungai bagi sungai-sungai seperti Sungai Baram dan di kawasan Belaga akan mengurangkan masalah-masalah yang disebabkan oleh kenaikan harga petrol dan diesel. Terdapat kawasan-kawasan di Baram yang tidak dilayani oleh klinik desa. Orang-orang yang sakit terpaksa pergi ke bandar-bandar besar untuk rawatan perubatan yang agak mudah, tetapi amat mahal bayarannya. Terdapat juga kes-kes klinik desa yang tidak dibekalkan secukupnya dengan ubat-ubatan yang perlu. Bagi kes seperti ini, saya berharap Kerajaan akan dapat membekalkan stok-stok ubat lebih kerap lagi kepada klinik-klinik desa yang ada sekarang dan juga menubuhkan klinik-klinik baru di kawasan-kawasan yang strategik di sebelah hulu.

Tuan Yang Dipertua, ucapan saya di Dewan yang mulia ini mengandungi dan menyentuh sedikit bahagian sahaja daripada perkara-perkara dan cadangan-cadangan yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan, namun demikian saya dengan hormatnya menyokong sepenuhnya Rang Undang-undang Perbekalan 1985. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang Dipertua:** Yang Berhormat Datuk James.

4.49 ptg.

**Datuk James Bernard Willie:** Tuan Yang Dipertua, saya bangun untuk turut sama bagi membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 1985 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan di Dewan yang mulia ini pada 3hb Disember, 1984.

Tumpuan saya yang utama dalam perbahasan ini ialah mengenai apa yang telah dan sedang berlaku di Negeri Sabah. Meskipun hakikatnya Anggaran Belanjawan Negara yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan itu banyak memberikan keuntungan kepada semua golongan pengusaha, peniaga dan masyarakat Malaysia pada keseluruhannya, akan tetapi kita haruslah sama-sama meninjau ke negeri-negeri yang kurang maju dalam Malaysia, terutama sekali di Negeri Sabah.

Tuan Yang Dipertua, saya tidak dapat nafikan bahawa Sabah kini sedang giat membangun. Bangunan-bangunan tinggi tumbuh sebagai cendawan di kawasan bandar Kota Kinabalu dan di kawasan-kawasan yang berdekatan dengannya. Akan tetapi ianya bukanlah merupakan suatu keistimewaan atau kebanggaan kepada rakyat dan penduduk di Sabah terutama sekali rakyat di kawasan-kawasan luar bandar.

Pemimpin-pemimpin Kerajaan di negeri Sabah telah banyak berusaha untuk cuba memperbaiki keadaan hidup rakyat dan penduduk di negeri ini. Mereka tidak berputus-putusnya berusaha mencari jalan guna memenuhi hasrat dan kehendak rakyat pada keseluruhannya, namun usaha-usaha ini belum juga dapat membasmi kemelaratan dan kemiskinan yang dihadapi oleh sebilangan besar rakyat Sabah. Taraf hidup di Sabah ketika ini adalah yang paling tinggi jika dibandingkan dengan negeri-negeri lain di Semenanjung Malaysia. Justeru itu inginlah saya menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini agar sama-sama dapat menimbang dan memikirkan perkara-perkara yang akan saya nyatakan berikut ini.

Tuan Yang Dipertua, kemudahan-kemudahan perubatan dan kesihatan di negeri Sabah amatlah menyedihkan

sekali. Rumah sakit dan klinik-klinik yang terdapat di seluruh Sabah adalah tidak setaraf dengan apa yang terdapat di Semenanjung Malaysia. Pakar-pakar perubatan juga tidak mencukupi untuk menampung keperluan para pesakit yang mana ada di antaranya terpaksa menunggu berbulan-bulan untuk mendapatkan rawatan pakar. Ada juga setengah-setengah pesakit terpaksa dihantar ke luar negeri bagi mendapatkan rawatan yang lebih sempurna. Memandangkan perkara yang sedemikian ini, sukacitalah saya sekiranya pihak Kementerian Kesihatan dapat mengambil tindakan positif untuk mengatasi masalah kesihatan dan perubatan yang sedang berlaku di negeri Sabah.

Tuan Yang Dipertua, menyentuh mengenai masalah pelajaran, inginlah saya mengesyorkan agar bilangan guru-guru ditambah untuk mengajar di sekolah-sekolah rendah dan menengah di Sabah. Memandangkan bilangan murid-murid yang semakin bertambah adalah perlu bagi Kementerian Pelajaran untuk membina lebih banyak lagi sekolah-sekolah dan bilik-bilik darjah bagi menampung keperluan ini terutama sekali di kawasan-kawasan luar bandar.

Perlu juga diingatkan Tuan Yang Dipertua, bahawa persiapan pembinaan sekolah-sekolah yang diperlukan itu hendaklah tepat pada waktunya. Ini adalah disebabkan kebanyakan sekolah-sekolah yang dibina itu tidak siap pada tarikh atau waktu yang telah ditetapkan.

Di samping itu saya juga ingin menarik perhatian Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini mengenai untung nasib yang dialami oleh guru-guru peringkat UTS ataupun guru-guru yang tidak terlatih di Sabah. Guru-guru dalam peringkat ini kini sedang menghadapi beberapa masalah yang amat menyedihkan. Mereka menghadapi kesukaran untuk mendapatkan keistimewaan-keistimewaan yang dinikmati oleh guru-guru Kerajaan yang terlatih seperti mendapatkan wang

tahun dan kemudahan-kemudahan am yang biasa dinikmati oleh guru-guru yang bertauliah.

Tuan Yang Dipertua, perhubungan jalan raya di Sabah terutama sekali di kawasan-kawasan luar bandar telah banyak mengakibatkan kesulitan kepada rakyat dan juga pihak peniaga. Keadaan jalan raya yang buruk ini terutama sekali di musim landas ataupun musim hujan telah juga mengakibatkan kesukaran kepada penduduk di Kota Kinabalu dan pekan-pekan yang berhampiran untuk mendapatkan bekalan gas dari Sandakan. Kekurangan gas memasak dan lain-lain keperluan rakyat ini adalah disebabkan keadaan jalan raya yang sangat buruk di antara Sandakan dan Kota Kinabalu iaitu antara Batu 36 Jalan Labuk ke Telupid dan antara Telupid ke Ranau.

Penggunaan kapal laut untuk membawa bahan-bahan keperluan rakyat di Kota Kinabalu memerlukan belanja yang amat besar dan mengambil masa yang agak lama dan saya rasa tidak begitu praktikal. Oleh yang demikian, adalah wajar bagi Kementerian yang berkenaan agar dapat mengambil tindakan tegas dan segera untuk mengatasi masalah yang memerlukan perhatian berat ini.

Tuan Yang Dipertua, sepertimana yang kita sama-sama ketahui negeri Sabah dahulunya adalah merupakan sebuah negeri yang aman damai. Akan tetapi keamanan dan kedamaian ini telah tercemar dengan kemasukan sebilangan besar oleh pelarian-pelarian mahu pun pendatang-pendatang haram. Kadar jenayah seperti pecah rumah, rompakan dan pembunuhan yang mana pada suatu ketika telah mencapai tahap yang amat membimbangkan. Kita memang bersimpati terhadap nasib dan malang yang menimpa diri mereka ini, namun demikian kita perlu juga melindungi kepentingan dan keselamatan rakyat kita sendiri. Jika kita terlalu bersimpati kepada mereka, bagaimana pula dengan nasib dan masa depan

keluar negeri bukan hanya setakat menghadiri kursus itu sahaja tetapi Kerajaan hendaklah mengetatkan syarat-syarat perjanjian dengan pelajar-pelajar kita seperti mengadakan pemotongan-pemotongan biasiswa barangkali ataupun dipanggil balik pulang ke Malaysia, ataupun dikenakan denda serta syarat-syarat mendapatkan pekerjaan bila pulang ke Malaysia ataupun lain-lain syarat lagi. Butir-butir perjanjian itu diadakan dengan tujuan supaya pelajar-pelajar kita berasa bertanggungjawab kepada negara dan pemimpin supaya mereka jangan seperti kacang lupakan kulit.

Seperkara lagi, Tuan Yang Dipertua, Kerajaan kita melalui Kedutaan Luar Negeri hendaklah sentiasa melawat dan memberikan penjelasan kepada pelajar-pelajar kita di luar negeri dengan lebih kerap lagi jika perlu diadakan jadual bagi kedutaan-kedutaan kita, pendeknya di mana kedutaan-kedutaan yang berada dengan pelajar-pelajar di luar negeri, maka satu daripada tugas yang penting ialah melawat dan memberi ceramah serta mengawasi akan sikap penuntut-penuntut kita yang di luar negeri itu. Ini hendaklah dimaklumkan oleh kedutaan-kedutaan kita ke ibu pejabat kita di Kuala Lumpur ini.

Jika penuntut-penuntut kita di luar negeri yang tiada berkedutaan negeri di tempat itu, maka Kementerian Luar Negeri kita juga hendaklah menyediakan dan mengambil langkah serta menyusun program bagi mengadakan ceramah-ceramah atau penerangan yang berterusan yang tidak putus-putus sama ada barangkali tiga bulan sekali ataupun enam bulan sekali ataupun barangkali sembilan bulan sekali atau sebagaimana yang mungkin asalkan ceramah itu tidak hanya sekali sekali diadakan.

Saya yakin dengan ceramah-ceramah dan majlis penerangan yang sedemikian itu maka bukan sahaja pelajar-pelajar kita dapat gambaran yang jelas akan keadaan pemerintahan negara kita

bahkan juga hubungan mesra di antara pelajar-pelajar luar negeri dengan pemimpin-pemimpin negara kita dapat dipupuk dan dijalin sentiasa buat selama-lamanya. Maka dengan itu saya percaya tentulah tidak akan timbul lagi perkara-perkara yang tidak diingini.

Pada masa sekarang, Tuan Yang Dipertua, ramai ibubapa berasa hairan kenapa anak-anak kita menjadi liar dan berkelakuan kurang sopan, tidak menghormati orang tua dan sebagainya. Kalau kita pandang pada masa dahulu keadaan sedemikian tidak berlaku. Saya berpendapat masalah ini hendaklah kita atasi dengan mengambil langkah-langkah yang tegas dan serius sekali iaitu dengan mengambil kira menyediakan satu matapelajaran wajib dikenali sebagai "kelakuan dan budi pekerti" di sekolah-sekolah.

Dalam subjek itu tiap orang murid mestilah dikenalpasti akan kelakuan dan budi pekerti mereka yang menjadikan satu syarat keistimewaan untuk mendapat apa-apa hak keistimewaan atau peluang mendapatkan pekerjaan dan sebagainya. Kelakuan dan budi pekerti itu hendaklah dimulakan daripada sekolah rendah lagi kemudian di tingkatkan ke sekolah menengah, seterusnya sehingga ke pusat-pusat pengajian tinggi. Apa-apa butir atau detil-detil termasuk ke dalam istilah kelakuan dan budi pekerti ini, subjek ini hendaklah diadakan melalui pembentukan Jawatankuasa Kementerian sama ada Jawatankuasa Kurikulum ataupun Jawatankuasa disiplin ataupun satu Jawatankuasa yang lain, terpulanglah kepada Kementerian yang berkenaan.

Saya yakin dengan adanya pengetahuan dan amalan serta latihan kelakuan dan budi pekerti ini maka anak-anak kita yang telah mula berlatih dan mengamalkan kelakuan dan budi pekerti yang baik ini semenjak sekolah rendah sehingga ke sekolah menengah dan pusat pengajian tinggi dan

seterusnya untuk amalan pada masa-masa yang akan datang.

Tuan Yang Dipertua, menyentuh Kementerian Pelajaran ini juga, saya menegaskan lagi walaupun barangkali telah beberapa lama dahulu telah heboh diperkatakan dan mendapat perhatian iaitu berkaitan dengan pelajaran Jawi. Di satu ketika dahulu pelajaran jawi ada diajarkan di sekolah-sekolah sama pentingnya dengan pelajaran Rumi. Tetapi di satu ketika kemudian pelajaran Jawi itu diajarkan cuma 60 minit sahaja dalam seminggu, sedangkan pelajaran Jawi itu saya kira amat penting kerana ada perkaitannya dengan pelajaran agama Islam kita yang menjadi agama rasmi negara kita ini.

Isi kandungan pelajaran agama Islam jika kita eja dengan tulisan Rumi itu tidak boleh menjadi betul sebutannya seratus peratus seperti kita eja dengan tulisan Jawi. Misalnya perkataan Allah (Alif lam lam haa) kalau kita eja dengan Rumi dia tidak menjadi demikian, menjadi Alah, begitu juga perkataan lain seperti "mukadimah" ataupun kalau kita eja "auuzhubillahi minas syaithaa nirrajiim", ia tidak boleh menjadi betul sebutannya sebagaimana yang kita eja dengan tulisan Jawi.

Jadi dengan itu, Tuan Yang Dipertua, saya berpendapat pelajaran Jawi ini hendaklah kita mulakan daripada sekolah rendah lagi iaitu daripada Darjah Satu lagi dimasukkan bersama ke dalam KBSR matapelajaran jawi kerana dengan adanya pelajaran Jawi kita mulakan daripada Darjah Satu di sekolah itu maka anak-anak kita akan dapat belajar dan menulis Jawi sama naiknya dengan pelajaran Rumi yang mana kemudiannya kelak pelajaran Jawi itu juga diteruskan ke sekolah-sekolah menengah dan ke pusat-pusat pengajian tinggi. Dengan ini anak-anak kita bukan sahaja boleh menulis dan membaca Jawi tetapi juga secara tak langsung telah ada unsur-unsur untuk menolong pelajaran agama Islam

terutama sekali dalam Juz Amma dan juga bacaan Al-Quran.

Tuan Yang Dipertua, bagi pandangan saya, yang akhir dalam Kementerian Pelajaran ini saya sentuh berhubung dengan sekolah-sekolah di luar bandar. Saya memahamkan sekolah-sekolah rendah pada masa sekarang telah dibahagi kepada dua kategori iaitu yang pertama sekolah rendah dalam bandar dan yang kedua sekolah-sekolah rendah di luar bandar. Sekolah rendah di luar bandar ini, Kementerian Pelajaran telah memberikan perhatian seperti mana keadaan yang berjalan seperti sekarang ini tetapi istilah sekolah-sekolah rendah di luar bandar ini saya fikir sangat luas dan saya sendiri tidak faham bagaimanakah keadaan sekolahnya, dan berapa batu jauhnya daripada pekan yang menjadi ibu negeri itu yang dikatakan sekolah luar bandar ini. Oleh itu mungkin terdapat kesamaran sekolah dalam bandar itu termasuk dalam istilah sekolah-sekolah luar bandar sebab tidak ada takrif dan syarat-syarat yang diberikan. Oleh itu, Tuan Yang Dipertua, jika Kementerian Pelajaran telah mempunyai dua kategori sekolah-sekolah iaitu sekolah dalam bandar dan sekolah di luar bandar, maka saya mengesyorkan dengan menambah lagi satu kategori iaitu sekolah pendalaman. Sekolah pendalaman ini takrifnya, pada pendapat saya, senang sahaja iaitu sekolah-sekolah yang berada di luar bandar, di luar pekan-pekan yang jauh masuk ke hulu-hulu kampung, yang terletak di hujung kampung, kadang-kadang di tepi hutan dan tiada kenderaan masuk kecuali di waktu dan kadang-kadang kala sahaja di masa-masa yang tertentu.

Jadi sekolah rendah yang sedemikian inilah pada pandangan saya sewajarnya Kementerian mengambil perhatian dan memberikan beberapa kemudahan yang tertentu supaya kemajuan pelajaran anak-anak kita di kawasan pinggir dan pendalaman itu dapat bersaing sama maju dengan sekolah-sekolah di dalam bandar.

Tuan Yang Dipertua, menyentuh Kementerian Dalam Negeri, Kepala B. 35 iaitu peruntukan sebanyak \$63,683,000, saya mengucapkan tahniah di atas peruntukan ini bagi perbelanjaan 1985 akan datang ini. Bagi Kementerian ini saya suka mengucapkan terima kasih kepada anggota pasukan keselamatan kita khususnya Pasukan Polis dan Tentera yang telah berkhidmat bagi keselamatan bangsa, agama dan negara kita yang dikasihi ini kerana kadang-kadang menemui kemalangan dan membawa maut kerana mengutamakan keselamatan negara daripada keselamatan dirinya sendiri. Semoga Tuhan mencucuri rahmat ke atas roh anggota-anggota pasukan keselamatan kita yang telah terkorban meninggal dunia sewaktu menjalankan tugasnya.

Dalam hubungan ini, Tuan Yang Dipertua, saya suka menyentuh keselamatan dalam rancangan-rancangan FELDA (LKTP) yang ada dalam negara kita ini. Kebanyakan rancangan-rancangan FELDA kita ini tiada ditempatkan anggota keselamatan khususnya Pasukan Polis kita, jika adapun hanya satu dua Balai Polis atau Pondok Polis sahaja diadakan di antara beberapa ratus rancangan FELDA itu. Pada halnya tiap-tiap satu rancangan FELDA ini tidak kurang daripada 400 keluarga atau 2,000 orang penghuni yang sudah sepatutnya Kerajaan menempatkan bersama Pondok Polis atau Balai Polis mengikut keadaan keramaian penghuni skim FELDA itu.

Walaupun di masa-masa yang sudah tidak berapa banyak kejadian yang tidak diinginkan berlaku dalam rancangan-rancangan FELDA, tetapi kita tidak tahu pada masa yang akan datang ataupun kita perlulah beringat dan berjaga-jaga bagi mengawal keselamatan dalam rancangan-rancangan FELDA kita yang berselirak ada di negara kita ini.

Sebagai contoh, Tuan Yang Dipertua, katalah di satu daerah dalam Negeri

Sembilan, daerah Bahau Lama misalnya, dalam daerah itu sahaja didapati 33 buah skim FELDA yang bererti pukol rata penghuninya tiap-tiap sebuah skim itu 2,000 orang. Jikalau kita dharaf dengan 33 kita akan tahulah jumlah angka penduduk ke semuanya sekali. Daripada 33 skim FELDA itu yang ada anggota Polisnya hanya tiga buah skim FELDA sahaja iaitu satu Balai Polis di Rancangan FELDA Sungai Loi dan dua Pondok Polis iaitu Pondok Polis Palong Satu dan Pondok Polis Palong Dua. Oleh itu, sebanyak 30 skim FELDA lagi tiada didirikan pondok atau balai polis untuk menjaga keselamatan peneroka-peneroka di tempat itu. Jadi, kalau hendak disebutkan skim-skim FELDA yang belum ada pondok polis atau balai polis itu sebanyak 30 FELDA semuanya, FELDA Sereting Satu sampai Sereting Empat, daripada FELDA Sereting Hilir Satu sampai Tujuh; Loi Timur, Loi Muda, Loi Barat; Selatan Satu, Selatan Dua kemudian daripada FELDA Palong Tiga sampai FELDA Palong Enam Belas.

Tuan Yang Dipertua, sebanyak 30 skim FELDA ini yang tiada ditempatkan anggota pasukan polis kita. Ini tidak termasuk beberapa buah rancangan FELDA di daerah lain dalam negara kita ini. Jadi, untuk menempatkan anggota-anggota polis di Rancangan FELDA itu sememangnya memerlukan barangkali kewangan yang banyak tetapi walaupun mungkin barangkali memerlukan kewangan yang banyak tetapi bagaimana dengan kemudahan-kemudahan yang lain kita dapat adakan, seumpama sekolah-sekolah, klinik-klinik, balai-balairaya dan sebagainya diadakan. Jadi, rasanya tidak patutlah jika pondok polis atau balai polis tidak dapat diadakan untuk menjaga keselamatan, saya kira itu yang penting juga yang tidak boleh kita abaikan. Jikalau barangkali Kerajaan tidak boleh membina atau mewujudkan sekali gus, akan pondok-pondok polis itu, barangkali bolehlah kita buat

perancangan beberapa tahun hendaklah dibuat secara beransur-ansur supaya dalam masa beberapa tahun sahaja kesemua rancangan-rancangan kita itu ada anggota-anggota pasukan polisnya.

Tuan Yang Dipertua, dalam menyentuh Kementerian Kebajikan Am, saya mengucapkan terima kasih juga kepada Kerajaan kerana telah memperuntukkan perbelanjaan sebanyak \$47,264,100 iaitu Kepala B.60.

Pada hemat saya Kementerian ini adalah satu Kementerian yang penting juga, kerana tugas dan fungsinya semata-mata memberikan pertolongan dan khidmat kebajikan kepada rakyat. Oleh itu, saya mengucapkan terima kasih kepada Kementerian ini atas perkhidmatannya kepada rakyat yang telah dan sedang serta akan menambahkan lagi bidang-bidang khidmatnya pada masa-masa akan datang.

Sebagaimana yang kita maklum bahawa Kementerian ini lebih banyak merupakan subsidi Kerajaan kepada rakyat dalam khidmatnya. Kerajaan hanya menyediakan peruntukan melalui Kementerian ini. Boleh dikatakan tiada sumber lain untuk mendapatkan kewangannya. Oleh itu, saya memberikan pandangan kalau boleh Kementerian ini hendaklah mewujudkan sebuah tabung kewangan yang dinamakan Tabung Kebajikan Am. Tabung ini bertujuan mendapatkan sumber kewangan barangkali daripada derma-derma ataupun derma orang ramai misalnya, ataupun daripada bahan-bahan ataupun syarikat-syarikat dan sebagainya yang lain-lain lagi. Saya fikir pelaksanaannya itu perlulah dikendalikan oleh sebuah jawatankuasa khusus yang dilantik oleh Menteri berkenaan dan wang tabung ini bolehlah digunakan untuk beberapa kegiatan-kegiatan yang lain bagi meluaskan bidang khidmat Kementerian tersebut.

Sehubungan dengan ini juga bersemperna barangkali dengan

pelancarannya bolehlah barangkali kita tetapkan satu hari yang kita namakan Hari Tabung Kebajikan Am yang dilancarkan kelak barangkali oleh Menteri yang berkenaan ataupun barangkali oleh Yang Amat Berhormat Dato Seri Perdana Menteri kita ataupun Yang Amat Berhormat Dato Timbalan Perdana Menteri. Saya berpendapat jikalau dilancarkan Tabung Kebajikan Am ini memang sudah seharusnya mendapat sokongan dan kerjasama orang ramai, kerana mereka cukup bersempati dengan khidmat kebajikan am ini kerana mereka yang mendapat faedah kelak terutama sekali ialah golongan orang yang miskin ataupun orang-orang yang susah, orang cacat dan sebagainya yang sudah sepatutnya mendapat pertolongan dan bantuan.

Di waktu yang akhir-akhir ini, Tuan Yang Dipertua, negara kita ini bukan sahaja kita kedatangan peminta-peminta sedekah daripada dalam negeri ini sahaja bahkan kita dapati daripada kanak-kanak yang masuk secara haram pun datang daripada negara luar. Mereka menjalankan kegiatan meminta sedekah yang dipaksa oleh orang lain untuk faedah mereka sendiri. Jadi, perkara ini tidak sepatutnya didapati terjumpa, kenapa mereka boleh masuk ke negara kita secara haram. Jika kita biarkan, mungkin barangkali menambahkan beban pula kepada Kerajaan kita di satu hari kemudian. Oleh itu, saya fikir kenalah Kerajaan kita mengawasi lebih ketat lagi bagaimana mereka itu boleh masuk ke negara kita ini. Kalau sekiranya didapati juga peminta-peminta sedekah rakyat asing di negara kita ini, saya fikir maka hendaklah Kementerian kita menjalankan usaha supaya Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu menubuhkan pula sebuah Badan Kebajikan Am Antarabangsa dan mengambil mereka itu untuk menguruskan dan pengembaliannya ke negara asal mereka.

Tuan Yang Dipertua, dengan melalui Kementerian Kebajikan Am ini juga, saya buat perhatian supaya Kementerian ini meluaskan bidang bantuannya kepada badan-badan kebajikan am sukarela yang telah berdaftar dengan Kerajaan ataupun secara mana penyaluran bantuan Kementerian ini yang boleh dipertimbangkan. Ini bukan sahaja Kementerian dapat menyampaikan bantuan dengan menyalurkan kepada badan-badan kebajikan am itu tetapi juga menolong menambahkan lagi kegiatan-kegiatan badan kebajikan am itu sendiri seumpama barangkali dengan melalui bantuan-bantuan kewangan ataupun barangkali benda-benda kebendaan menyalurkan kepada badan-badan itu untuk disalurkan kepada rakyat sekalian.

Saya memberikan gambaran, Tuan Yang Dipertua, atas dua cara. Pertama dengan cara Kementerian memberikan bantuan kepada Badan Kebajikan Am Sukarela yang berdaftar dengan Kerajaan dalam soal kewangan atau dalam bentuk kebendaan. Jika cara ini dijalankan terpulanglah kepada badan itu sendiri cara yang mana badan itu menjalankan khidmatnya pula. Satu cara lagi ialah Kementerian ini mendapatkan kerjasama daripada Badan Kebajikan Am itu sendiri dalam menyampaikan bantuan-bantuan kepada orang ramai sama ada dalam bentuk kewangan ataupun dalam bentuk kebendaan, bagaimanapun atas kedua-dua cara ini mestilah diadakan peraturan-peraturan tertentu supaya segala bantuan-bantuan yang disalurkan itu sama ada berupa wang atau lain-lainnya tidak disalahgunakan ataupun diselewengkan. Kalau cara ini dapat diwujudkan, saya fikir maka hubungan kerjasama antara Kerajaan dengan rakyat khususnya dalam bidang Kementerian ini akan lebih terjalin rapat lagi.

Tuan Yang Dipertua, dalam perkara bantuan-bantuan kewangan kepada

mereka yang miskin, jika Kementerian ini belum memperuntukkan biasiswa pelajaran kepada murid-murid yang miskin, saya berpendapat patut juga diadakan biasiswa itu bagi menolong kanak-kanak yang miskin dalam bidang pelajaran kelak.

Tuan Yang Dipertua, saya suka menyentuh Maksud B.61 Kementerian Kerjaraya iaitu peruntukan sebanyak \$326,759,800 iaitu berhubung dengan bayaran bekalan air kepada penduduk di kampung-kampung atau di luar bandar. Bekalan air paip yang diberi oleh Kerajaan kepada penduduk di kampung-kampung atau di luar bandar ini adalah satu kemudahan asas yang penting kepada rakyat. Rakyat memang berkehendakkan bekalan air paip ini yang tidak dirasainya sejak zaman penjajah dahulu kerana dengan adanya Kerajaan kita, Kerajaan Barisan Nasional yang memerintah negara kita ini, maka mengadakan kemudahan-kemudahan asas termasuk air adalah satu projek yang penting. Oleh itu, Tuan Yang Dipertua, setiap projek yang dijalankan oleh Kerajaan mestilah mengeluarkan wang dan rakyat mestilah memberikan kerjasama kepada Kerajaan untuk memulangi balik imbuhan itu atau membantu Kerajaan. Dalam hal ini bekalan air paip yang disampaikan oleh Kerajaan kepada rakyat maka rakyat memang telah sewajarnya membayar balik bil-bil air ataupun air-air yang dipakai oleh mereka dan Kerajaan telah menetapkan kadar bayaran air kepada rakyat dan kadangkala Kerajaan menaikkan pula kadar bayaran air kepada pengguna-penggunanya kerana perbelanjaan dan projek-projek untuk di masa akan datang kelak.

Tuan Yang Dipertua, rakyat memangnya bersetuju kenaikan kadar bayaran air tetapi janganlah tersangat tinggi, hanya mereka menanggung-nanggungkan bayarannya, mengakibatkan tunggakan dan menyusahkan mereka pula. Sebagai contoh, pada masa

sebelum kadar bayaran air dinaikkan, harga pada satu meter padu iaitu pada tiap-tiap 1,000 gelen hanya 27 sen sahaja, jadi ertinya berapa meter padu kita gunakan air sebanyak itulah kita bayar. Begitulah seterusnya dan bacaan meter hanya dalam jangka 1½ bulan sekali dibuat. Ini tidak menjadi kerumitan bagi orang-orang kampung di luar bandar untuk membayar bekalan air paip ini. Tetapi sekarang, Tuan Yang Dipertua, bayaran bekalan air paip telah dinaikkan iaitu pada 3 peringkat kadarnya. Yang pertama, tiap-tiap 18 meter padu ke bawah bayarannya ialah 35 sen satu meter padu; dan di antara 18 hingga 23 meter padu bayarannya ialah 50 sen tiap-tiap satu meter padu; pada 23 meter padu ke atas dan seterusnya bayarannya ialah 65 sen. Bacaan meternya pula dibuat dalam masa 3 bulan sekali. Jadi kalau dahulu bayaran air di rumah si A selama 3 bulan hanya barangkali sebanyak \$82.34 maka setelah dinaikkan kadar bayarannya menjadi \$145.66; lebih kurang dalam kadar yang sama juga. Oleh itu, Tuan Yang Dipertua, saya suka mengesyorkan kepada Kerajaan untuk penelitian semula dengan kadar bayaran air ini.

Yang pertama, Kerajaan hendaklah mengkaji semula kadar bayaran air tentang kenaikannya yang baru lalu kepada 3 peringkat tadi, hanya kepada satu kadar kenaikan sahaja dibuat. Misalnya, kalau dahulu kadar bayaran air 23 sen pada tiap-tiap satu meter padu, yakni pada tiap-tiap 1,000 gelen, bolehlah dinaikkan barangkali kepada satu kenaikan sahaja, seumpamanya 35 sen pada satu meter padu dan seterusnya. Dengan hanya satu kenaikan sahaja, orang-orang kampung tidaklah menjadi kerumitan membayar wang bekalan air paip yang dinikmati oleh mereka.

Yang kedua, Kerajaan hendaklah menyelaraskan kadar bayaran bekalan air paip dengan pihak Kerajaan Negeri disamakan kadarnya. Misalnya, jika

penetapan kadar bayaran air paip setiap satu meter padu 35 sen, maka kadar bayaran ini juga sama dengan negeri-negeri yang ada dalam Malaysia ini supaya tidak terdapat perbezaan antara satu negeri dengan satu negeri yang boleh menimbulkan implikasi mereka.

Yang ketiga, Tuan Yang Dipertua, Kerajaan juga hendaklah mengambil tindakan untuk memberi bantuan kepada orang-orang kampung di luar bandar dalam membekalkan kemudahan-kemudahan air paip ini, seumpamanya mengurangkan bayarannya daripada pengguna-pengguna air di pekan-pekan. Misalnya, kalau bayaran air paip 35 sen pada satu meter padu tadi, maka harga yang digunakan di kampung-kampung bolehlah dikurangkan barangkali hanya sebanyak 30 sen sahaja pada tiap-tiap satu meter padu. Ini dilakukan ialah supaya penduduk-penduduk di kampung-kampung luar bandar tidak melakukan penghijrahan ke bandar-bandar dari sebab kemudahan asas tersebut, sebab asas keistimewaan yang telah ada di kampung-kampung mereka.

Yang keempat, Tuan Yang Dipertua, bacaan meter bekalan air paip yang dibuat oleh pegawai-pegawai kita sekarang ini tiap-tiap 3 bulan sekali itu hendaklah dibuat pada tiap-tiap bulan bacaan meter itu dijalankan. Ini adalah supaya tidak terdapat tunggakan beberapa banyak dan tidak mendatangkan kerumitan bayaran air kepada pengguna-pengguna air seperti juga bacaan meter LLN sekarang dibuat pada tiap-tiap bulan.

Dalam hal ini, Tuan Yang Dipertua, jika didapati kekurangan pegawai-pegawai ataupun kakitangan-kakitangan kita terpaksa ditambah walaupun memerlukan kewangan yang banyak, sebab ini dari segi kemudahan asas yang perlu yang saya kira penting juga kepada kita semua.

Tuan Yang Dipertua, saya menyentuh Kementerian Luar Negeri, Maksud B.27 yang terdapat peruntukan sebanyak

\$103 juta bagi anggaran perbelanjaan tahun 1985 ini. Dalam hubungan ini saya suka menyentuh berkenaan dengan Kedutaan Luar Negeri kita.

Tuan Yang Dipertua, dalam tahun ini juga kira-kira lebih kurang 3-4 bulan yang lepas, bekas Menteri Luar Negeri kita telah melakukan lawatan ke Peking. Dalam pertemuan beliau dengan pemimpin Kerajaan itu menyatakan Kerajaan Peking masih lagi menyokong Parti Komunis Malaya dan enggan menarik balik sokongan moral Kerajaan itu kepada Parti Komunis Malaya. Ini bererti, saya difahamkan, Kerajaan Republik Rakyat China masih mencampuri hal ehwal dalam negara kita Malaysia ini, tambahan pula dalam masa 1-2 bulan dahulu masih didengarkan lagi suara sumbang Peking melalui radio. Oleh itu, Tuan Yang Dipertua, saya minta Kerajaan supaya mengkaji semula kedudukan hubungan diplomatik Malaysia dengan Republik Rakyat China di Peking ini kerana Kerajaan Republik ini masih memberikan sokongan moral kepada Parti Komunis Malaya ini sedangkan kita tidak mengiktiraf ideologi komunis itu.

Tuan Yang Dipertua, negara kita Malaysia ini telah merdeka lebih 27 tahun, Selama 27 tahun itu Kerajaan kita telah berjaya membangunkan negara dan masyarakat dan kita bersyukur kepada Tuhan kerana dengan kebijaksanaan pemimpin-pemimpin kita Malaysia ini negara kita aman dan makmur. Jadi saya berasa hairan sedikit kerana negara kita Malaysia ini tidak berapa dikenali oleh Amerika seperti negara-negara jiran kita Singapura, Thailand dan Indonesia, mungkin barangkali kerana kemantapan politik dan keselamatan negara kita Malaysia yang stabil ini. Oleh itu dalam hubungan negara-negara luar ini, saya fikir patutlah Amerika mengenali Malaysia kita ini lebih dekat lagi. Oleh itu saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir Perdana

Menteri kita yang telah melakukan lawatan ke Amerika Syarikat selama enam hari dalam bulan Oktober yang lalu dan telah memberikan ucapan di Perhimpunan Agung Bangsa-bangsa Bersatu pada 10hb Oktober, 1984. Ucapan tahniah yang tinggi saya sampaikan kepada Yang Amat Berhormat Dato Seri Dr. Mahathir Perdana Menteri kita kerana ucapan yang tegas menyentuh soal-soal kebangkitan Islam, peranan kuasa-kuasa besar, masalah perdagangan bebas, penjagaan alam sekitar dan juga menyentuh benua antartika dan sehinggalah kepada masalah dadah.

Sebagai ucapan Perdana Menteri kita itu ucapan yang betul-betul ikhlas dan tepat, yang demikian perlawaan Dato Seri Dr. Mahathir Perdana Menteri kita kepada pelabor-pelabor Amerika supaya datang ke Malaysia kita ini untuk memastikan sendiri peluang-peluang pelaboran itu adalah dialu-alukan dan disokong sepenuhnya kerana dalam dunia politik dan ekonomi juga kita tidak seharusnya terikat kepada mana-mana satu pihak sahaja. Dengan ini juga saya fikir Kementerian Luar Negeri kita hendaklah selalu mendapatkan laporan maklum balas daripada Kedutaan-kedutaan Luar Negeri kita di Amerika Syarikat supaya dapat mengetahui perkembangan-perkembangan selanjutnya.

Tuan Yang Dipertua, saya suka menyentuh Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos, Kepala B.57 yang telah mendapat peruntukan sebanyak \$75 juta lebih bagi Anggaran Perbelanjaan 1985 ini. Kita semua maklum bahawa perhubungan melalui alat telekom ini adalah satu perkara yang penting yang saya fikir termasuk ke dalam kemudahan asas yang perlu kepada manusia ini. Oleh itu sudah sewajarnya Kementerian ini memberikan khidmat telefon kepada rakyat-rakyat yang berkehendakkan menggunakan alat-alat itu. Dalam keadaan sekarang ini, mereka yang

menggunakan telefon sama ada telefon di rumah ataupun di Ibu Pejabat mereka, bil-bil bayaran telefon ini lambat sampai. Kadang-kadang bayaran bulanan yang mereka telah bayar itu, bulan hadapan itu pun dimasukkan juga lagi. Ini tentulah merumitkan pembayar-pembayar bil telefon kita.

Saya fikir untuk mengatasi masalah pembayaran bil telefon ini, saya suka juga mengesyorkan kepada Kementerian apalah salah kalau Kementerian ini memasang meter-meter telefon di rumah mereka, tidak hanya di ibusawat sahaja seperti sekarang. Jika pemasangan meter telefon ini dibuat di rumah atau di mana telefon itu berada, seperti LLN sekarang, maka tentulah senang kita boleh tengok dan dapat diawasi dan diketahui berapa kali panggilan dibuat dan sebagainya lagi. Ini menjauhkan daripada kesilapan bayaran telefon dan supaya telefon kita tidak dapat dicuri gunakan oleh orang lain atau dirompak penggunaannya oleh orang lain secara sulit.

Seperkara lagi, kemudahan-kemudahan telefon ini hanya dapat diberikan di tempat-tempat dalam bandar dan sedikit-sedikit sahaja di tempat-tempat yang jauh di luar bandar. Di tempat-tempat yang terpencil atau yang di ulu-ulu kampung dan sebagainya tidak dapat disampaikan kerana barangkali perbelanjaannya yang banyak, saya suka mengesyorkan kepada Kerajaan supaya Kerajaan menimbangkan penggunaan telefon di tempat-tempat yang terpencil di ulu-ulu, membuat kajian menggunakan telefon melalui radio pula. Saya tidak tahu adakah perbelanjaannya kurang daripada cara yang ada sekarang ataupun sebaliknya.

Tuan Yang Dipertua, saya suka menyentuh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Kepala B.14. Saya mengucapkan terima kasih kepada Kementerian ini kerana menyediakan Anggaran Perbelanjaan bagi tahun 1985

ini sebanyak \$40 juta lebih. Saya harap peruntukan ini akan dapat bahagiannya menyeluruh kepada peruntukan-peruntukan yang dicadangkan itu dan digunakan sepenuhnya.

Tuan Yang Dipertua, saya suka menarik perhatian Menteri yang berkenaan kepada perumahan di desa atau di kampung-kampung. Kalau kita melawat ke kampung-kampung, kita dapati rumah di kampung-kampung ini bermacam-macam bentuk perumahan mereka. Kebanyakan rumah mereka kecil-kecil dan buruk-buruk. Ini kerana barangkali ketinggian ekonomi mereka yang miskin, ada juga rumah mereka yang besar dan ada pula rumah yang cantik, tetapi kebanyakan rumah mereka, rumahnya memanglah yang buruk-buruk, sebab saya tahu kerana saya datang dari kampung.

Saya masih ingat lagi beberapa tahun yang lalu ada Kerajaan memberi bantuan atau pinjaman perumahan kepada mereka yang hendak mendirikan rumah di kampung ini. Tetapi pada masa ini pinjaman yang serupa itu sudah tidak ada lagi, sedangkan mereka yang tinggal di kampung-kampung ini yang tidak berpindah sentiasa ada, membaiki rumahnya yang buruk dan hendak menggantikan kepada rumahnya yang baik dan selesa atau mereka yang hendak mendirikan rumah baru. Jadi apalah salahnya Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan ini menyediakan satu skim yang dinamakan Skim Perumahan Kampung pula.

Skim Perumahan Kampung ini bertujuan untuk memberi pertolongan kepada mereka di kampung-kampung untuk mendirikan rumah mereka. Kementerian berkenaan bolehlah menyediakan peraturan-peraturan, syarat-syaratnya, cara-caranya dalam Skim Perumahan Kampung ini. Pendek kata Skim Perumahan Kampung ini bukannya Kerajaan memberi bantuan percuma tetapi Kerajaan memberi pertolongan dengan cara pinjaman.

Dengan ini Kerajaan kita dapat membantu rakyat yang berkemampuan pula di kampung-kampung di luar bandar bagi mendapatkan pinjaman perumahan: Kalaulah mereka yang tidak mempunyai tanah atau yang tidak mempunyai kampung, Kerajaan telah mengadakan skim LKTP atau Rancangan Tanah Pinggir dan mereka yang daif di masa satu dua tahun yang lepas, Kerajaan kita pula telah mengadakan rancangan pemulihan kampung. Tetapi bagi mereka yang di golongan pertengahan dan berkemampuan, patut pula Kerajaan kita memberikan bantuan pinjaman perumahan sepertimana yang disebutkan Skim Perumahan Kampung tadi.

Tuan Yang Dipertua, saya beralih kepada Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Kepala B.21 yang telah diperuntukkan sebanyak \$35 juta lebih bagi Perbelanjaan 1985 ini.

Dalam Kementerian ini, saya suka menyentuh dalam bidang kesukanan dalam negara kita, kerana sukan ialah satu riadah yang membentuk kesihatan rakyat kita melalui berbagai-bagai bentuk senaman dan permainan. Kerajaan kita melalui Kementerian ini adalah diberi tanggungjawab bagi meningkatkan mutu kesukanan terutama sekali dalam bidang permainan seumpama dalam lapangan bola sepak, bola tangkis, pingpong dan lain-lain lagi. Oleh itu saya berharap kepada Kerajaan supaya meningkatkan lagi usaha-usaha mempertingkatkan mutu permainan pemain-pemain bola sepak kita dan juga mutu permainan pemain-pemain bulu tangkis yang termasyhur itu dengan apa cara sekalipun, sebab negara kita berkehendakkan juga mengambil bahagian dalam perlawanan-perlawanan antarabangsa yang mana sudah pasti diadakan pada tiap-tiap tahun itu dengan harapan negara kita ini akan mendapat kemenangan yang cemerlang. Oleh itu melalui Dewan ini juga saya mengambil peluang

mengucapkan terima kasih kepada pasukan negara kita yang mengambil bahagian dalam perlawanan yang diadakan sama ada di dalam negeri ataupun di luar negeri.

Tuan Yang Dipertua, negara kita ini telah mempunyai berbagai-bagai kegiatan permainan termasuklah permainan bola sepak, bola tangkis, pingpong dan bermacam-macam lagi. Ini tidak termasuk dalam jenis-jenis permainan yang lain, seumpama permainan layang-layang, permainan gasing, sepak takraw, permainan sepak raga bulatan dan sebagainya.

Berhubung dengan permainan ini, Tuan Yang Dipertua, saya suka bertanya kepada Menteri yang berkenaan, adakah Kerajaan kita mewujudkan satu jenis permainan kebangsaan negara kita Malaysia ini. Kerana bidang-bidang yang lain Kerajaan kita telah mewujudkan seumpama, lagu "Negara Ku" sebagai lagu kebangsaan. Bunga Raya sebagai bunga kebangsaan. Bahasa Malaysia sebagai bahasa kebangsaan. Dari segi pakaian pun telah ada pakaian kebangsaan.

Walaupun permainan termasuk di dalam kebudayaan tetapi oleh kerana kebudayaan itu mempunyai pengertian yang luas maka saya berpandangan patut Kerajaan kita mewujudkan permainan kebangsaan pula yang mana permainan itu mestilah diketahui dan difahami oleh rakyat kita di Malaysia ini seperti juga aspek-aspek Kebangsaan yang lain yang saya sebutkan tadi.

Jika sekiranya belum diadakan oleh Kerajaan maka saya suka menyenaraikan kepada Menteri berkenaan supaya dipilih satu jenis permainan oleh sebuah Jawatankuasa yang dibentuk oleh Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan. Permainan ini adalah diambil daripada dalam negara kita sendiri. Permainan tradisional kita sendiri bolehlah kita pilih seumpama barangkali daripada

permainan layang-layang ataupun permainan gasing ataupun permainan sepak raga pasukan bulatan.

Sebab saya mengesyorkan permainan-permainan itu oleh kerana alat-alat permainan itu boleh didapati daripada dalam negeri kita sendiri. Kita kaya mempunyai hasil-hasil perhutanan daripada kayu balak, kayu keras barangkali untuk dibuat gasing dan juga daripada pokok terap yang ada tumbuh dalam hutan negara kita ini kita jadikan tali.

Kita dapati juga banyak rotan yang boleh dibuat raga. Kita tidak payah mengimpot daripada luar negeri seperti alat-alat permainan yang lain-lain, barangkali yang sesuai pada pendapat saya permainan sepak raga bulatan boleh kita jadikan permainan kebangsaan negara kita ini. Kerana permainan sepak raga bulatan ini telah termasyhor semenjak daripada pemerintahan Sultan Melaka dahulu kira-kira abad ke-15 tahun 1400 hingga 1500.

Dan kerana itu saya fikir patutlah permainan sepak raga bulatan ini kita ajukan di sekolah-sekolah rendah lagi dan juga di sekolah-sekolah menengah sehinggalah mencapai ke taraf permainan kebangsaan. Jika permainan bola sepak memerlukan orang yang ramai maka permainan sepak raga bulatan ini juga memerlukan orang yang ramai. Barangkali kita boleh menetapkan satu pasukan seramai dalam 8 orang atau 10 orang ataupun 12 orang umpamanya.

Dengan ini juga, Tuan Yang Dipertua, secara tidak langsung kita menggalakkan rakyat negara kita ini mengetahui dan dapat membuat bola raga sebagai galakan dalam bidang kraftangan yang digalakkan oleh Kerajaan kita di kampung-kampung, di luar bandar dan sebagainya melalui Kementerian Pembangunan Negara dan Luar Bandar.

Tuan Yang Dipertua, yang akhirnya saya menyentuh Kementerian

Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Kepala B.63 peruntukan sebanyak \$202 juta lebih yang diperuntukkan kepada berbagai-bagai jabatan.

Tuan Yang Dipertua, dalam Kementerian ini saya menyentuh Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS). Jabatan KEMAS ini kalau tidak silap saya telah diwujudkan beberapa tahun dahulu iaitu kira-kira dalam tahun 60an, pada masa itu dinamakan Kelas Dewasa dengan tujuan untuk membangunkan, rakyat terutama sekali rakyat di luar bandar.

Oleh sebab jabatan ini mencapai kejayaan yang sangat baik maka Kerajaan telah melanjut dan meluaskan lagi bidang-bidang khidmatnya dan sekarang ini dinamakan Jabatan Kemajuan Masyarakatlah iaitu KEMAS.

Kalau asasnya dahulu bidang khidmatnya termasuk membasmi buta huruf di kalangan orang-orang dewasa dan juga pelajaran urusan rumahtangga dan lain-lain. Tetapi sekarang khidmatnya telah merangkumi 8 jenis pelajaran tertentu iaitu mewujudkan kelas TABIKA yakni memberi pelajaran asas kepada kanak-kanak yang belum bersekolah selama dua tahun.

Saya nampak kelas ini cukup berjaya kerana kanak-kanak yang telah memasuki kelas TABIKA manakala dia bersekolah di Sekolah Kebangsaan kelak, murid-murid itu berjaya menyambungkan pelajarannya dengan tiada apa-apa halangan kerana kanak-kanak ini telah berani bercakap oleh sebab mereka telah bercampur gaul, bermain-main dengan kawan-kawannya. Dan bagi masyarakat dewasa di bidang pertanian, Kerajaan telah mewujudkan juga satu galakan, satu rancangan Desa Usaha umpamanya; bagi orang-orang perempuan diadakan pula kelas KKL seumpama kelas latihan kerja yang mengandungi jahitan ataupun sulaman, anyaman, belajar mengurus rumahtangga dan untuk memberi peluang kepada

belia-belia kita yang berminat dalam lapangan motor diadakan pula kelas KLIK motor mekanik. Bagi menarik minat rakyat untuk menggalakan mereka gemar membaca pula, jabatan ini telah mengadakan satu rancangan yang bernama Khutub-khanah Desa.

Tuan Yang Dipertua, saya berterima kasih kepada Kerajaan kerana telah mewujudkan 8 jenis kelas untuk membangunkan rakyat dalam berbagai-bagai bidang selaras dengan Dasar Ekonomi Baru Kerajaan.

Tetapi, Tuan Yang Dipertua, saya nampak satu jenis pelajaran tidak diadakan di kelas Jabatan Kemajuan Masyarakat ini. Tidak tahulah saya kalau di negeri-negeri lain telah ada tetapi di Negeri Sembilan pada masa ini setahu saya belum ada lagi kelas pelajaran agama di bawah Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) ini.

Pada masa kelas ini ditubuhkan tahun 60an dahulu, pada masa itu kelas dewasa namanya, pelajaran agama di kelas itu telah diadakan, tetapi sekarang sudah tiada lagi. Oleh itu, Tuan Yang Dipertua, saya berpendapat kelas pelajaran agama ini patut diadakan di bawah Jabatan KEMAS iaitu diadakan kelas-kelas pelajaran agama kepada mereka yang berumur 20-30 tahun ke atas. Kerana dengan adanya kelas pelajaran agama ini masyarakat luar bandar bukannya sahaja dapat mengulang kaji atau dapat pelajaran agama tetapi yang pentingnya ialah untuk mengelakkan atau menyekat ajaran-ajaran sesat yang merebak di kampung-kampung yang ada didapati di negeri kita ini. Dengan wujudnya kelas ini mereka tidak akan terpengaruh jika didatangi pula oleh penyebar-penyebar ajaran sesat itu.

Di samping itu, Tuan Yang Dipertua, guru agama ini juga boleh menjelaskan lagi dasar-dasar Kerajaan kita kepada rakyat dengan tepat dan meluas serta memberi penerangan yang berterusan

berkenaan dengan hal ehwal semasa yang perlu diketahui oleh rakyat di luar bandar.

Yang kedua, Tuan Yang Dipertua, saya suka menyentuh khidmat Pembantu Masyarakat (PM) ini dan juga khidmat Penyelia-penyelia KEMAS ini. Setahu saya khidmat mereka sama ada PM atau Penyeliana ialah secara kontrak selama dua tahun. Selepas daripada itu Kerajaan boleh menyambung semula ataupun memberhentikannya. Jadi dalam perkhidmatan mereka selama dua tahun ini mereka tidak dapat menyertai kemudahan-kemudahan, terutama sekali pinjaman perumahan. Kerana dengan dua tahun kontrak ia bekerja, mereka tidak dapat menyertai skim itu. Untuk mendapatkan pinjaman perumahan mestilah boleh menjelaskan dalam tempoh tiga tahun sekurang-kurangnya.

Di dalam masalah ini, Tuan Yang Dipertua, saya mengesyorkan kepada Kerajaan supaya kontrak selama dua tahun kepada PM dan Penyelia-penyelia itu dilanjutkan kepada lima tahun sama seperti tempoh pilihanraya, gunanya untuk memberi peluang kepada mereka yang hendak menyertai skim pinjaman perumahan dan lain-lain. Begitu juga dengan elaun PM ini sebanyak \$370 sebulan itu patut juga kita timbangkan, kerana bila sudah dipotong bayaran EPF, mereka menerima lebih kurang dalam \$335 sebulan. Ini kita timbanglah sendiri dengan pendapatan yang sebanyak itu bagaimana mereka menampung perbelanjaan ahli-ahli keluarga yang ramai dan kadang-kadang sekurang-kurangnya mereka mempunyai 3-4 orang pada satu keluarga. Apa lagi dengan keadaan harga barang-barang sekarang, oleh itu saya mengesyorkan juga supaya elaun mereka itu patut dikaji ataupun difikirkan kemudian.

Yang ketiga, Tuan Yang Dipertua, berhubung dengan KEMAS ini juga, saya mengucapkan terima kasih kepada Menteri Pembangunan Negara dan

Luar Bandar kerana telah membina pusat kegiatan KEMAS, kerana di sinilah sebagai pusat pergerakan berhubung dengan aktiviti-aktiviti KEMAS dalam satu-satu daerah di kawasan Parlimen. Jadi langkah Kerajaan mewujudkan sebuah bangunan pusat kegiatan KEMAS dalam satu kawasan Parlimen itu adalah dialu-alukan. Dalam pengwujudan ini, saya nampak belum menyeluruh lagi, sebab di Negeri Sembilan baru ada dua buah bangunan sahaja, pusat kegiatan KEMAS, satu di Rembau dan satu di Batu Kikir. Saya harap supaya ditambah dan diwujudkan lagi pusat-pusat kegiatan KEMAS dan lain-lain dalam kawasan Parlimen yang belum ada sebanyak 5 daerah di Negeri Sembilan ini.

Tuan Yang Dipertua, oleh sebab ada beberapa orang rakan-rakan yang hendak berucap, maka setakat itu sahajalah saya mengambil peluang dalam membahaskan Rang Undang-undang ini diluluskan.

**Timbalan Yang Dipertua:** Yang Berhormat Tuan Haji Ariffin bin Haji Salleh.

*6.04 ptg.*

**Tuan Haji Arrifin bin Haji Salleh:** Tuan Yang Dipertua, saya mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang bersama-sama dengan rakan-rakan yang lain untuk memberi sedikit sebanyak pandangan di atas Belanjawan 1985.

Saya mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Menteri Kewangan, Yang Berhormat Tuan Daim Zainuddin di mana ucapan Belanjawannya bagi tahun 1985 ini adalah merupakan ucapan ulung sebagai Menteri Kewangan. Tetapi dengan gagah dan beraninya beliau telah merangkakan satu Belanjawan bagi tahun 1985 akan datang ini yang mana seluruh rakyat menyambut baik, yang dikatakan Belanjawan yang tidak menyusahkan kepada rakyat. Di sebalik itu ada juga

orang perkatakan Belanjawan pada tahun 1985 ini satu Belanjawan kebajikan yang akan dijalankan di negara kita ini.

Saya juga suka mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Menteri dan pegawai-pegawainya. Sungguhpun Belanjawan yang dikemukakan ini sebagaimana saya sebutkan tadi adalah Belanjawan yang tidak menyusahkan orang ramai, tetapi saya faham Kerajaan juga telah berjaya dan Kementerian Kewangan telah berjaya mengumpulkan hasil-hasil dan cukai-cukai bagi tahun 1985 ini dengan lebih kurang \$40 juta diperolehi daripada hasil ataupun cukai-cukai yang dipungut pada tahun lepas. Jadi atas kejayaan yang dikumpulkan wang \$40 juta lebih daripada masa-masa yang lalu ini adalah satu kebijaksanaan yang telah diusahakan oleh Yang Berhormat Menteri dan kakitangan Kementerian Kewangan. Dan saya kira keadaan ini sesuai dengan kehendak rakyat sekarang ini memandangkan kepada keadaan ekonomi meleset haruslah Kerajaan tidak membebankan rakyat terutama sekali rakyat yang berada di luar bandar.

Perbelanjaan ataupun Anggaran Belanjawan 1985 ialah berjumlah sebanyak \$29,191 juta ini adalah dibahagikan kepada \$21,538 juta ialah Belanja Mengurus dan \$7,653 juta ialah Belanja Pembangunan.

Belanja Mengurus sebagaimana yang dicatat dalam Belanjawan ini tidak ada kekurangan, bahkan tiap-tiap Kementerian ada menambah, kecuali yang saya perhatikan seperti di bawah Kementerian Perusahaan Awam ada 1, 2, 3 Jabatan yang kurang daripada masa-masa yang lepas. Belanja Mengurus tidak dapat kita kurangkan, barangkali ialah kerana benda itu sudah terhad seperti itu.

Saya rasa amatlah kena pada masa ini pihak kakitangan Perkhidmatan Awam bersabarlah dahulu jangan menuntut kenaikan gaji pada masa ini

kerana keadaan negara atau keadaan ekonomi dunia merosot, dan kita harus meleset sama. Jadi, kita bersabar sementara waktu sehingga negara kita telah mampu untuk membiayai kehendak-kehendak kakitangan Perkhidmatan Awam.

Tuan Yang Dipertua, saya bercadang cuma 1, 2, 3 Kementerian sahaja yang saya hendak sentuh dalam ucapan saya pada petang ini. Satu daripadanya Kementerian Pelajaran.

Banyak rakan-rakan saya telah sentuh mengenai Kementerian Pelajaran ada bermacam-macam masalah. Dan Kementerian Pelajaran pada masa ini bermacam-macam ikhtiar telahpun diatur, disusun dan dilaksanakan sehingga kadang-kadang kita sendiri pun tidak sempat hendak menuruti apakah langkah-langkah yang dibuat oleh Kementerian Pelajaran pada masa ini. Tetapi satu perkara yang menjadi tanda tanya kepada orang ramai, kepada rakyat atau kepada kita sendiri, kadang-kadang kita harus bertanya, apakah dasar pelajaran kita yang ada sekarang ini salah? Apakah pelaksanaan dasar pelajaran yang ada sekarang ini tidak betul? Yang menyebabkan murid-murid yang belajar di sekolah rendah iaitu sekolah daripada Darjah 1 sampai Darjah 6 pada masa ini boleh dikatakan separuh atau lebih separuh yang tidak tahu membaca, dan tidak tahu menulis. Barangkali Ahli-ahli Yang Berhormat yang lain kalau mereka sama-sama dahulu, saya masih teringat pada masa sebelum Perang Dunia Kedua atau sebelum kita merdeka, anak-anak kita iaitu kita sendiri pada masa itu masuk sekolah Darjah 1 atau Darjah 2 sudah tahu membaca dan sudah tahu menulis, tetapi anak-anak kita pada masa ini darjah 2 atau darjah 3 tidak tahu mereka hendak membaca dan tidak tahu mereka hendak menulis.

Jadi itulah soalan saya, adakah dasar pelajarannya salah atau pelaksanaan kita yang tak betul. Saya sendiri tidak

dapat menjawab tetapi perkara ini ada depan kita, mahu tidak mahu kita menyedari seperti peruntukan dalam Belanjawan 1985, Kementerian Pelajaran sahaja ditambah sebanyak \$11,000 juta. Tentulah barangkali mengikut program-program yang diatur oleh Kementerian Pelajaran menyebabkan perbelanjaan bertambah daripada tahun 1984 ke 1985, tetapi hakikat yang saya sebut ini harus dikaji ataupun diberi jawapan. Kalau perlu, dasar kita barangkali dipinda, kita harus pinda.

Cuma saya teringat masa saya bersekolah zaman dahulu satu sahaja perbezaan yang besar kita nampak, iaitu waktu kita masuk Darjah I, kalau kita tak lulus Darjah I, kita terpaksa kena tunggu lagi setahun Darjah I, kita tak boleh naik Darjah II. Kalau kita tak lulus Darjah II, kita tak boleh naik Darjah III, tetapi sekarang ini ekspres, terus naik; pandai tak pandai, tahu tak tahu membaca, tahu tak tahu menulis, masuk Darjah I tahun depan Darjah II, cukup 6 tahun habislah mereka di sekolah rendah, terus masuk ke sekolah menengah. Apa faedah mereka pergi ke sekolah menengah, Tingkatan I, Tingkatan II, Tingkatan III kalau mereka tidak tahu membaca?

Itulah barangkali sedikit sebanyak apa yang saya hendak sentuh dalam Kementerian Pelajaran ini. Saya berharap pihak Kementerian Pelajaran atau Menteri yang berkenaan berilah jawapan yang agak boleh diterima oleh ramai bilangan ibubapa yang selalu bersungut dalam soal ini dan barangkali Ahli-ahli Yang Berhormat pun juga yang ada anak dalam sekolah, barangkali lebihkurang. samalah dengan apa yang saya sebut ataupun apa yang disungutkan oleh orang-orang kita pada masa ini.

Tuan Yang Dipertua, dalam perkara-perkara lain Kementerian Pelajaran ini sudah banyak disentuh dan cuma satu perkara lagi yang saya hendak sentuhkan di sini ialah mengenai pertukaran guru. Jadi seharusnya Kementerian

Pelajaran memberi satu pertimbangan yang sewajar, kalau seorang katalah penduduk Kelantan sekarang ini sedang mengajar di Negeri Sembilan setahun, dua tahun, tiga tahun mereka minta bertukar, seharusnya Kementerian Pelajaran memberi keutamaan seperti itu. Begitu juga barangkali rakyat daripada Negeri Sembilan yang mengajar di Kelantan kalau dia minta bertukar haruslah memberi pertimbangan kerana maklum sahajalah kadangkadangkang guru-guru yang saya maksudkan ini ada juga guru-guru perempuan, ibubapanya selalu bimbang tak tahulah bagaimana nasib anaknya yang berada jauh daripada matanya ataupun jauh daripada pandangannya, tetapi kalau anak lelaki barangkali tahanlah sedikit.

Dalam soal ini saya harap bila ada kes yang difikirkan munasabah janganlah lengah-lengah lagi, terus dibuat pertukaran kerana dengan cara itu barangkali semangat ataupun perasaan guru itu hendak berkhidmat barangkali lebih memberikan semangat kepada dia, tetapi kalau kita tidak dapat tukarkan dia, dia duduk juga mengajar di sekolah itu tetapi mengajar dengan tidak ada penuh semangat sebagai seorang guru. Jadi, saya harap Kementerian Pelajaran dapat mengarahkan kepada Pengarah-pengarah Pelajaran di tiap-tiap negeri sekiranya ada keadaan-keadaan seperti itu berilah layanan yang sebaik-baiknya.

Saya suka hendak beralih, Tuan Yang Dipertua, kepada Kementerian Kesihatan. Kementerian Kesihatan ini juga telah banyak disentuh oleh rakan-rakan saya yang sebelum daripada saya dan dari Kementerian Kesihatan ini peruntukan tahun 1985 ini telahpun ditambah sebanyak \$152 juta ataupun 16% daripada peruntukan tahun 1984. Jadi penambahan dari segi Kementerian Kesihatan ini saya agak besar kerana 16% daripada peruntukan tahun 1984, penambahan ini barangkali kerana kita telah terpaksa membuat hospital-hospital baru atau menambah kakitangan-kakitangan yang baru atau

menambah pengambilan-pengambilan doktor dan sebagainya bagi hendak memenuhi hasrat rakyat yang sentiasa mahukan pertolongan atau perlindungan daripada Kerajaan dari segi hospital ataupun kesihatan mereka.

Tetapi yang anih, Tuan Yang Dipertua, satu perkara kadang-kadang kita pun rasa malu di mana-mana hospital, kalau di Kuala Lumpur ini kita panggilkan General Hospital. Barangkali Tuan Yang Dipertua pun pernah melawat General Hospital ini dan saya maksudkan ini di mana-mana hospital, baik di Kelantan, Terengganu dan lain-lain negeri ataupun di General Hospital. Kita selalu menasihatkan rakyat supaya menjaga kesihatan tetapi hospital-hospital kita di Malaysia ini, ya Allah, dengan kotor dan bau busuk. Saya tidak tahu di mana letaknya perkara ini yang tak boleh kita jaga sebab di tiap-tiap hospital dalam Malaysia kita ini ada tukang jaga, ada tukang sapu, ada tukang cuci, tetapi di mana kita pergi hospital, itulah kita dapati.

Jadi, sebagaimana yang Tuan Yang Dipertua maklum, kita tiap-tiap orang pesakit masuk hospital dia ingin mengubat dan ingin berihat, tempat duduk agak selesa, bukan sahaja tempat duduk selesa, makan juga hendak sedap sedikit kalau dapat ataupun sekurang-kurangnya dari segi kebersihan saya maksudkan tadi. Jadi, adakah kita semata-mata hendak menambahkan kakitangan di peringkat staff nurse atau nurse sahaja atau doktor sahaja, kita tidak menambah kakitangan untuk menjaga hospital itu. Tetapi kalau kita perbandingkan di Kuala Lumpur ini, kalau kita bandingkan General Hospital dengan Universiti Hospital ada beza; University Hospital lebih baik kebersihannya daripada General Hospital; oh! barangkali kerana orang kata Universiti Hospital terlalu rapi kawalannya. Kalau itu boleh mendatangkan kebaikan, apa salahnya di General Hospital juga buat kawalan yang rapi seperti itu.

Kalau di Kelantan itu, saya tak boleh bandinglah dengan Rumah Sakit Besar Kota Bharu dengan Hospital Universiti di Kubang Krian, kerana Hospital Universiti di Kubang Krian itu baru buat, barangkali tidak adil kalau saya bandingkan di situ. Tentulah barangkali yang baru itu masih berkilat, tetapi kalau bandingkan General Hospital dengan Universiti Hospital di Kuala Lumpur ini jauh.

Jadi saya berharap supaya keadaan ini dapat diatasi. Carilah jalan atau ambillah mana-mana pandangan daripada pelawat-pelawat hospital umpamanya yang dilantik oleh Kementerian Kesihatan, yang ada juga di dalam itu anggota-anggota parti politik, pegawai-pegawai Kerajaan yang lain daripada Kementerian Kesihatan barangkali boleh berbincang sesuatu untuk mencari jalan supaya hospital-hospital kita di Malaysia ini bersih dan tidak berbau busuk.

Pernah terdapat perkara ini Tuan Yang Dipertua, orang yang datang ke hospital hendak masuk wad, sakitnya tidak begitu tetapi oleh sebab keadaan di situ makin bertambah sakitnya. Jadi kalaulah itu berlaku sia-sialah barangkali kita mengadakan hospital-hospital yang banyak dengan kita tidak dapat mengawal dengan keadaan yang baik dan apa yang kita bimbang satu hari kelak rakyat tidak lagi percaya kepada hospital-hospital Kerajaan. Barangkali Kerajaan jawab biarlah kalau rakyat tak suka pun hospital Kerajaan, tidak mengapa tetapi kita tidak seharusnya berfikir demikian.

Sekarang ini seperti di Kuala Lumpur ini memanglah orang-orang yang sudah berada mereka tak masuk hospital-hospital Kerajaan, dia masuk hospital-hospital private dengan keadaannya yang selisa, dia mampu bayar, tetapi cuma orang yang tidak mampu hendak bayar seperti kita Ahli-ahli Dewan Negara ini tentulah mahu tak mahu pun kena pergi General Hospital. Jadi di

situlah tempat duduk kita, busuk, busuklah, kotor, kotorlah, apa boleh buat, tetapi kalau banding dengan orang-orang yang mampu, masuk di situ satu malam besok dia keluar, dia pergi Assunta Hospital atau ke mana-mana sahaja. Jadi keadaan seperti ini saya mintalah supaya pihak Kementerian Kesihatan cuba mencari jalan untuk mengatasinya. Saya rasa hospital-hospital yang ada ini kalau hendak dibersihkan mestilah kena cat baru. Selepas cat baru itu mestilah buat peraturan yang agak ketat sedikit supaya dapat dikawal dari segi kebersihan.

Tuan Yang Dipertua, saya beralih pula kepada Kementerian Pertanian. Kementerian Pertanian ini juga peruntukan yang diberi ialah sebanyak \$357 juta bagi tahun 1985. Ini juga 4% lebih daripada tahun 1984 yang lalu. Jadi dengan peruntukan bertambah sekadar \$15 juta ataupun 4% daripada tahun lepas adalah diharapkan Kementerian Pertanian dapat memainkan peranan yang lebih aktif, yang lebih penting untuk mengawal dan menjaga petani-petani kita, nelayan-nelayan kita yang terlibat di bawah Kementerian Pertanian.

Satu perkara saya tidak tahu sama ada Kementerian Pertanian sedar atau tidak sedar pada masa ini. Di Kelantan banyak terdapat nelayan-nelayan daripada negara asing atau perompak-perompak, lanun-lanun ada di sekitar pantai negeri Kelantan.

Sebagaimana baru-baru ini barangkali Ahli-ahli Yang Berhormat pun terbaca dalam suratkhobar, rompak telah berlaku di tengah-tengah laut semasa rakyat Kelantan pergi menangkap ikan mencari nafkah. Jadi apa yang saya harapkan dari segi nelayan ini, apa yang saya harapkan kepada Kementerian Pertanian supaya di negeri Kelantan juga dapat mengadakan Pasukan Polis Merin untuk mengawal sepanjang-panjang

perairan negeri Kelantan seperti mana yang telah ada di negeri Terengganu. Pada masa-masa yang lepas diharapkan barangkali oleh Kementerian Pertanian, Polis Merin yang ada di Terengganu juga untuk mengawal negeri Kelantan tetapi Terengganu dengan Kelantan itu jauh. Kalau perjalanan ikut darat dengan motorkar memakan masa 2½ jam. Saya rasa kalau kita ikut laut pun hampir-hampir itu juga masanya dengan bot. Jadi kalau kejadian di sebelah pantai di Kelantan berhampiran dengan Thailand tentulah tak sempat Polis Merin daripada Terengganu hendak berkejar ke sana. Tak sempat kerana keadaannya jauh. Jadi sebagaimana Tuan Yang Dipertua pun faham negeri Kelantan dengan Thailand ini adalah negeri yang hampir sempadan dan pernah saya menyebut dalam Dewan yang mulia ini pada masa-masa yang lepas keadaan nelayan-nelayan daripada Thailand datang ke perairan Kelantan atau perairan Malaysia mereka cukup lengkap dengan alat senjata tetapi nelayan-nelayan kita keluar mencari makan di laut hanya dengan pukat-pukat segagah-gagahnya barangkali adalah di atas motorbot itu kayu sepanjang itu tetapi orang ada senapang atau macam-macam lagi alat senjata api yang moden-moden. Jadi keadaan inilah kalau tidak dibantu kawalannya oleh pihak polis Merin nasib nelayan-nelayan yang tinggal di Kelantan akan susah sepanjang-panjang masa.

Sekarang ini saya sendiri ada membawa satu kes kepada Kementerian

Luar Negeri. Kes ini sudah lama berlaku tetapi tidak berjaya. Sebuah bot kepunyaan orang Kelantan sekarang ini berada di tangan Kastam, Kerajaan Thailand. Hendak pergi mengambil tak boleh. Jadi saya akan cubalah mendapatkan menerusi Kementerian Luar Negeri kita kalau-kalau ada ehsan belas hendak dapatkan surat daripada Kedutaan Thailand di Kuala Lumpur dengan haraan itulah supaya bot tadi dapat dipulangkan kembali kepada tuan ampunya. Saya tidak tahu sejauh mana akan berjaya perkara seperti ini tetapi perkara-perkara ini sering kali berlaku dan sebagaimana yang saya pernah sebut juga menerusi laut ini juga kejadian-kejadian jenayah yang berlaku di Kelantan seringkali berlaku.

**Timbalan Yang Dipertua:** Ahli Yang Berhormat, adakah panjang lagi ucapan itu? Kalau panjang lagi, bolehlah sambung pada hari esok.

**Tuan Ariffin bin Haji Salleh:** Terima kasih, Tuan Yang Dipertua.

**Timbalan Yang Dipertua:** Saya juga akan memberi peluang kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang tak berucap pada hari ini akan diberi keutamaan pada hari esok.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat ditangguhkan sekarang sehingga pukul 3.00 petang hari esok, 7hb Disember, 1984.

*Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.*